al Asma' al Husna

seminar akidah

MEMAHAMI NAMA NAMA ALLAH YANG INDAH

إِنَّ لِلَّهِ تِسْعَةً وَتِسْعِينَ اسْمًا ، مِائَةً إِلَّا وَاحِدًا ، مَنْ أَحْصَاهَا دَخَلَ الْجَنَّةَ

Sesungguhnya Allah mempunyai 99 nama,sesiapa yang menghafaznya akan memasuki syurga.

[Sahih al-Bukhari]

Kandungan

Tajuk	**Muka surat**
Adab Penuntut Ilmu	2
Kepentingan Mempelajari Nama-Nama Allah	3
Bagaimana Memahami Nama-Nama Allah	
Pertama: Nama-nama dan sifat-sifat Allah adalah tauqifiyyah	3
Kedua: Nama-Nama Allah Kesemuanya Indah	4
Ketiga: Nama-Nama Allah Tidak Terbatas	5
Keempat: Tiada Dalil Sahih Menyatakan 99 Nama	6
Kelima: Apakah maksud menghafaznya sehingga dapat masuk syurga?	7
Penyelewengan dalam memahami nama-nama dan sifat-sifat Allah	
Persamaan lafaz tidak bermaksud persamaan bentuk	9
Methodologi Ahlussunnah Dalam Memahami Nama-Nama Allah	10
Berdoa dengan nama-nama Allah	11
Huraian Nama-Nama Allah	
Allah, Al-Ilah	12
Al-Rabb	14
Al-Kholiq, Al-Khollaq, Al-Musowwir, Al-Bari	16
Al-Aziz, Al-Jabbar, Al-Mutakabbir	19
Ar-Rahman Ar-Rahim	22
Al-Hayyu Al-Qayyum	25
Ar-Rozzaq, Ar-Raziq, Al-Wahhab	28
Al-Somad	30
Al-Hadi	31
Al-Fattah	33
Al-Sami’	35
Al-Bashir	38
Al-Lathif dan Al-Khabir	39
Al-Awwal, Al-Akhir, Az-Zahir, Al-Bathin	41
Al-Hafiz	51
Al-Syahid Al-Raqib	62
Al-Qowiy	67
Al-‘Aliy	79
Al-Afw, Al-Ghafur, At-Tawwab	86
Al-Karim	90
As-Salam	92
Al-Quddus dan As-Subbuh	94
Al-Hamid, Al-Majid	95
Al-Syakur, Al-Syakir	100
Al-Halim	102

Al-Haq, Al-Mubin	104
Al-Qodir, Al-Muqtadir	106
Al-Wadud	108
Al-Hasib, Al-Kafi	110

Adab Penuntut Ilmu

1. Ikhlas kerana Allah.

2. Menumpukan perhatian kepada majlis ilmu.

3. Menghormati ilmuan yang sedang mengajar di hadapan.

4. Bersabar jika kita melihat pada guru kita sesuatu yang kita tidak suka.

5. Jika ada perkataan ilmuan atau isi-isi yang menarik, tuliskan pada kertas warna yang disediakan, dan tampalkan pada ruangan “Dinding Hikmah”

6. Menulis isi-isi penting pada ruangan kosong yang ada pada nota yang disediakan.

7. Elakkan berbual-bual ketika majlis ilmu berlangsung. Jika mempunyai kemusykilan, ajukan soalan kepada pembentang dan bukannya kepada rakan di sebelah.

8. Seandainya mempunyai soalan, tulis dan letakkan pada kotak yang disediakan. Soalan juga dibenarkan secara lisan ketika sesi soal jawab berlangsung.

9. Pastikan telefon bimbit dimatikan atau berada dalam keadaan *'silent mode'*. Elakkan daripada menggunakan telefon bimbit semasa penceramah semasa majlis ilmu.

10. Tundukkan pandangan. Ketika peserta Muslimah bertanyakan soalan, peserta lelaki hendaklah memandang ke hadapan dan bukan melihat ke arah Muslimah tersebut, begitu juga sebaliknya.

11. Berada di dalam dewan 5 minit sebelum slot bermula.

12. Berusaha untuk berada dalam majlis ilmu sehingga selesai kecuali apabila ada keperluan mendesak yang tidak dapat dielakkan.

13. Mengikut arahan yang diberikan oleh pengerusi majlis agar majlis ilmu berjalan lancar.

Kepentingan Mempelajari Nama-Nama Allah

Mentauhidkan Allah merupakan asas kepada keimanan seorang Muslim. Seseorang itu tidak mungkin akan menyembah Allah melainkan jika dia dapat merasakan kebesaran Allah, meyakini kebesaran Allah, sehingga dia tahu bahawa dia berhajat kepada Allah. Disebabkan itu mengenali Allah adalah satu aspek yang penting agar diri kita sentiasa mengetahui hakikat penghambaan, dan kepada siapakah kita menghambakan diri kita.

Bagaimana memahami nama-nama dan sifat-sifat Allah

Pertama: Nama-nama dan sifat-sifat Allah adalah tauqifiyyah

Hendaklah kita ketahui bahawa nama-nama Allah bukanlah merupakan perkara yang boleh difikir-fikirkan. Sebaliknya ia merupakan perkara yang mesti dibina di atas dalil wahyu iaitu al-Quran dan as-Sunnah.

Dr. Sa'id bin Ali al-Qahtani berkata dalam Syarah al-Asma' al-Husna:

أسماء الله تعالى توقيفية لا مجال للعقل فيها، وعلى هذا فيجب الوقوف فيها على ما جاء به الكتاب والسنة، فلا يزاد فيها ولا ينقص؛ لأن العقل لا يمكنه إدراك ما يستحقه تعالى من الأسماء فوجب الوقوف في ذلك على النص لقوله تعالى

Nama-nama Allah merupakan urusan Tauqifiyyah. Tiada ruang untuk aqal padanya. Oleh kerana itu, wajib untuk berhenti pada apa yang ada dalam al-Quran dan as-Sunnah. Tidak boleh ditambah atau dikurangkan. Ini kerana akal tidak mungkin mampu menentukan apakah nama-nama yang layak untuk Allah. Wajib untuk mengikut dalil dalam hal ini berdasarkan firman Allah:

: [وَلاَ تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْؤُولاً]. وقوله: [قُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّيَ الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ وَالإِثْمَ وَالْبَغْيَ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَأَن تُشْرِكُواْ بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزِّلْ بِهِ سُلْطَانًا وَأَن تَقُولُواْ عَلَى اللَّهِ مَا لاَ تَعْلَمُونَ]؛ ولأن تسميته تعالى بما لم يُسمِّ به نفسه،أو إنكار ما سمَّى به نفسه جناية في حقه تعالى فوجب سلوك الأدب في ذلك،والاقتصار على ما جاء به النص.

Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan dipertanggungjawabkan. (Al-Isra: 36). FirmanNya lagi: Katakanlah: Tuhanku mengharamkan perbuatan yang keji, baik yang nampak ataupun yang tersembunyi, dan perbuatan dosa, melanggar hak manusia tanpa alasan yang benar, mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang Allah tidak menurunkan hujjah untuk itu dan berkata-kata terhadap Allah apa yang tidak kamu ketahui". (Al-A'raf :33)

Ini kerana menamakan Allah dengan apa yang Dia tidak namakan pada diriNya dan mengingkari nama yang Dia berikan pada dirinya merupakan satu jenayah pada hak Allah. Wajib beradab dalam hal ini, mencukupkan diri dengan apa yang ada dalam dalil-dalil al-Quran dan as-Sunnah.[1]

Kedua: Nama-Nama Allah Kesemuanya Indah[2]
Asas kepada pembelajaran subjek nama-nama Allah ialah ayat berikut:

وَلِلَّهِ الأَسْمَاءُ الْحُسْنَى فَادْعُوهُ بِهَا وَذَرُواْ الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَآئِهِ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُواْ يَعْمَلُونَ

Allah memiliki nama-nama yang indah. Berdoalah dengan nama-nama tersebut. Tinggalkanlah mereka yang menyeleweng pada nama-namaNya. Mereka akan dibalas atas apa yang mereka lakukan. [al-A'raf : 180]

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى (8)

Allah. Tiada tuhan yang berhak disembahlah selain Allah. MilikNya nama-nama yang indah [Thaha : 8]

Nama-nama Allah semuanya indah. Tidak ada satu pun nama-nama yang buruk pada Allah. Bahkan jika ada nama-nama Allah yang zahirnya kelihatan tidak elok, ia perlu dinilai dengan cara yang benar. Ini kerana nama-nama Allah boleh dibahagikan kepada dua kategori:

Pertama: Nama-nama Allah yang secara zahir nampak ia satu sifat kemuliaan. Ia tidak perlu digandingkan dengan mana-mana nama untuk memahami kemuliaan nama dan sifat tersebut. Ini merupakan kebanyakan nama-nama Allah seperti Al-Qadir, As-Sami', Al-Bashir dan lain-lain.

Kedua: Nama-nama Allah yang secara zahir nampak ia seperti nama dan sifat yang tercela. Nama-nama ini tidak boleh disebut bersendirian kerana apabila disebut bersendirian maka ia bukanlah merupakan satu bentuk pujia kepada Allah. Tetapi ia menjadi satu nama yang indah dan mulia apabila ia disebut dengan nama lain yang membawa sifat yang bertentangan.

Contohnya:

Al-Mani' yang bermaksud Yang Maha Menghalang. Ia zahirnya bukanlah satu nama yang indah. Ia hanya menjadi indah apabila digandingkan dengan nama Allah Al-Mu'thiy yang bermaksud Yang Maha Memberi. Apabila disebutkan dengan nama yang lain ia menunjukkan keagungan Allah yang mana dia mampu menghalang apa yang Dia tidak mahu, dan Dia akan memberi kepada sesiapa yang Dia mahu. Ia juga menunjukkan sifat pemurah Allah di mana, walau tiada siapa yang boleh memaksa Allah untuk memberi nikmatNya, tetapi dia tetap memberi.

Begitu juga nama Allah Al-Muntaqim yang bermaksud Maha Membalas Dendam. Ia bukanlah satu sifat yang mulia pada zahirnya, tetapi ia akan menunjukkan kemuliaan Allah apabila ia digandingkan dengan sifat Allah yang lain seperti Al-Afw yang bermaksud yang Maha Pemaaf.

[1] Syarah al-Asma' al-Husna, m/s 10
[2] Ringkasan daripada Syarah al-Asma' al-Husna, m/s 20-21

Ketiga: Nama-Nama Allah Tidak Terbatas

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " إِنَّ لِلَّهِ تِسْعَةً وَتِسْعِينَ اسْمًا ، مِائَةً إِلَّا وَاحِدًا ، مَنْ أَحْصَاهَا دَخَلَ الْجَنَّةَ " أَحْصَيْنَاهُ : حَفِظْنَاهُ.

Abu Hurairah radiallahu ' meriwayatkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya Allah mempunyai 99 nama,sesiapa yang menghafaznya akan memasuki syurga. [Sahih al-Bukhari, Kitab at-Tauhid, hadis no:6867]

Ini tidaklah bermaksud nama Allah terbatas kepada 99 sahaja. Ada banyak nama Allah yang tidak diketahui manusia yang Allah tidak sebutkan di dalam al-Quran dan as-Sunnah.

Dalam sebuah riwayat yang ulama hadis sebahagiannya menyatakan dhaif dan sebahagian menyatakan sahih:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَا أَصَابَ أَحَدًا قَطُّ هَمٌّ وَلَا حَزَنٌ ، فَقَالَ : اللَّهُمَّ إِنِّي عَبْدُكَ ، وَابْنُ عَبْدِكَ ، وَابْنُ أَمَتِكَ ، نَاصِيَتِي بِيَدِكَ ، مَاضٍ فِيَّ حُكْمُكَ ، عَدْلٌ فِيَّ قَضَاؤُكَ ، أَسْأَلُكَ بِكُلِّ اسْمٍ هُوَ لَكَ سَمَّيْتَ بِهِ نَفْسَكَ ، أَوْ عَلَّمْتَهُ أَحَدًا مِنْ خَلْقِكَ ، أَوْ أَنْزَلْتَهُ فِي كِتَابِكَ ، **أَوْ اسْتَأْثَرْتَ بِهِ فِي عِلْمِ الْغَيْبِ عِنْدَكَ** ، أَنْ تَجْعَلَ الْقُرْآنَ رَبِيعَ قَلْبِي ، وَنُورَ صَدْرِي ، وَجِلَاءَ حُزْنِي ، وَذَهَابَ هَمِّي ، إِلَّا أَذْهَبَ اللَّهُ هَمَّهُ وَحُزْنَهُ ، وَأَبْدَلَهُ مَكَانَهُ فَرَجًا " ، قَالَ : فَقِيلَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، أَلَا نَتَعَلَّمُهَا ؟ فَقَالَ : " بَلَى ، يَنْبَغِي لِمَنْ سَمِعَهَا أَنْ يَتَعَلَّمَهَا . "

'Abdullah bin Mas'ud radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Tidaklah apa-apa masalah atau kesedihan menimpa seseorang, lalu orang itu membaca:

> *"Ya Allah, sesungguhnya aku hamba Mu, anak kepada hamba Mu, anak kepada hamba perempuan Mu, ubun-ubun ku di Tangan Mu, telah berlalunya keputusan Mu, Engkau telah berlaku adil ke atas ku dalam keputusan Mu, aku memohon kepada Mu dengan setiap nama yang Engkau berikan pada diri Mu, atau yang telah Engkau ajarkan kepada salah satu makhluk ciptaan Mu, atau yang telah Engkau turunkan dalam kitab Mu* ***, atau yang telah Engkau rahsiakan dalam ilmu ghaib Mu,*** *(aku memohon kepada Mu) untuk menjadikan al-Quran sebagai penyejuk hati ku, cahaya di dada ku, penghilang kesedihan ku, penghapus kesusahan ku"*

melainkan pasti Allah akan menghapuskan kesusahan dan kesedihannya, dan menjadikan untuknya jalan keluar. Abdullah bin Mas'ud radiallahu 'anhu bertanya: Ya Rasulullah, perlukah aku mempelajaridoa ini? Baginda sallallahu 'alaihi wasallam menjawab: Sudah pasti, sesiapa yang mendengarnya perlu mempelajarinya.

[Musnad Ahmad, Musnad 10 Yang Dijamin Syurga, Musnad Abdullah bin Mas'ud, hadis no: 3583. Shaikh Syu'aib berkata: Isnadnya Dhaif, manakala Shaikh al-Albani mensahihkannya di dalam al-Silsilah al-Sahihah: 199]

Imam an-Nawawi berkata dalam Syarah Sahih Muslim:

وَاتَّفَقَ الْعُلَمَاء عَلَى أَنَّ هَذَا الْحَدِيث لَيْسَ فِيهِ حَصْر لِأَسْمَائِهِ سُبْحَانه وَتَعَالَى ، فَلَيْسَ مَعْنَاهُ : أَنَّهُ لَيْسَ لَهُ أَسْمَاء غَيْر هَذِهِ التِّسْعَة وَالتِّسْعِينَ ، وَإِنَّمَا مَقْصُود الْحَدِيث أَنَّ هَذِهِ التِّسْعَة وَالتِّسْعِينَ مَنْ أَحْصَاهَا دَخَلَ الْجَنَّة ،

Ulama bersepakat bahawa hadis ini tidak menunjukkan batasan jumlah nama-nama Allah. Tidaklah hadis ini bermaksud: Bahawa tiada nama lain selain daripada 99 nama ini. Sesungguhnya maksud hadis ini ialah jika seseorang mengamalkan 99 nama ini, maka dia akan masuk syurga.[3]

Imam Ibn al-Qayyim menerangkan:

أن الأسماء الحسنى لا تدخل تحت حصر ولا تحد بعدد فإن لله تعالى أسماء وصفات استأثر بها في علم الغيب عنده لا يعلمها ملك مقرب ولا نبي مرسل كما في الحديث... فجعل أسماءه ثلاثة أقسام قسم سمى به نفسه فأظهره لمن شاء من ملائكته أو غيرهم ولم ينزل به كتابه وقسم أنزل به كتابه فتعرف به إلى عباده، وقسم استأثر به في علم غيبه فلم يطلع عليه أحد من خلقه

Nama-nama Allah yang indah tidaklah terbatas bilangannya. Sesungguhnya Allah memiliki nama dan sifat yang Dia rahsiakan dalam ilmu ghaibNya. Malaikat yang rapat denganNya pun tidak mengetahui, tidak juga para nabi yang diutuskan, sebagaimana dalam hadis (riwayat Ahmad di atas). Dia telah menjadikan namanya kepada tiga kategori. (Kategori pertama): Nama yang Dia berikan kepada diriNya dan Dia menzahirkan hal itu kepada sesiapa yang Dia kehendaki daripada malaikatNya, dan selain mereka tetapi Dia tidak menyatakannya di dalam kitabNya. (Kategori kedua) Kategori nama yang Dia turunkan dalam kitabNya untuk mengenalkanNya kepada hamba-hambaNya, dan (Kategori ketiga) nama-nama yang Dia rahsiakan pada ilmu ghaibNya dan tidak diketahui satu makhluk pun.[4]

Keempat: Tiada Dalil Sahih Menyatakan 99 Nama

Kebanyakan nasyid-nasyid Al-Asma’ Al-Husna yang popular di Malaysia adalah berdasarkan sepotong hadis yang tidak sahih.

Antara contoh hadis tersebut ialah apa yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmizi di dalam sunannya:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " إِنَّ لِلَّهِ تَعَالَى تِسْعَةً وَتِسْعِينَ اسْمًا مِائَةً غَيْرَ وَاحِدَةٍ مَنْ أَحْصَاهَا دَخَلَ الْجَنَّةَ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لاَ إِلَهَ إِلاَّ هُوَ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya Allah memiliki 99 nama, sesiapa yang menghitungnya akan memasuki syurga. Dia lah Allah yang Tiada tuhan yang berhak disembah selain dia....(lalu disebutkan satu persatu nama Allah)

[3] Al-Minhaj, Syarah Sahih Muslim, jilid 9, m/s 39
[4] Badai' al-Fawaid, m/s 176

الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلاَمُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ الْخَالِقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ الْغَفَّارُ الْقَهَّارُ الْوَهَّابُ الرَّزَّاقُ الْفَتَّاحُ الْعَلِيمُ الْقَابِضُ الْبَاسِطُ الْخَافِضُ الرَّافِعُ الْمُعِزُّ الْمُذِلُّ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ الْحَكَمُ الْعَدْلُ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ الْحَلِيمُ الْعَظِيمُ الْغَفُورُ الشَّكُورُ الْعَلِيُّ الْكَبِيرُ الْحَفِيظُ الْمُقِيتُ الْحَسِيبُ الْجَلِيلُ الْكَرِيمُ الرَّقِيبُ الْمُجِيبُ الْوَاسِعُ الْحَكِيمُ الْوَدُودُ الْمَجِيدُ الْبَاعِثُ الشَّهِيدُ الْحَقُّ الْوَكِيلُ الْقَوِيُّ الْمَتِينُ الْوَلِيُّ الْحَمِيدُ الْمُحْصِي الْمُبْدِئُ الْمُعِيدُ الْمُحْيِي الْمُمِيتُ الْحَيُّ الْقَيُّومُ الْوَاجِدُ الْمَاجِدُ الْوَاحِدُ الصَّمَدُ الْقَادِرُ الْمُقْتَدِرُ الْمُقَدِّمُ الْمُؤَخِّرُ الأَوَّلُ الآخِرُ الظَّاهِرُ الْبَاطِنُ الْوَالِي الْمُتَعَالِي الْبَرُّ التَّوَّابُ الْمُنْتَقِمُ الْعَفُوُّ الرَّءُوفُ مَالِكُ الْمُلْكِ ذُو الْجَلاَلِ وَالإِكْرَامِ الْمُقْسِطُ الْجَامِعُ الْغَنِيُّ الْمُغْنِي الْمَانِعُ الضَّارُّ النَّافِعُ النُّورُ الْهَادِي الْبَدِيعُ الْبَاقِي الْوَارِثُ الرَّشِيدُ الصَّبُورُ " .

[Sunan at-Tirmizi, Kitab ad-Daawat, hadis no: 3507]

Selepas membawakan hadis di atas, Imam at-Tirmizi pun berkata:

قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ غَرِيبٌ حَدَّثَنَا بِهِ غَيْرُ وَاحِدٍ عَنْ صَفْوَانَ بْنِ صَالِحٍ . وَلاَ نَعْرِفُهُ إِلاَّ مِنْ حَدِيثِ صَفْوَانَ بْنِ صَالِحٍ وَهُوَ ثِقَةٌ عِنْدَ أَهْلِ الْحَدِيثِ . وَقَدْ رُوِيَ هَذَا الْحَدِيثُ مِنْ غَيْرِ وَجْهٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم وَلاَ نَعْلَمُ – فِي كَبِيرِ شَيْءٍ مِنَ الرِّوَايَاتِ لَهُ إِسْنَادٌ صَحِيحٌ ذِكْرَ الأَسْمَاءِ إِلاَّ فِي هَذَا الْحَدِيثِ . **وَقَدْ رَوَى آدَمُ بْنُ أَبِي إِيَاسٍ هَذَا الْحَدِيثَ بِإِسْنَادٍ غَيْرِ هَذَا عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم وَذَكَرَ فِيهِ الأَسْمَاءَ وَلَيْسَ لَهُ إِسْنَادٌ صَحِيحٌ .**

Adam bin Abi Habis telah meriwayatkan hadis ini daripada selain Abu Hurairah radiallahu 'anhu daripada Nabi sallallahu 'alaihi wasallam, dan disebutkan dalam riwayat itu nama-nama Allah. **Tidak ada langsung sanad yang sahih**.

Shaikh Abdul Razzaq menyatakan bahawa Ibn Taimiyyah berkata bahawa susunan nama-nama ini sebenarnya disusun oleh sebahagian ulama salaf yang mana mereka cuba mengumpulkan 99 nama Allah yang mereka temui dalam al-Quran.[5]

Kelima: Apakah maksud menghafaznya sehingga dapat masuk syurga?

Janji masuk syurga merupakan satu janji yang sangat besar. Kelihatan terlalu mudah untuk masuk syurga, cukup dengan menghafaz 99 nama Allah. Hakikatnya ini merupakan satu salah faham yang nyata. Hakikatnya tidaklah semudah itu. Syurga tidaklah terlalu murah sehingga harganya hanya sekadar hafazan 99 nama.

Al-Hafiz Ibn Hajar menukilkan di dalam Fathul Bari:

[5] Rujuk Fiqh al-Asma' al-Husna, m/s 63-64

وقال بن عطية معنى أحصاها عدها وحفظها ويتضمن ذلك الإيمان بها والتعظيم لها والرغبة فيها والاعتبار بمعانيها وقال الأصيلي ليس المراد بالإحصاء عدها فقط لأنه قد يعدها الفاجر وانما المراد العمل بها وقال أبو نعيم الأصبهاني الإحصاء المذكور في الحديث ليس هو التعداد وانما هو العمل والتعقل بمعاني الأسماء والايمان بها.

Ibn 'Atiyyah berkata: Makna menghitungnya ialah mengiranya, menghafaznya yang beserta dengan keimanan kepada nama-nama tersebut, pengagungan kepadaNya, dan tunduk kepadaNya serta mengambil pengajaran daripada maksud-maksud nama tersebut. Al-Asili berkata: Bukanlah maksudnya untuk mengira bilangannya sahaja kerana orang jahat pun mampu mengiranya. Sesungguhnya maksud hadis ini ialah untuk beramal dengannya. Abu Nu'aim al-Asbahani berkata: Menghitung yang disebutkan dalam hadis bukanlah bermaksud mengira. Sesungguhnya ia bermaksud beramal, berfikir tentang maksud nama-nama Allah dan beriman dengannya.

وقال أبو عمر الطلمنكي من تمام المعرفة بأسماء الله تعالى وصفاته التي يستحق بها الداعي والحافظ ما قال رسول الله صلى الله عليه و سلم المعرفة بالأسماء والصفات وما تتضمن من الفوائد وتدل عليه من الحقائق ومن لم يعلم ذلك لم يكن عالما لمعاني الأسماء ولا مستفيدا بذكرها ما تدل عليه من المعاني.

Abu Umar al-Thalamanki berkata: Daripada kesempurnaan mengenali nama-nama dan sifat-sifat Allah, yang mana jika seseorang itu berdoa dan menghafaznya, maka dia akan memperolehi apa yang Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam katakan, iaitu dengan mengetahui nama-nama dan sifat tersebut dan apa sahaja faedah dan hakikat yang wujud daripadanya. Sesiapa yang tidak mengetahui hal-hal tersebut, maka dia bukanlah seseorang yang memahami maksud nama-nama itu, dan dia tidak mendapat faedah dengan menyebutnya.[6]

Imam Ibn al-Qayyim menerangkan dengan lebih jelas bagaimana cara kita untuk beramal dengan nama-nama Allah sehingga mendapat ganjaran syurga:

الثاني عشر في بيان مراتب إحصاء أسمائه التي من أحصاها دخل الجنة. وهذا هو قطب السعادة ومدار النجاة والفلاح. المرتبة الأولى إحصاء ألفاظها وعددها . المرتبة الثانية فهم معانيها ومدلولها . المرتبة الثالثة دعاؤه بها كما قال تعالى ولله الأسماء الحسنى فادعوه بها الأعراف 180 وهو مرتبتان. إحداهما دعاء ثناء وعبادة والثاني دعاء طلب ومسألة

Bab kedua belas pada menyatakan martabat menghitung nama Allah yang mana sesiapa menghitungnya akan masuk syurga. Ini merupakan paksi kebahagiaan, dan kejayaan. Martabat pertama: Menghitung dengan mengira dan menyebut nama-nama itu. Martabat kedua:

[6] Fathul Bari, jilid 11, m/s 226

Memahami maksud nama-nama itu dan kandungannya. Martabat ketiga: Berdoa dengannya sebagaimana firman Allah: Allah memiliki nama-nama yang indah, berdoalah dengannya [al-A'raf : 180]. Doa ini ada dua kategori. Salah satunya ialah doa ibadah, dan yang kedua ialah doa masalah.[7]

Penyelewengan dalam memahami nama-nama dan sifat-sifat Allah

Di dalam Syarah al-Asma' al-Husna[8] dinukilkan huraian Al-Imam Ibn al-Qayyim berkaitan lima bentuk penyelewengan dalam memahami nama-nama Allah. Penyelewengan ini ada yang dilakukan oleh kaum Musyrikin dan ada juga yang berlaku dalam kalangan umat Islam sendiri. Hal ini telah Allah sebutkan dalam al-Quran:

وَلِلَّهِ الأَسْمَاءُ الْحُسْنَى فَادْعُوهُ بِهَا وَذَرُواْ الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَآئِهِ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُواْ يَعْمَلُونَ

Allah memiliki nama-nama yang indah. Berdoalah dengan nama-nama tersebut. Tinggalkanlah mereka yang menyeleweng pada nama-namaNya. Mereka akan dibalas atas apa yang mereka lakukan. [al-A'raf : 180]

Lima bentuk penyelewengan itu ialah:

Pertama: Memberi nama Allah kepada berhala-berhala yang disembah sebagaimana yang dilakukan oleh orang Musyrikin. Berhala Al-Laat diambil daripada perkataan Al-Ilah, Al-Uzza daripada perkataan Al-'Aziz. Ini merupakan penyelewengan yang sangat jelas.

Kedua: Memberi nama yang tidak layak kepada Allah seperti golongan Nasrani yang memanggil Allah sebagai Bapa.

Ketiga: Memberikan nama dan sifat yang penuh kekurangan kepada Allah sebagaimana orang Yahudi yang menyatakan Allah faqir, Allah berehat selepas menciptakan makhluk-makhluknya.

Keempat: Menyatakan bahawa nama-nama Allah itu tidak membawa maksud sifat. Ini merupakan akidah golongan Jahmiyyah dan pengikut mereka. Mereka beriman kepada nama Allah tetapi tidak beriman kepada sifat Allah. Mereka berkata Allah itu Maha Mendengar tetapi mendengar bukan sifat Allah, Allah Maha Hidup tetapi hidup bukan sifat Allah, Allah Maha Melihat tetapi melihat bukan sifat Allah. Ini merupakan satu pegangan yang bercanggah dengan akal yang sihat, dalil-dalil wahyu, bahasa dan fitrah manusia.

Kelima: Memberikan sifat makhluk kepada Allah. Ini merupakan lawan kepada akidah Jahmiyyah. Golongan Jahimiyyah menafikan sifat dan nama-nama Allah yang mulia, manakala golongan Musyabbihah pula menyamakan Allah dengan sifat-sifat makhluk.

Persamaan lafaz tidak bermaksud persamaan bentuk[9]

Di antara punca golongan Jahmiyyah menggugurkan sifat-sifat Allah sehingga menyatakan nama-nama Allah tidak membawa maksud sifat adalah kerana mereka melihat jika kita menetapkan sifat-sifat Allah maka kita telah menyamakan Allah dengan makhluk. Contohnya, mereka

[7] Badai' al-Fawaid, m/s 171-172
[8] Ringkasan daripada Syarah al-Asma' al-Husna m/s 16-17
[9] Rujuk Syarah al-Asma' al-Husna, m/s 31-38

berpandangan jika kita menyatakan Allah Mendengar, maka kita telah menyamakan Allah dengan makhluk kerana makhluk turut mendengar, jika kita menyatakan Allah Melihat, maka kita telah menyamakan Allah dengan makhluk kerana makhluk turut melihat.

Ahlus Sunnah berpegang bahawa walaupun ada persamaan pada lafaz nama dan sifat, itu tidak bermaksud kaifiat atau bentuk sifat itu sama. Bahkan hal ini telah disentuh dalam al-Quran sendiri di mana Allah menamakan dirinya dengan sesuatu nama, dalam masa yang sama Dia sendiri memberikan nama itu kepada makhluknya.

Allah menyebutkan dalam ayat al-Kursiy:

اللَّهُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ

Allah, tiada yang berhak disembah selain Dia. Dia Maha Hidup dan Berdiri Sendiri [al-Baqarah : 185]

Tetapi dalam masa yang sama Allah menamakan makhluk dengan Al-Hayy yang bermaksud "yang hidup";

يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ

Dia mengeluarkan yang hidup daripada yang mati, dan mengeluarkan yang mati daripada yang hidup. [ar-Rum : 19]

Hidup Allah dan hidup makhluk tidak sama, walau pada lafaz teks bahasanya ia mempunyai teks yang sama.

Methodologi Ahlussunnah Dalam Memahami Nama-Nama Allah

Kita telah melihat pelbagai bentuk penyelewengan yang berlaku dalam memahami nama-nama Allah. Oleh kerana itu ulama-ulama Islam telah menyusun method bagi memudahkan umat Islam berinteraksi dengan dalil-dalil yang berkaitan nama-nama dan sifat-sifat Allah.[10]

1- Menetapkan nama-nama dan sifat mengikut maksud yang zahir pada dalil-dalil tersebut.

2- Tidak mengubah ia kepada maksud yang lain.

3- Tidak bertanya bagaimanakah bentuk atau kaifiat sifat-sifat Allah kerana ia merupakan perkara yang hanya diketahui Allah.

4- Meyakini bahawa semua nama-nama dan sifat-sifat Allah ini tidak sama dengan makhluk.

Shaikh Abdul Razzaq berkata:

ومنهجهم في هذا الباب قائم على أصلين عظيمين وأساسين متينين هما: الإثبات بلا تمثيل، والتنزيه بلا تعطيل، فلا يمثلون صفات الله بصفات خلقه كما لا يمثلون ذاته سبحانه بذواتهم، ولا ينفون عنه صفات كماله ونعوت جلاله الثابتة في كتابه وستة رسول الله صلى الله عليه وسلم.

Ringkasan daripada Fiqh al-Asma' al-Husna, m/s 33[10]

Method mereka (iaitu Ahlus Sunnah) berdiri di atas dua asas yang kukuh dan kuat iaitu: Menetapkan (sifat dan nama Allah) tanpa menyerupakan ia dengan makhluk. Menyucikan (nama dan sifat Allah daripada persamaan dengan makhluk) tanpa pula menggugurkan (sifat-sifat tersebut). Mereka tidak pula menyerupakan sifat Allah dengan sifat-sifat makhluk sebagaimana mereka tidak pula menyerupakan zat Allah dengan zat makhluk. Tetapi mereka tidak pula menafikan sifat-sifat kemuliaan yang wujud dalam al-Quran dan as-Sunnah.[11]

Imam al-La'lakaie telah merekodkan dalam kitabnya Syarah Usul I'tiqad Ahl as-Sunnah wa al-Jamaah beberapa athar berkaitan hal ini:

قَالَ نُعَيْمُ بْنُ حَمَّادٍ : مَنْ شَبَّهَ اللَّهَ بِشَيْءٍ مِنْ خَلْقِهِ فَقَدْ كَفَرَ , وَمَنْ أَنْكَرَ مَا وَصَفَ اللَّهُ بِهِ نَفْسَهُ فَقَدْ كَفَرَ , فَلَيْسَ مَا وَصَفَ اللَّهُ بِهِ نَفْسَهُ وَرَسُولُهُ تَشْبِيهٌ

Nua'aim bin Hammad berkata: Sesiapa yang menyerupakan Allah dengan sesuatu daripada makhlukNya, maka dia telah kafir. Sesiapa yang inkar kepada apa yang Allah sifatkan pada diriNya, maka dia telah kafir. Tidaklah ada pada apa yang Allah sifatkan pada dirinya penyerupaan (dengan makhluk).[12]

Ishaq bin Rahawiah berkata:

عَلامَةُ جَهْمٍ وَأَصْحَابِهِ دَعْوَاهُمْ عَلَى أَهْلِ الْجَمَاعَةِ , وَمَا أُولِعُوا بِهِ مِنَ الْكَذِبِ , إِنَّهُمْ مُشَبِّهَةٌ ، بَلْ هُمُ الْمُعَطِّلَةُ

Petanda golongan Jahmiyyah dan pengikutnya ialah dengan melihat tuduhan dan fitnah mereka kepada Ahlus Sunnah bahawa Ahlussunnah adalah golongan musyabbihah (iaitu golongan yang menyamakan Allah dengan makhluk). Bahkan sebenarnya mereka (iaitu golongan Jahmiyyah) adalah golongan yang menggugurkan sifat-sifat Allah.[13]

Berdoa dengan nama-nama Allah

Firman Allah:

وَلِلَّهِ الأَسْمَاءُ الْحُسْنَى فَادْعُوهُ بِهَا وَذَرُواْ الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَآئِهِ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُواْ يَعْمَلُونَ

Allah memiliki nama-nama yang indah. Berdoalah dengan nama-nama tersebut. Tinggalkanlah mereka yang menyeleweng pada nama-namaNya. Mereka akan dibalas atas apa yang mereka lakukan. [al-A'raf : 180]

Shaikh Abdul Rahman bin Nasir as-Sa'di menghuraikan ayat ini dalam Taisir al-Karim al-Rahman fi Tafsir al-Kalam al-Mannan:

[11] Fiqh al-Asma' al-Husna, m/s 34
[12] Syarah Usul al-I'tiqad, no: 936
[13] Syarah Usul al-I'tiqad, no: 938

}فَادْعُوهُ بِهَا { وهذا شامل لدعاء العبادة، ودعاء المسألة، فيدعى في كل مطلوب بما يناسب ذلك المطلوب، فيقول الداعي مثلا اللّهم اغفر لي وارحمني، إنك أنت الغفور الرحيم، وتب عَلَيَّ يا تواب، وارزقني يا رزاق، والطف بي يا لطيف ونحو ذلك.

Firman Allah bermaksud ((Berdoalah dengannya)). Ini merangkumi doa ibadah dan doa masalah. Nama-nama Allah diseru dalam setiap permintaan/doa mengikut kesesuaian dengan permintaan itu. Contohnya, seseorang yang berdoa menyebut 'Ya Allah ampuni aku, rahmati aku, sesungguhnya engkau Maha Pengampun dan Pemberi Rahmat, terimalah taubat aku wahai Maha Penerima Taubat, berikanlah rezeki kepada aku wahai Maha Pemberi rezeki, berlembutlah dengan aku wahai Yang Maha Lembut dan sebagainya.

Huraian Nama-Nama Allah

Allah, Al-Ilah

Ia merupakan asal kepada semua nama-nama Allah yang lain. Oleh kerana itu kita akan menyebut nama lain untuk Allah ialah ar-Rahman dan sebagainya. Tidak pernah pula kita menyatakan bahawa nama lain untuk ar-Rahman ialah Allah. Ini dapat dilihat dalam ayat-ayat berikut:

وَلِلَّهِ الأَسْمَاءُ الْحُسْنَى فَادْعُوهُ بِهَا وَذَرُواْ الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَآئِهِ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُواْ يَعْمَلُونَ

Allah memiliki nama-nama yang indah. Berdoalah dengan nama-nama tersebut. Tinggalkanlah mereka yang menyeleweng pada nama-namaNya. Mereka akan dibalas atas apa yang mereka lakukan. [al-A'raf : 180]

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى (8)

Allah. Tiada tuhan yang berhak disembahlah selain Allah. MilikNya nama-nama yang indah [Thaha : 8]

Shaikh Abdul Razzaq bin Muhsin al-'Abbad menyatakan di dalam Fiqh al-Asma' al-Husna bahawa[14]:

- Perkataan Allah disebut dalam al-Quran sebanyak 2200 kali.

- terdapat 33 ayat yang dimulakan dengan perkataan Allah.

: وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ (163)

Al-Baqarah: 163]

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا إِلَهًا وَاحِدًا لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ سُبْحَانَهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ (31)

[14] Fiqh al-Asma' al-Husna, m/s 75

[Al-Taubah : 31]

Shaikh Abdul Razzaq berkata:

وأما معنى هذا الاسم فأصله ((الإله)) وهو بمعنى المعبود,

Adapun maksud kepada nama ini (iaitu Allah) maka asalnya ialah daripada perkataan 'Al-Ilah' yang bermaksud Yang Disembah.[15]

Daripada perkataan inilah datangnya definisi kepada Tauhid al-Uluhiyyah:

Iaitu mengesakan Allah 'Azza wa Jalla dengan segala jenis ibadah yang zahir mahupun batin melalui kata-kata dan amalan di samping tidak menghalakan ibadah kepada yang selain daripada Allah tanpa mengira siapa mereka. Ini merupakan aspek utama yang membezakan antara Islam dan agama-agama lain.

Firman Allah Ta'ala:

وَقَضَى رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ

Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia. [Al-Isra':23]

Firman Allah Ta'ala):

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا

Maksudnya: Sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukanNya dengan sesuatupun. [An-Nisa':36]

Ini merupakan asas kepada kehidupan seorang Muslim iaitu mentauhidkan Allah. Apakah itu tauhid?

قال شيخ الإسلام : التوحيد الذى جاءت به الرسل إنما يتضمن إثبات الإلهية لله وحده بأن يشهد أن لا إله إلا الله : لا يعبد إلا إياه ، ولا يتوكل إلا عليه ، ولا يوالى إلا له ، ولا يعادى إلا فيه ، ولا يعمل إلا لأجله .

Shaikh al-Islam Ibn Taimiyyah rahimahullah berkata: Tauhid yang dibawa oleh para rasul mengandungi penetapan sifat keesaan ke atas Allah iaitu dengan bersaksi bahawa tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah. Ia bermaksud seseorang itu tidak menyembah kecuali kepada Nya, tidak bertawakkal kecuali kepada Nya, tidak berkasih sayang melainkan kerana Nya, tidak bermusuh melainkan kerana Nya, dan tidak beramal kecuali untuk Nya.[16]

Dengan memahami nama Allah Al-Ilah ini, kita akan memahami bahawa hanya Allah sahaja yang berhak disembah. Sesungguhnya menyembah Allah merupakan objektif kehidupan kita di dunia ini.

[15] Fiqh al-Asma' al-Husna, m/s 76
[16] Fathul Majid, m/s 14

Firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Tidaklah aku ciptakan jin dan manusia melainkan untuk menyembah Ku [adz-Dzariyat : 56]

Apakah itu ibadah?

Apakah maksud Ibadah?

Ibadah adalah sesuatu yang luas. Ibnu Taimiyyah di dalam kitabnya al-'Ubudiyyah membawakan satu definisi yang sangat indah. Beliau berkata:

العبادة هي اسم جامع لكل ما يحبه الله ويرضاه من الأقوال والأعمال الباطنة والظاهرة .

Ibadah ialah merupakan sesuatu yang merangkumi kesemua yang dicintai dan ditedhai Allah daripada aspek perkataan dan amalan, yang batin mahupun zahir.[17]

Al-Imam Ibn Kathir menerangkan:

وعبادته هى طاعته بفعل المأمور وترك المحظور . وذلك هو حقيقة دين الاسلام . لأن معنى الإسلام : الاستسلام لله تعالى ، المتضمن غاية الانقياد والذل والخضوع

Ibadah ialah mentaati Nya dengan melakukan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang. Itulah dia hakikat Islam. Ini kerana Islam bermaksud: Penyerahan diri secara total kepada Allah, yang mana di dalamnya terkandung ketaatan (kepada Allah), rendah diri (kepada Allah) dan tunduk (kepada Allah).

Oleh kerana itu, dengan memahami maksud Al-Ilah sebagai yang disembah, dan diketahui pula objektif kehidupan manusia ialah untuk menyembah Allah. Kita akan berusaha agar kehidupan kita 24 jam, dalam segala aspek termasuk dalam perkara yang Allah cintai, yang Allah redhai, agar ia menjadi ibadah kepada Allah.

Al-Rabb

Nama kedua selepas Allah yang sering-sering disebut ialah al-Rabb. Shaikh Abdul Razzaq menyatakan nama al-Rabb disebut di dalam al-Quran lebih daripada 500 kali.[18]

Firman Allah:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (2)

Segala puji bagi Allah, tuhan sekalian alam. [Al-Fatihah : 2]

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (162)

[17] Al-'Ubudiyyah, m/s 44
[18] Fiqh al-Asma' al-Husna, m/s 79

Katakanlah: Sesungguhnya solatku, ibadah ku, hidupku dan mati ku adalah untuk Tuhan sekalian alam. [Al-An'am : 162]

Shaikh Abdul Razzaq berkata:

ومعنى الرب: أي: ذو الرّبوبية على خلقه أجمعين خلقا وملكا وتصرفا وتدبيرا، وهو من الأسماء الدالة على جملة معان لا على معنى واحد.

Yang memiliki sifat pemilikan dan pengaturan ke atas makhluk-makhlukNya dalam bentuk penciptaan, kekuasaan, dan pengaturan. Ia merupakan daripada nama-nama Allah yang menunjukkan kepada maksud yang pelbagai.[19]

Dalam Tafsir at-Thabari disebutkan:

فإن الرّب في كلام العرب منصرفٌ على معان: فالسيد المطاع فيها يدعَى ربًّا، والرجل المصلح للشيء يُدعى ربًّا، والمالك للشيء يدعى رَبَّه. وقد يتصرف أيضًا معنى "الربّ" في وجوه غير ذلك، غير أنها تعود إلى بعض هذه الوجوه الثلاثة. فربّنا جلّ ثناؤه: السيد الذي لا شِبْه لهُ، ولا مثل في سُؤدده، والمصلح أمر خلقه بما أسبغ عليهم من نعمه، والمالك الذي له الخلق والأمر.

Sesungguhnya perkataan rabb dalam bahasa arab membawa kepada banyak maksud: Tuan yang ditaati turut dipanggil rabb. Seseorang yang dapat memperbaiki sesuatu turut dipanggil rabb. Pemilik sesuatu juga dipanggil rabb. Terdapat maksud-maksud lain untuk perkataan rabb yang mana kesemua itu akan kembali kepada tiga maksud ini iaitu: Tuhan kita ialah tuan yang tidak ada yang sama denganNya dan tiada juga yang semisal dalam kekuasaanNya. Dia adalah Yang Memperbaiki urusan makhluknya dengan nikmat yang Dia kurniakan kepada mereka, Dia adalah Raja yang memiliki hak penciptaan dan pemerintahan.

Daripada nama inilah terbitnya Tauhid al-Rububiyyah:

Tauhid al-Rububiyah ialah kepercayaan yang jitu bahawa Allah Ta'ala ialah Pengatur, Pemilik Pencipta dan Penyusun bagi segala sesuatu.Juga tiada sekutu baginya dalam kerajaanNya, tiada penolong baginya, tiada yang dapat menolak perintahNya, tiada yang dapat mengubah hukumNya.

Kebanyakan manusia yang percaya kepada tuhan mempunyai pegangan yang sama dengan umat Islam dalam bab Rububiyyah ini.

[19] Fiqh al-Asma' al-Husna, m/s 79

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ ثُمَّ رَزَقَكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ هَلْ مِنْ شُرَكَائِكُمْ مَنْ يَفْعَلُ مِنْ ذَلِكُمْ مِنْ شَيْءٍ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَمَّا يُشْرِكُونَ

Allah lah yang menciptakan kamu, kemudian memberimu rezeki, kemudian mematikanmu, kemudian menghidupkanmu kembali. Adakah di antara yang kamu sekutukan dengan Allah itu yang dapat berbuat sesuatu dari yang demikian itu? Maha sucilah Dia dan Maha tinggi dari apa yang mereka persekutukan. [al-Rum : 40]

Beriman sekadar bahawa Allah lah yang mengatur alam ini, mencipta semua makhluk, tidaklah cukup untuk memasukkan seseorang sebagai Muslim.

Ini kerana Allah berfirman:

قُلْ مَنْ يَرْزُقُكُمْ مِنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أَمَّنْ يَمْلِكُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَمَنْ يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَمَنْ يُدَبِّرُ الْأَمْرَ فَسَيَقُولُونَ اللَّهُ فَقُلْ أَفَلَا تَتَّقُونَ

Katakanlah: Siapakah yang memberi kepada kalian rezeki dari langit dan bumi? Siapakah yang memiliki pendengaran dan penglihatan? Siapakan yang mengeluarkan benda hidup daripada yang mati, dan mengeluarkan yang mati daripada yang hidup? Siapakah yang mengatur semua urusan ini? Lalu mereka (kaum Musyrikin) menjawab: Allah. Lalu katakanlah: Kenapa kalian tidak bertaqwa? [Yunus : 31]

Keyakinan yang jitu bahawa Allah lah yang mengatur alam ini akan membuatkan kita sedar betapa luasnya kebesaran Allah. Banyak masalah yang timbul, sifat malas beribadah, tidak takut melakukan dosa, yang berlaku kerana kita tidak merasakan kebesaran Allah sedangkan semua benda, termasuk diri kita sendiri adalah lambang kebesaran Allah. Kegagalan merasai kebesaran Allah akhirnya akan menyebabkan kita malas untuk beribadat kerana mustahil kita mahu menyembah sesuatu yang tidak kita rasakan ia sesuatu yang agung lagi besar.

Al-Kholiq, Al-Khollaq, Al-Musowwir, Al-Bari
Firman Allah:

هُوَ اللَّهُ الْخَالِقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى

Dia-lah Allah Yang Menciptakan, Yang Mengadakan, Yang Membentuk Rupa, Yang Mempunyai Nama-Nama Yang Paling baik. [Al-Hasyr : 24]

إِنَّ رَبَّكَ هُوَ الْخَلَّاقُ الْعَلِيمُ (86)

Sesungguhnya Tuhanmu, Dia-lah Yang Maha Pencipta lagi Maha Mengetahui. [Al-Hijr : 86]

Kata Shaikh Abdul Razzaq berkaitan maksud sifat mencipta Allah:

إيجاد الشيء وإبداعه على غير مثال سابق،

Mewujudkan sesuatu dan menciptanya tanpa ada contoh yang terdahulu.[20]

Kata Shaikh Abdul Razzaq lagi:

فالخالق هو المقدر للأشياء على مقتضى حكمته، والبارئ الموجد لها بعد العدم، والمصور أي المخلوقات والكائنات كيف شاء. فالبارئ المصور فيهما كما قال ابن القيم تفصيل لمعنى اسم الخالق، فالله عز وجل إذا أراد خلق شيء قدره بعلمه وحكمته ثم برأه أي: أوجده وفق ما قدر في الصورة التي شاءها وأرادها سبحانه.

Al-Kholiq (Pencipta): Dialah yang menentukan kadar sesuatu bersesuaian dengan hikmahNya. Al-Bari: Dialah yang mewujudkan sesuatu selepas ketiadaannya. Al-Musowwir: Dialah yang (membentuk rupa) makhluk-makhlukNya sebagaimana yang Dia kehendaki. Al-Bari dan Al-Musowwir merupakan perincian kepada nama Al-Kholiq sebagaimana dikatakan oleh Al-Imam Ibn Al-Qayyim. Allah, apabila Dia mahu mencipta sesuatu, Allah menentukan kadarnya dengan ilmu dan hikmahNya kemudian Dia mewujudkannya sesuai dengan kadar bentuk yang Dia kehendaki.[21]

Inilah satu keagungan penciptaan Allah. Manusia tidak mampu mencipta sesuatu tanpa contoh terdahulu. Allah menciptakan Adam tanpa ada sesuatu seperti Adam sebelumnya, sedangkan manusia mencipta robot dengan mengambil inspirasi daripada penciptaan manusia. Allah menciptakan burung tanpa ada contoh sebelumnya, sedangkan manusia menciptakan kapal terbang dengan mengambil inspirasi daripada penciptaan burung. Sungguh Maha Agung penciptaan Allah.

Inilah hakikat perbezaan besar antara Allah dengan sesembahan-sesembahan yang lain. Allah mencabar kaum Musyrikin untuk membuktikan kekuasaan berhala-berhala mereka. Allah mencabar mereka untuk mencipta hanya seekor haiwa kecil iaitu lalat. Itu pun berhala-berhala itu tidak akan mampu melakukannya. Firman Allah:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ ضُرِبَ مَثَلٌ فَاسْتَمِعُوا لَهُ إِنَّ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ لَنْ يَخْلُقُوا ذُبَابًا وَلَوِ اجْتَمَعُوا لَهُ وَإِنْ يَسْلُبْهُمُ الذُّبَابُ شَيْئًا لَا يَسْتَنْقِذُوهُ مِنْهُ ضَعُفَ الطَّالِبُ وَالْمَطْلُوبُ (73) مَا قَدَرُوا اللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ (74)

Hai manusia, telah dibuat perumpamaan, maka dengarkanlah olehmu perumpamaan itu. Sesungguhnya segala yang kamu seru selain Allah sekali-kali tidak dapat menciptakan seekor lalatpun, walaupun mereka bersatu untuk menciptakannya. Dan jika lalat itu merampas sesuatu daripada mereka, tiadalah mereka dapat merebutnya kembali dari lalat itu. Amat lemahlah yang menyembah dan amat lemah [pulalah] yang disembah. (73) Mereka tidak mengenal Allah dengan sebenar-benarnya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kuat lagi Maha Perkasa. (74) [Al-Hajj: 73-74]

[20] Fiqh al-Asma' al-Husna, m/s 91
[21] Fiqh al-Asma' al-Husna, m/s 95

Allah tidak menciptakan makhluk-makhluk untuk sekadar sia-sia. Semuanya Dia lakukan dengan hikmah dan kebaikan-kebaikan yang tersendiri. Tidak seperti manusia yang sering kali mencipta benda-benda yang tidak mendatangkan sebarang faedah.

وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاءَ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا لَاعِبِينَ (16)

Dan tidaklah Kami ciptakan langit dan bumi dan segala yang ada di antara keduanya dengan bermain-main. (16) [Al-Anbiya' : 16]

Sesungguhnya kebanyakan manusia yang percaya kepada kewujudan Tuhan, semuanya mempercayai bahawa bumi dan dunia ini dicipta oleh Allah. Akan tetapi mereka telah melakukan tindakan yang sama sekali kontradik dengan keimanan mereka apabila mereka menyembah sesuatu bersama-sama dengan penghambaan mereka kepada Allah. Mereka tidak menafikan penghambaan mereka kepada Allah, tetapi mereka meletakkan juga penghambaan mereka kepada sesuatu yang lain, yang mana sesuatu itu lebih lemah daripada mereka, seperti sebuah berhala, jika dimusnahkan oleh manusia, tidaklah berhala itu mampu berbuat apa-apa, tetapi manusia yang bodoh, terus menerus menyembah sesuatu yang mereka cipta sendiri.

Imam Ibn Jarir at-Thobari dalam tafsirnya membawakan beberapa athar yang menunjukkan kepelikan golongan Musyrikin:

عن ابن عباس:(وما يؤمن أكثرهم بالله) الآية ، قال: من إيمانهم، إذا قيل لهم: مَن خلق السماء؟ ومن خلق الأرض؟ ومن خلق الجبال؟ قالوا: الله . وهم مشركون.

Ibn 'Abbas radiallahu 'anhuma meriwayatkan: Firman Allah: Tidaklah beriman kebanyakan mereka kepada Allah [Yusuf : 106]. Kata Ibn 'Abbas: Di antara keimanan mereka ialah apabila ditanya kepada mereka: Siapa yang menciptakan langit? Siapa yang menciptakan bumi? Siapa yang menciptakan gunung? Mereka menjawab: Allah. Sedangkan mereka itu mensyirikkan Allah.

عن عكرمة ، في قوله:(وما يؤمن أكثرهم بالله إلا وهم مشركون) ، قال: تسألهم: مَن خلقهم؟ ومن خلق السماوات والأرض ، فيقولون: الله . فذلك إيمانهم بالله ، وهم يعبدون غيره.

'Ikrimah berkata: (tentang ayat 106 surah Yusuf): Engkau tanyalah kepada mereka, siapakah yang menciptakan mereka? Siapakah yang menciptakan langit dan bumi. Nescaya mereka akan menjawab: Allah. Itulah keimanan mereka kepada Allah, dalam masa yang sama mereka turut menyembah selain Allah.[22]

Daripada ketiga-tiga nama ini, iaitu Al-Kholiq, Al-Bari, dan Al-Musowwir, terdapat satu nama yang sama sekali tidak boleh diberikan kepada makhluk iaitu Al-Bari. Ini kerana Al-Bari bermaksud yang menciptakan sesuatu tanpa ada contoh sebelumnya. Maka ia merupakan satu sifat yang mustahil sama sekali ada pada mana-mana makhluk.[23]

[22] Jami' al-Bayan, jilid 16, m/s 286, no: 19954-19955
[23] Rujuk Fiqh al-Asma' al-Husna, m/s 98

Al-Aziz, Al-Jabbar, Al-Mutakabbir

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ (23)

Dia-lah Allah Yang tiada Tuhan [yang berhak disembah] selain Dia, Raja, Yang Maha Suci, Yang Maha Sejahtera, Yang Mengurniakan keamanan, Yang Maha Memelihara, Yang Maha Perkasa, Yang Maha Kuasa, Yang Maha Sombong, Maha Suci Allah dari apa yang mereka persekutukan. [Al-Hasyr : 23]

العزيز: أي: الذي له جميع معاني العزة، كما قال سبحانه: إِنَّ الْعِزَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا. أي: الذي له العزة بجميع معانيها، وهي ترجع الى ثلاثة معان كلها ثابتة لله عز وجل على التمام والكمال.

Al-Aziz: Yang memiliki semua maksud kekuasaan. Sebagaimana firman Allah: Sesungguhnya kekuasaan itu milik Allah kesemuanya. [Yunus : 65]. Yang menjadi miliknya segala maksud kekuasaan. Ia akan kembali kepada tiga maksud yang kesemuanya pada pada Allah Yang Maha Sempurna.[24]

Tiga maksud tersebut ialah:[25]

1- Kekuasaan yang bermaksud kekuatan. Firman Allah:

   إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ (58)

   Sesungguhnya Allah Dialah Maha Pemberi reezki Yang Mempunyai Kekuatan lagi Sangat Kukuh. [Adz-Dzariyat : 58]

2- Kekuasaan yang bermaksud Dia tidak memerlukan kepada sesiapa pun, tiada siapa dapat memberi manfaat atau mudharat kepadaNya.

   سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ (180) وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ (181) وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (182)

   Maha Suci Tuhanmu Yang mempunyai keperkasaan daripada apa yang mereka katakan. (180) Dan kesejahteraan dilimpahkan atas para rasul. (181) Dan segala puji bagi Allah Tuhan seru sekalian alam. (182) [As-Soffat : 180-182]

3- Kekuasaan yang bermaksud pemerintahan atau penguasaanNya ke atas semua makhluk.

[24] Fiqh al-Asma' al-Husna, m/s 246
[25] Lihat Fiqh al-Asma’ al-Husna, m/s 246-247

قُلِ اللَّهُمَّ مَالِكَ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (26) تُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُولِجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَتُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَتَرْزُقُ مَنْ تَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ (27)

Katakanlah: Wahai Tuhan Yang mempunyai kerajaan, Engkau berikan kerajaan kepada orang yang Engkau kehendaki dan Engkau cabut kerajaan daripada orang yang Engkau kehendaki. Engkau muliakan orang yang Engkau kehendaki dan Engkau hinakan orang yang Engkau kehendaki. Di tangan Engkaulah segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu. (26) Engkau masukkan malam ke dalam siang dan Engkau masukkan siang ke dalam malam. Engkau keluarkan yang hidup daripada yang mati, dan Engkau keluarkan yang mati daripada yang hidup. Dan Engkau beri rezeki kepada siapa yang Engkau kehendaki tanpa hisab [batas].(27) [Ali ‘Imran : 26-27]

Apa pula maksud Al-Jabbar? Al-Jabbar membawa maksud kekuasaan pada makna yang ketiga iaitu pemerintahan dan penguasaanNya ke atas semua makhluk. Selain daripada maksud di atas. Al-Jabbar juga membawa dua maksud yang lain iaitu[26]:

1- Yang menyantuni hamba-hambaNya dengan membantu mereka apabila mereka memerlukan. Ini tampak jelas dalam doa yang sering kita baca ketika duduk antara dua sujud:

   عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ ، أَنّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُولُ بَيْنَ السَّجْدَتَيْنِ : " اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي **وَاجْبُرْنِي** وَاهْدِنِي وَارْزُقْنِي

   Ibn ‘Abbas radiallahu ‘anhuma meriwayatkan bahawa Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam sering membaca ketika antara dua sujud: Ya Allah, ampuni aku, rahmati aku, **bantulah aku,** berikan aku petunjuk, kurniakan aku rezeki. [Sunan at-Tirmizi, Kitab as-Solat, hadis no: 262, hadis gharib]

2- Yang bermaksud Yang Maha Tinggi atas segala sesuatu.

Al-Mutakabbir: Yang Maha Sombong.

Ini merupakan satu nama yang mungkin akan membuatkan kita keliru kerana seolah-olah kita meletakkan satu sifat yang tidak elok kepada Allah.

Apakah maksud Al-Mutakabbir?

Shaikh Abdul Razzaq berkata:

[26] Lihat Fiqh al-Asma’ al-Husna, m/s 248-249

((المتكبر)) اسم يدل على وصفه سبحانه بالتكبر والكبرياء...فالكبرياء وصفه سبحانه الذي لا يليق إلا به.

Al-Mutakabbir: Nama yang menunjukkan sifat Allah dengan keagungan/kesombongan. Kesombongan itu merupakan sifat Allah yang tidak layak dimiliki kecuali oleh Dia sahaja.[27]

Kenapakah Allah sahaja yang berhak memiliki sifat sombong, manakala makhluk-makhluk haram sama sekali bersifat sombong?

Ini kerana tiada siapa yang lebih tinggi, lebih berkuasa, lebih hebat, lebih mengetahui dan memiliki segala sifat keagungan melebihi sifat-sifat keagungan yang dimiliki Allah.

Manusia, jika dia mahu bersifat sombong dengan kekuatannya? Di sana ada manusia lain yang lebih kuat daripadanya, haiwan yang lebih kuat daripadanya, angin kencang ribut taufan yang lebih kuat daripadanya, maka tidak layak manusia itu memiliki sifat kesombongan.

Manusia mahu bersifat sombong dengan tubuh badannya, kekuatan teknologinya, kehebatan ilmu perubatannya, tetapi manusia yang sombong itu apabila digigit seekor semut yang kecil pun akan merasa kesakitan. Lalu mana layaknya sifat keseombongan pada manusia?

Sedangkan Allah, berkumpullah semua makhluk langit dan bumi melakukan maksiat, ia tidak memudharatkan sedikit pun Allah. Berkumpullah semua makhluk langit dan bumi untuk mentaati Allah, ia tidak menambah sedikit pun kekuasaan Allah. Ini kerana Allah tidak memerlukan kepada makhluk, dan segala apa yang makhluk lakukan tidak memberi kesan sedikit pun kepada Allah. Maka layaklah Allah dengan ini bersikap meninggi diri kepada makhluk-makhlukNya.

Seandainya sesiapa bersikap meninggi diri, Allah menjanjikan azab yang pedih untuk mereka.

وَقَالَ رَبُّكُمُ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ (60)

Dan Tuhanmu berfirman: "Berdoalah kepada-Ku, nescaya akan Kuperkenankan bagimu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri dari menyembah-Ku akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina dina. [Ghafir : 60]

إِنَّ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَاسْتَكْبَرُوا عَنْهَا لَا تُفَتَّحُ لَهُمْ أَبْوَابُ السَّمَاءِ وَلَا يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ حَتَّى يَلِجَ الْجَمَلُ فِي سَمِّ الْخِيَاطِ وَكَذَلِكَ نَجْزِي الْمُجْرِمِينَ (40)

Sesungguhnya orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami dan menyombongkan diri terhadapnya, sekali-kali tidak akan dibukakan bagi mereka pintu-pintu langit dan tidak [pula]

[27] Fiqh al-Asma' al-Husna, m/s 262

mereka masuk syurga, hingga unta masuk ke dalam lubang jarum. Demikianlah Kami memberi pembalasan kepada orang-orang yang berbuat kejahatan. [Al-A'raf : 40]

Sesungguhnya makhluk yang sombong itu ialah iblis. Maka sesiapa di kalangan manusia yang menyombongkan diri, sesungguhnya dia sedang mengikut sunnah iblis.

فَسَجَدَ الْمَلَائِكَةُ كُلُّهُمْ أَجْمَعُونَ (73) إِلَّا إِبْلِيسَ اسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ (74)

Lalu seluruh malaikat itu bersujud semuanya. (73) kecuali iblis; dia menyombongkan diri dan adalah dia termasuk orang-orang yang kafir. (74) [Shod : 73-74]

Dengan memahami nama-nama Allah ini. Kita akan sedar diri ini sekadar makhluk yang lemah. Kekuatan, jawatan, kekuasaan yang kita miliki ini hanya sedikit berbanding kekuasaan Allah. Memahami nama-nama ini akan membuatkan kita tawadhu dan tunduk kepada Allah. Amatlah kontradik manusia yang beriman Allah itu Al-Mutakabbir sedangkan dia pula bersikap sombong dan meninggi diri kepada insan yang lain. Sesungguhnya keimanan kepada nama-nama Allah mestilah membuahkan hasil dalam kehidupan seharian kita.

Ar-Rahman Ar-Rahim

Ini merupakan antara nama Allah yang paling banyak disebut oleh umat Islam kerana ia wujud di dalam surah al-Fatihah dan basmalah.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَانِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Nama Allah ar-Rahman dan ar-Rahim berasal daripada satu perkataan iaitu al-Rahmat (الرحمة). Imam Ibn Kathir menyatakan di dalam Tafsir al-Quran al-Azhim, ketika membahaskan lafaz bismillah dalam surah al-Fatihah;

{الرحمن الرحيم} اسمان مشتقان من الرحمة على وجه المبالغة، ورحمن أشد مبالغة من رحيم،

Ar-Rahman dan Ar-Rahim merupakan dua nama yang diambil daripada perkataan ar-Rahmat dalam bentuk mubalaghah (iaitu menunjukkan betapa besarnya rahmat itu). Rahman itu pula lebih hebat daripada Rahim.

Imam Ibn Kathir menukilkan sebuah riwayat yang menunjukkan beza ar-Rahman dan ar-Rahim:

والرحمن رحمن الدنيا والآخرة، والرحيم رحيم الآخرة.

Ar-Rahman ialah rahmat di dunia dan akhirat, manakala ar-Rahim ialah rahmat di akhirat.

Ini sekaligus menerangkan kenapa ar-Rahman itu lebih besar daripada ar-Rahim.

Ulama tafsir menerangkan bahawa ar-Rahman itu juga adalah sifat rahmat yang meluas untuk semua makhluk, tidak kira dia beriman atau tidak beriman. Ia juga merangkumi rahmat di dunia

dan akhirat. Manakala ar-Rahim pula menunjukkan rahmat yang khusus untuk manusia-manusia yang beriman.

Imam Ibn Kathir membawakan beberapa dalil menunjukkan hal ini:

{ثُمَّ اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ الرَّحْمَنُ} [الفرقان: 59] وقال: { الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى } [طه: 5] فذكر الاستواء باسمه الرحمن ليعم جميع خلقه برحمته

Kemudian Al-Rahman itu beristiwa di atas Arsy [al-Furqan : 59], dalam ayat lain Allah menyebutkan: Al-Rahman berada di atas Arsy [Toha : 5]. Perkataan Istiwa disebutkan bersama namaNya al-Rahman menunjukkan rahmatnya umum untuk semua makhluk.

Manakala untuk al-Rahim pula dalilnya seperti berikut;

{وَكَانَ بِالْمُؤْمِنِينَ رَحِيمًا } [الأحزاب: 43] فخصهم باسمه الرحيم

Dia (iaitu Allah) adalah Maha Pemberi Rahmat kepada orang-orang beriman [Al-Ahzab : 43]. Orang beriman dikhususkan pula dengan namaNya al-Rahim.

Antara beza ar-Rahman dan ar-Rahim ialah ar-Rahman adalah nama yang sangat khusus untuk Allah sahaja, seorang manusia hanya boleh memakai nama ar-Rahman dengan diletakkan Abdul Rahman yang bermaksud hamba kepada ar-Rahman. Manakala nama Allah, Rahim boleh diberikan kepada manusia tanpa perlu menggunakan perkataan Abdul.

Imam Ibn Kathir menerangkan:

ووصفه أولا بالرحمن الذي منع من التسمية به لغيره، كما قال تعالى: { قُلِ ادْعُوا اللَّهَ أَوِ ادْعُوا الرَّحْمَنَ أَيًّا مَا تَدْعُوا فَلَهُ الأسْمَاءُ الْحُسْنَى } [الإسراء: 110]. ... وأما الرحيم فإنه تعالى وصف به غيره حيث قال: { لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ } [التوبة: 128]

Allah disifatkan pada awalnya dengan ar-Rahman yang mana nama ini dilarang daripada diberikan kepada selainNya, sebagaimana firmanNya: Katakanlah: "Serulah Allah atau serulah Ar-Rahman. Dengan nama yang mana saja kamu seru, Dia mempunyai nama-nama yang indah [al-Isra' : 110]..... Adapun ar-Rahim, sesungguhnya Allah memberikan sifat itu jua kepada selainNya. Firman Allah: Sesungguhnya telah datang kepadamu seorang rasul dari kaummu sendiri, berat terasa olehnya penderitaanmu, sangat menginginkan [keimanan dan keselamatan] bagimu, amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang-orang mu'min. [at-Taubah : 128]

Imam Ibn Kathir merumuskan daripada hal ini:

والحاصل: أن من أسمائه تعالى ما يسمى به غيره، ومنها ما لا يسمى به غيره، كاسم الله والرحمن والخالق والرزاق ونحو ذلك؛ فلهذا بدأ باسم الله، ووصفه بالرحمن؛ لأنه أخص وأعرف من الرحيم؛ لأن التسمية أولا إنما تكون بأشرف (5) الأسماء، فلهذا ابتدأ بالأخص فالأخص.

Di antara nama-nama Allah yang ada, terdapat nama-nama yang turut boleh diberikan kepada selainNya, da nada juga nama-nama yang tidak boleh diberikan kepada selainNya. Ini seperti nama Allah, Al-Rahman, Al-Kholiq, Al-Rozzaq, dan selainnya. Oleh kerana itu, ayat ini dimulakan dengan nama Allah, lalu disifatkan dengan ar-Rahman. Ini kerana ar-Rahman itu lebih khusus daripada al-Rahim. Ini kerana nama yang disebutkan dahulu hendaklah nama yang paling mulia. Maka ia dimulakan dengan yang paling khusus, dan seterusnya.

Luasnya rahmat Allah:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " إِنَّ لِلَّهِ مِائَةَ رَحْمَةٍ أَنْزَلَ مِنْهَا رَحْمَةً وَاحِدَةً بَيْنَ الْجِنِّ وَالْإِنْسِ وَالْبَهَائِمِ وَالْهَوَامِّ ، فَبِهَا يَتَعَاطَفُونَ ، وَبِهَا يَتَرَاحَمُونَ ، وَبِهَا تَعْطِفُ الْوَحْشُ عَلَى وَلَدِهَا وَأَخَّرَ اللَّهُ تِسْعًا وَتِسْعِينَ رَحْمَةً يَرْحَمُ بِهَا عِبَادَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ. "

Abu Hurairah radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya Allah memiliki seratus rahmat. Allah menurunkan satu rahmatNya untuk dibahagikan kepada jin, manusia, haiwan ternakan dan serangga. Dengan rahmat ini mereka saling mengasihi, menyayangi. Dengan rahmat ini seekor haiwan buas mengasihi anaknya. Allah mengakhirkan sembilan puluh sembilan rahmat lagi yang mana dengannya Dia akan Merahmati hamba-hambaNya pada hari Kiamat. [Sahih Muslim, Kitab at-Taubat, hadis no: 4950]

Cuba kita bayangkan, kesenangan, kebahagiaan yang kita miliki di dunia ini adalah hasil 1 rahmat Allah yang telah dibahagi-bahagikan kepada semua makhluk. Bagaimana pula agaknya kebahagiaan dan kasih sayang di akhirat kelak dengan 99 rahmat yang menanti kita. Sungguh pasti, keimanan kepada ar-Rahman dan ar-Rahim terbukti dengan kita berusaha memburu 99 rahmat yang sedang menanti di hari kiamat kelak.

Apakah kesan beriman dengan nama Allah Ar-Rahman dan Ar-Rahim:

Antara kesan yang akan kita perolehi apabila mengimani nama ar-Rahman dan ar-Rahim ialah kita akan sentiasa berdoa kepada Allah. Imam Ibn Kathir menukilkan kata-kata 'Abdullah bin al-Mubarak dalam hal ini:

وقال ابن المبارك: الرحمن إذا سئل أعطى، والرحيم إذا لم يسأل يغضب

Ar-Rahman; apabila diminta Dia Memberi. Ar-Rahim; apabila Dia tidak diminta, Dia akan Murka.

Ini selari dengan sepotong hadis;

عَنْ أَبِي صَالِحٍ الْخُوزِيِّ ، قَالَ : سَمِعْتُ أَبَا هُرَيْرَةَ ، يَقُولُ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَنْ لَمْ يَسْأَلْهُ يَغْضَبْ عَلَيْهِ "

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang tidak meminta kepada Allah, Dia Murka kepadanya. [Riwayat Imam al-Bukhari dalam Al-Adab Al-Mufrad, hadis no: 655, Shaikh al-Albani mensahihkannya]

Imam Ibn Kathir menukilkan sebuah syair:

لا تطلبن بني آدم حاجة ... وسل الذي أبوابه لا تغلق

الله يغضب إن تركت سؤاله ... وبني آدم حين يسأل يغضب

Janganlah engkau memohon kepada anak Adam sebarang hajat… Mintalah kepada Yang pintu-pintunya tidak tertutup.

Allah Murka tatkala engkau meninggalkan daripada meminta kepadaNya… Sedangkan anak Adam murka tatkala engkau meminta.

Dengan menghayati sifat rahmat Allah, kita juga akan menjadi manusia yang akan bersifat penyayang kepada insan-insan lain untuk mencontohi sifat penyayang Allah kepada hamba-hambaNya.

أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : " قَبَّلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْحَسَنَ بْنَ عَلِيٍّ وَعِنْدَهُ الْأَقْرَعُ بْنُ حَابِسٍ التَّمِيمِيُّ جَالِسًا ، فَقَالَ الْأَقْرَعُ : إِنَّ لِي عَشَرَةً مِنَ الْوَلَدِ مَا قَبَّلْتُ مِنْهُمْ أَحَدًا ، فَنَظَرَ إِلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ قَالَ : " مَنْ لَا يَرْحَمُ لَا يُرْحَمُ. "

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam mencium al-Hasan bin ‘Aliy. Ketika itu al-Aqra’ bin Habis at-Tamimi ada sedang duduk bersama baginda. Lalu al-Aqra’ bertanya: Aku ada sepuluh anak lelaki. Seorang pun aku tidak pernah cium. Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam melihat kepada beliau lalu berkata: Sesiapa yang tidak mengasihi, tidak akan dikasihi. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Adab, hadis no: 5565]

Al-Hayyu Al-Qayyum

Firman Allah:

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ

Allah, tiada yang berhak disembah selain Dia. Dia Maha Hidup dan Berdiri Sendiri. [al-Baqarah : 255]

Apakah maksud al-Hayy?

Shaikh Abdul Razzaq bin Abdul Muhsin al-‘Abbad menerangkan di dalam Fiqh al-Asma’ al-Husna:

فيه إثبات الحياة صفة لله, وهي حياة كاملة ليسة مسبوقة بعدم, ولا يلحقها زوال وفناء, ولا يعتريها نقص وعيب جل ربنا وتقدس عن ذلك, حياة تستلزم كمال صفاته

Pada nama ini terdapat penetapan sifat hidup sebagai sifat kepada Allah. Ia merupakan kehidupan yang sempurna yang tidak didahului dengan ketidakwujudan, tidak juga ia akan hilang atau sementara. Tidak ada padanya kekurangan dan keaiban, Maha Suci Tuhan daripada semua itu. Ia kehidupan yang disertai kesempurnaan sifat-sifatNya.[28]

Walau manusia hidup, makhluk-makhluk lain hidup, tetapi kehidupan mereka tidak sama dengan Allah. Allah Hidup selama-lamanya, Dia wujud sejak dahulu hingga bila-bila masa, sedangkan manusia tidak wujud sebelum mereka diciptakan, dan kehidupan manusia akan tamat apabila tiba ajalnya. Oleh kerana itu Allah menyebut di dalam surah ar-Rahman ayat 26 hingga 27;

كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ (26) وَيَبْقَى وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ (27)

Semua yang ada di bumi itu akan binasa. (26) Dan tetap kekal Wajah Tuhanmu yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan. (27)

Allah menyuruh kita bertawakkal kepada Allah yang Hidup dan tidak mati. Firman Allah:

وَتَوَكَّلْ عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ

Bertawakkallah kepada Allah yang Maha Hidup dan tidak akan mati [al-Furqan : 58]

Apakah pula maksud al-Qayyum?

Ia menunjukkan bahawa Allah ini tidak memerlukan apa-apa untuk membantunya. Shaikh Abdul Razzaq menerangkan bahawa ia menunjukkan kepada dua perkara, iaitu:

كمال غنى الرب سبحانه, فهو القائم بنفسه, الغني عن خلقه, كما قال سبحانه: يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَنْتُمُ الْفُقَرَاءُ إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ

Pertama: Kesempurnaan dalam kekayaan Allah. Dia berdiri dengan sendiri, Dia tidak memerlukan makhluk-makhlukNya. Sebagaimana firman Allah: Wahai manusia, kamulah yang memerlukan kepada Allah. Sedangkan Allah Maha Kaya (tidak memerlukan apa-apa) dan Terpuji [Fathir : 15]

كمال قدرته وتدبيره لهذه المخلوقات, فهو المقيم لها بقدرته سبحانه, وجميع المخلوقات فقيرة اليه, لا غنى لها عنه طرفة عين

Kedua: Kesempurnaan pada kekuasaanNya dan pengurusanNya kepada semua makhluk. Dialah yang menguruskan makhluk dengan kuasaNya. Semua makhluk memerlukan kepadaNya. Tidak ada siapa pun yang tidak memerlukannya walau sekelip mata. [29]

[28] Fiqh al-Asma' al-Husna, m/s 87
[29] Fiqh al-Asma’ al-Husna, m/s 88

Sifat ini menunjukkan tiada siapa mampu memberi manfaat dan mudharat kepada Allah. Manusia jika membuat maksiat, tidak sikit pun memudharatkan Allah, jika mereka membuat ketaatan tidak sedikit pun memberi manfaat pada Allah. Sebaliknya ibadat dan maksiat itu hanya akan memberi kesan kepada diri mereka sendiri dengan keizinan Allah.

Dalam sebuah hadis qudsi yang panjang disebut:

يَا عِبَادِي : إِنَّكُمْ لَنْ تَبْلُغُوا ضَرِّي ، فَتَضُرُّونِي وَلَنْ تَبْلُغُوا نَفْعِي ، فَتَنْفَعُونِي...

Wahai hamba-hamba Ku; sesungguhnya kalian tidak akan dapat memudharatkan Aku dan tidak akan dapat memberi manfaat kepada Ku….

يَا عِبَادِي : لَوْ أَنَّ أَوَّلَكُمْ وَآخِرَكُمْ ، وَإِنْسَكُمْ وَجِنَّكُمْ ، كَانُوا عَلَى أَتْقَى قَلْبِ رَجُلٍ وَاحِدٍ مِنْكُمْ ، مَا زَادَ ذَلِكَ فِي مُلْكِي شَيْئًا ،

Wahai hamba-hamba Ku; seandainya yang pertama dan akhir daripada kalian, manusia dan jin, semuanya berkumpul untuk bertaqwa kepada Allah sebagaimana hati salah seorang daripada kalian, ia tidak akan menambahkan sedikit pun pada penguasaan Allah.

يَا عِبَادِي : لَوْ أَنَّ أَوَّلَكُمْ وَآخِرَكُمْ ، وَإِنْسَكُمْ وَجِنَّكُمْ ، كَانُوا عَلَى أَفْجَرِ قَلْبِ رَجُلٍ وَاحِدٍ ، مَا نَقَصَ ذَلِكَ مِنْ مُلْكِي شَيْئًا

Wahai hamba-hamba Ku; seandainya yang pertama dan akhir daripada kalian, manusia dan jin, semuanya berkumpul untuk bermaksiat kepada Allah sebagaimana hati seorang manusia, ia tidak mengurangkan sedikit pun penguasaan Allah

[Sahih Muslim, Kitab al-Birr wa as-Silah wa al-Adab, hadis no: 4680]

Keagungan nama al-Hayy dan al-Qayyum

Dua nama ini sering disebut dalam doa Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam. Antara doa-doa yang mengandungi nama ini ialah:

أَخْبَرَنِي عُثْمَانُ بْنُ مَوْهَبٍ الْهَاشِمِيُّ ، سَمِعْتُ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ ، يَقُولُ : قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِفَاطِمَةَ : مَا يَمْنَعُكِ أَنْ تَسْمَعِي مَا أُوصِيكِ بِهِ ، أَوْ تَقُولِي إِذَا أَصْبَحْتِ وَإِذَا أَمْسَيْتِ :

Anas bin Malik radiallahu 'anhu berkata: Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda kepada Fatimah. Apa yang menghalang engkau daripada mendengar nasihat ku atau apa yang menghalang engkau daripada membaca pada waktu pagi dan petang;

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ ، أَصْلِحْ لِي شَأْنِي كُلَّهُ ، وَلا تَكِلْنِي إِلَى نَفْسِي طَرْفَةَ عَيْنٍ

Wahai Tuhan Yang Maha Hidup dan Berdiri Sendiri. Dengan rahmat Mu aku memohon pertolongan. Perbaikilah segala urusan ku. Jangan engkau serahkan diri ku ini kepada diri ku sendiri walau sekelip mata. [Riwayat Imam an-Nasaie dalam al-Sunan al-Kubra, Kitab az-Zinah, hadis no: 9955. Shaikh al-Albani menyatakan ia hadis hasan dalam Sahih al-Jami', no: 5820]

Dengan memahami nama Allah al-Hayyu al-Qayyum manusia akan sedar bahawa;

1- Kehidupan mereka sangatlah terbatas berbanding kehidupan Allah. Manusia akan mati tetapi tidak tahu bila, sedangkan Allah akan hidup selama-lamanya.

2- Manusia yang memahami hal ini akan berusaha untuk melakukan sebanyak mungkin ketaatan sebelum ajalnya tiba

3- Dia tidak akan berasa bongkak dengan dirinya kerana dia tahu semua yang dia ada adalah daripada Allah, bahkan dia menyedari dirinya faqir yang tidak mampu berdiri dengan sendiri.

Ar-Rozzaq, Ar-Raziq, Al-Wahhab

Ketiga-tiga nama ini mempunyai maksud yang hampir serupa.

Firman Allah:

إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ (58)

Sesungguhnya Allah, Dia Maha Memberi yang mempunyai kekuataan yang kukuh. [adz-Dzariyat : 58]

وَاللَّهُ خَيْرُ الرَّازِقِينَ (11)

Allah adalah sebaik-baik pemberi rezeki. [Al-Jumu'ah : 11]

Rezeki yang Allah berikan kepada hamba-hambanya terbahagi kepada dua jenis sebagaimana disebutkan dalam Fiqh al-Asma' al-Husna;

الأول: رزق عام يشمل البر والفاجر, والمؤمن والكافر, والأولين والأخرين, وهو رزق الأبدان. وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا

Pertama: Rezeki yang umum yang merangkumi untuk semua orang yang baik dan jahat, mukmin dan kafir, yang awal dan yang akhir, iaitu rezeki badan. Firman Allah: Tidak ada satupun haiwan yang melata di atas muka bumi melainkan Allah yang memberikan rezekinya [Hud : 6].

ولا يعني رزقه سبحانه للكافر وتوسعته عليه بالأموال والأولاد ونحو ذلك رضاه عنه. فإنه سبحانه يعطي الدنيا من يحب ومن لا يحب

Pemberian rezeki Allah kepada orang kafir daripada sudut banyaknya harta, anak pinak, dan sebagainya tidaklah bermaksud Allah redha kepada orang kafir. Sesungguhnya Allah memberikan dunia ini kepada orang yang dia sayang dan yang tidak dia sayang. Firman Allah:

وَقَالُوا نَحْنُ أَكْثَرُ أَمْوَالًا وَأَوْلَادًا وَمَا نَحْنُ بِمُعَذَّبِينَ (35) قُلْ إِنَّ رَبِّي يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ وَيَقْدِرُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ (36) وَمَا أَمْوَالُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ بِالَّتِي تُقَرِّبُكُمْ عِنْدَنَا زُلْفَى إِلَّا مَنْ آمَنَ وَعَمِلَ صَالِحًا فَأُولَئِكَ لَهُمْ جَزَاءُ الضِّعْفِ بِمَا عَمِلُوا وَهُمْ فِي الْغُرُفَاتِ آمِنُونَ (37)

Dan mereka berkata: Kami lebih banyak mempunyai harta dan anak-anak [daripada kamu] dan kami sekali-kali tidak akan diazab.(35) Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku melapangkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menyempitkan [bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya], akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. (36) Dan sekali-kali bukanlah harta dan bukan [pula] anak-anak kamu yang mendekatkan kamu kepada Kami sedikitpun; tetapi orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal-amal saleh, mereka itulah yang memperolehi balasan yang berlipat ganda disebabkan apa yang telah mereka kerjakan; dan mereka aman sentosa di tempat-tempat yang tinggi [dalam syurga]. (37) [Saba' : 35-37]

النوع الثاني: رزق خاص, وهو رزق القلوب وتغذيتها بالعلم والإيمان والرزق الحلال الذي يعين على صلاح الدين, وهذا خاص بالمؤمنين على مراتبهم منه بحسب ما تقتضيه حكمته ورحمته, ويتم سبحانه كرامته لهم, ومنّه عليهم بإدخالهم يوم القيامة جنات النعيم, قال الله تعالى:

Kedua: Rezeki yang khusus. Iaitu rezeki hati dengan kurniaan berbentuk ilmu, iman, dan rezeki yang halal yang membantu memperbaiki agama seseorang. Ini adalah khusus untuk manusia beriman mengikut martabat-martabat mereka yang sesuai dengan kebijaksanaan dan rahmat Allah. Allah menyempurnakan sifat pemurahNya untuk mereka dan memberikan kepada mereka rezeki dimasukkan ke dalam syurga pada hari kiamat.

وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ وَيَعْمَلْ صَالِحًا يُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا قَدْ أَحْسَنَ اللَّهُ لَهُ رِزْقًا (11)

Dan barangsiapa beriman kepada Allah dan mengerjakan amal soleh, nescaya Allah akan memasukkannya ke dalam syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai; mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Sesungguhnya Allah memberikan rezeki yang baik kepadanya. [at-Thalaq : 11] [30]

Mereka yang memahami hakikat bahawa kurniaan Allah tidak terbatas di dunia sahaja, tidak akan mengabaikan kewajipan sebagai Muslim untuk memburu kurniaan khusus di akhirat.

[30] Fiqh al-Asma' al-Husna, m/s 105-106

Nama lain yang hampir serupa ialah Al-Wahhab:

Apakah maksud al-Wahhab?

الوهّاب: هو كثير الهبة والمنّة والعطية, و ((فعّال)) في كلام العرب للمبلغة, فالله جّل وعلا وهّاب, يهب لعباده من فضله العظيم, ويوالي عليهم النّعم, ويوسّع لهم في العطاء, ويجزل لهم في النوال.

Al-Wahhab: Iaitu yang banyak memberi, dan ia hadir dalam bentuk mubalaghah (yang menunjukkan sangat-sangat Maha Pemberi). Allah itu Maha Pemberi, Dia memberikan kepada hamba-hambaNya daripada kurniaanNya yang agung, memberikan kepada mereka nikmat, meluaskan kepada mereka kurniaan, dan membanyakkan kepada mereka pemberian.[31]

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ (8)

[Mereka berdoa]: Ya Tuhan kami, janganlah Engkau jadikan hati kami condong kepada kesesatan sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami rahmat dari sisi Engkau; kerana sesungguhnya Engkau-lah Maha Pemberi.[Ali Imran : 8]

Al-Somad

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ (1) اللَّهُ الصَّمَدُ (2)

Katakanlah: Allah yang Maha Esa. Dialah tempat bergantung. [Al-Ikhlas : 1-2]

Apakah maksud al-Somad?

Di dalam Tafsir al-Quran al-Azhim disebutkan:

وقوله: { اللَّهُ الصَّمَدُ } قال عكرمة، عن ابن عباس: يعني الذي يصمد الخلائق إليه في حوائجهم ومسائلهم.

Firman Allah: Dia adalah as-Somad: Ikrimah meriwayatkan daripada Ibn ‘Abbas: Ia bermaksud semua makhluk bergantung kepada Allah di dalam segala hajat dan masalah mereka.

Shaikh Muhammad al-Amin al-Shanqitee berkata dalam Tafsir Adhwa’ al-Bayan:

مِنَ الْمَعْرُوفِ فِي كَلَامِ الْعَرَبِ إِطْلَاقُ الصَّمَدِ عَلَى السَّيِّدِ الْعَظِيمِ ، وَعَلَى الشَّيْءِ الْمُصْمَتِ الَّذِي لَا جَوْفَ لَهُ ، فَإِذَا عَلِمْتَ ذَلِكَ ، فَاللَّهُ تَعَالَى هُوَ السَّيِّدُ الَّذِي هُوَ وَحْدَهُ الْمَلْجَأُ عِنْدَ الشَّدَائِدِ وَالْحَاجَاتِ ، وَهُوَ الَّذِي تَنَزَّهَ وَتَقَدَّسَ وَتَعَالَى عَنْ صِفَاتِ الْمَخْلُوقِينَ ، كَأَكْلِ الطَّعَامِ وَنَحْوِهِ ، سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَنْ ذَلِكَ عُلُوًّا كَبِيرًا .

[31] Fiqh al-Asma’ al-Husna, m/s 119

Yang terkenal dalam bahasa arab bahawa adalah pemutlakan nama al-Somad kepada tuan yang agung, yang tidak mempunyai rongga… Apabila engkau telah memahami hal itu. Maka Allah adalah Tuan yang satu-satunya menjadi tempat berlindung di dalam kesusahan dan apa-apa hajat. Dia lah yang suci dan tinggi daripada sifat-sifat makhluk seperti makan dan sebagainya. Maha suci Allah daripada semua itu.

Jika seseorang benar-benar beriman bahawa Allah adalah al-Somad, dia akan menyerahkan segala urusannya kepada Allah kerana dia tahu, tiada siapa yang benar-benar dapat membantunya dalam keadaan sudah penuh hajat melainkan Allah.

Firman Allah:

أَمَّنْ يُجِيبُ الْمُضْطَرَّ إِذَا دَعَاهُ وَيَكْشِفُ السُّوءَ وَيَجْعَلُكُمْ خُلَفَاءَ الْأَرْضِ أَإِلَهٌ مَعَ اللَّهِ قَلِيلًا مَا تَذَكَّرُونَ (62)

Atau siapakah yang memperkenankan [doa] orang yang dalam kesulitan apabila dia berdoa kepada-Nya, dan yang menghilangkan kesusahan dan yang menjadikan kamu [manusia] sebagai khalifah di bumi ? Adakah di samping Allah ada tuhan [yang lain]? Amat sedikitlah kamu mengingati [Nya]. (62) [An-Naml : 62]

Al-Hadi

وَلِيَعْلَمَ الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ فَيُؤْمِنُوا بِهِ فَتُخْبِتَ لَهُ قُلُوبُهُمْ وَإِنَّ اللَّهَ لَهَادِ الَّذِينَ آمَنُوا إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ (54)

dan agar orang-orang yang telah diberi ilmu memahami bahawa Al-Quran itulah yang hak daripada Tuhanmu lalu mereka beriman dan tunduk hati mereka kepadanya, dan sesungguhnya Allah adalah Pemberi petunjuk bagi orang-orang yang beriman kepada jalan yang lurus. [Al-Hajj : 54]

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا مِنَ الْمُجْرِمِينَ وَكَفَى بِرَبِّكَ هَادِيًا وَنَصِيرًا (31)

Dan seperti itulah, telah Kami jadikan bagi setiap nabi, musuh daripada orang-orang yang berdosa. Dan cukuplah Tuhanmu menjadi Pemberi petunjuk dan Penolong. [Al-Furqan : 31]

وَالَّذِي قَدَّرَ فَهَدَى (3)

dan yang menentukan kadar [masing-masing] dan memberi petunjuk [Al-A'la : 3]

الهادي: هو الذي يهدي عباده ويرشدهم ويدلهم إلى ما فيه سعادتهم في دنياهم وأخراهم. وهو الذي بهاديته اهتدى أهل ولايته إلى طاعته ورضاه, وهو الذي بهدايته اهتدى الحيوان لما يصلحه واتقى ما يضرّه. فالله هو

الذي خلق المخلوقات وهداها ((الَّذِي خَلَقَ فَسَوَّى (2) وَالَّذِي قَدَّرَ فَهَدَى (3))) فهداها الهداية العامة لمصالحها

Al-Hadi: Dialah yang memberi petunjuk dan memandu mereka kepada kebahagiaan di dunia dan akhirat. Dia lah dengan hidayahnya dia menunjukkan mereka yang berada di bawah wilayah kekuasaanNya untuk mentaatiNya dan mendapatkan redhaNya. Dialah dengan hidayahnya memberikan petunjuk kepada haiwan untuk melakukan apa yang baik untuk mereka dan meninggalkan apa yang memudharatkannya. Allah lah yang menciptakan makhluknya dan memberikan petunjuk kepadanya. Firman Allah: yang menciptakan dan menyempurnakan [penciptaan-Nya], (2) dan yang menentukan kadar [masing-masing] dan memberi petunjuk, (3) [Al-A'la : 2-3]. Hidayahnya itu adalah hidayah yang umum untuk kebaikan makhluknya.[32]

Hidayah di atas merupakan satu hidayah yang umum berkaitan hal duniawi kita. Cuba kita bayangkan, bagaimana seorang bayi, yang tidak tahu apa-apa, selepas lahir terus dia melekap di dada ibunya untuk menyusu. Siapakah yang mengajarkan dia? Ibunya? Ayahnya? Atau siapa? Sudah pasti Allah.

Siapa pula yang mengajar haiwan-haiwan di muka bumi untuk memilih makanan yang sesuai dengan dirinya. Yang karnivor memakan daging, yang herbivor memakan tumbuhan, siapa? Pasti Allah.

Adapun terdapat lagi dua hidayah yang sangat penting, yang mana ia berkaitan dengan agama kita, dengan urusan akhirat kita.

ثانيا: هداية الإرشاد والبيان للمكلفين. وهي حجة الله على خلقه التي لا يعذب احدا منهم إلا بعد إقامتها عليه

Kedua: Hidayah berbentuk penerangan kepada orang-orang yang mukallaf (iaitu orang-orang yang dibebani kewajipan). Ia merupakan hujah Allah kepada makhluk-makhluknya, yang mana tidak ada satu pun yang akan diazab melainkan selepas ditegakkan hujah ke atasnya. Firman Allah:

((وَاتَّبِعُوا أَحْسَنَ مَا أُنْزِلَ إِلَيْكُمْ مِنْ رَبِّكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَكُمُ الْعَذَابُ بَغْتَةً وَأَنْتُمْ لَا تَشْعُرُونَ (55) أَنْ تَقُولَ نَفْسٌ يَا حَسْرَتَا عَلَى مَا فَرَّطْتُ فِي جَنْبِ اللَّهِ وَإِنْ كُنْتُ لَمِنَ السَّاخِرِينَ (56) أَوْ تَقُولَ لَوْ أَنَّ اللَّهَ هَدَانِي لَكُنْتُ مِنَ الْمُتَّقِينَ (57).))

Dan ikutilah sebaik-baik apa yang telah diturunkan kepadamu daripada Tuhanmu sebelum datang azab kepadamu dengan tiba-tiba, sedang kamu tidak menyedarinya, (55) supaya jangan ada orang yang mengatakan: Amat besar penyesalanku atas kelalaianku dalam [menunaikan kewajipan] terhadap Allah, sedang aku sesungguhnya termasuk orang-orang yang memperolok-olokkan

[32] Fiqh al-Asma' al-Husna, m/s 115

[agama Allah]. (56) atau supaya jangan ada yang berkata: Seandainya Allah memberi petunjuk kepadaku tentulah aku termasuk orang-orang yang bertakwa'. [Az-Zumar : 55-57]

وقال تعالى : وَأَمَّا ثَمُودُ فَهَدَيْنَاهُمْ فَاسْتَحَبُّوا الْعَمَى عَلَى الْهُدَى فَأَخَذَتْهُمْ صَاعِقَةُ الْعَذَابِ الْهُونِ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ (17)

Dan adapun kaum Tsamud maka mereka telah Kami beri petunjuk tetapi mereka lebih menyukai buta [kesesatan] daripada petunjuk itu, maka mereka disambar petir azab yang menghinakan disebabkan apa yang telah mereka kerjakan. [Fussilat : 17]

ثالثا: هداية التوفيق والإلهام وشرح الصدر لقبول الحق والرضى به, قال تعالى: مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ,

Ketiga: Hidayah petunjuk dan ilham, dan meluaskan dada untuk menerima kebenaran dan redha dengannya. Firman Allah: Sesiapa yang Allah berikan hidayah, maka dia adalah orang yang menerima petunjuk [al-Kahf : 17]

وقال تعالى: أَفَمَنْ زُيِّنَ لَهُ سُوءُ عَمَلِهِ فَرَآهُ حَسَنًا فَإِنَّ اللَّهَ يُضِلُّ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ فَلَا تَذْهَبْ نَفْسُكَ عَلَيْهِمْ حَسَرَاتٍ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِمَا يَصْنَعُونَ (8)

Firman Allah lagi: Maka apakah orang yang dijadikan [syaitan] menganggap baik pekerjaannya yang buruk lalu dia meyakini pekerjaan itu baik, [sama dengan orang yang tidak ditipu oleh syaitan]? Sesungguhnya Allah menyesatkan siapa yang dikehendaki-Nya dan menunjuki siapa yang dikehendaki-Nya; maka janganlah dirimu binasa kerana kesedihan terhadap mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka perbuat. [Fathir : 8] [33]

Dengan memahami bahawa Allah lah Maha Pemberi hidayah. Kita akan berterusan berusaha dan berdoa kepada Allah agar meletakkan diri kita dalam kalangan mereka yang istiqamah di atas jalan kebenaran. Ingatlah doa Nabi sallallahu 'alaihi wasallam ini:

يَا مُقَلِّبَ الْقُلُوبِ ثَبِّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ

Wahai Tuhan yang Membolak-balikkan hati, tetapkan lah hati ku di atas agama mu.

عَنْ أَنَسٍ ، قَالَ : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُكْثِرُ أَنْ يَقُولَ : " يَا مُقَلِّبَ الْقُلُوبِ ، ثَبِّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ " ، فَقُلْتُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، آمَنَّا بِكَ وَبِمَا جِئْتَ بِهِ فَهَلْ تَخَافُ عَلَيْنَا ؟ قَالَ : " نَعَمْ ، إِنَّ الْقُلُوبَ بَيْنَ أُصْبُعَيْنِ مِنْ أَصَابِعِ اللَّهِ يُقَلِّبُهَا كَيْفَ يَشَاءُ"

Anas radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam kerap membaca (doa di atas). Lalu aku bertanya: Ya Rasulullah, kami beriman kepada engkau dan apa yang engkau bawa.

[33] Fiqh al-Asma' al-Husna m/s 166-167

Adakah engkau ada rasa takut/khuatir ke atas kami? Baginda menjawab: Ya. Sesungguhnya hati-hati ini berada di antara dua jari daripada jari jemari Allah. dia akan akan membolak-balikkan ia sebagaimana yang Dia kehendaki [Sunan at-Tirmizi, Kitab al-Qadr, hadis no: 2066]

Al-Fattah

قُلْ يَجْمَعُ بَيْنَنَا رَبُّنَا ثُمَّ يَفْتَحُ بَيْنَنَا بِالْحَقِّ وَهُوَ الْفَتَّاحُ الْعَلِيمُ (26)

Katakanlah: Tuhan kita akan mengumpulkan kita semua, kemudian membuka kebenaran di antara kita. Dia adalah Maha Pembuka dan Maha Mengetahui

[Saba' : 26]

وَسِعَ رَبُّنَا كُلَّ شَيْءٍ عِلْمًا عَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا رَبَّنَا افْتَحْ بَيْنَنَا وَبَيْنَ قَوْمِنَا بِالْحَقِّ وَأَنْتَ خَيْرُ الْفَاتِحِينَ (89)

Pengetahuan Tuhan kami meliputi segala sesuatu. Kepada Allah sajalah kami bertawakkal. Ya Tuhan kami, bukakanlah kebenaran antara kami dan kaum kami. dan Engkaulah Maha Pembuka. [Al-A'raf : 89]

قال الشيخ عبد الرحمان بن سعدي رحمه الله: فالفتاح هو الحكم المحسن الجواد, وفتحه تعالى قسمان: احدهما: فتحه بحكمه الديني وحكمه الجزائي.والثاني: الفتاح بحكمه القدري.

Shaikh Abdul Rahman bin Sa'di berkata: Al-Fattah (iaitu Yang Maha Membuka) adalah hakim yang memberi hukum dengan kebaikan dan penuh kemurahan. Sifat membuka Allah terbahagi kepada dua bahagian. Pertama: Sifat MembukaNya dengan hukum-hakam agamaNya dan hukum pembalasanNya. Kedua: Yang Maha Membuka dengan hukum taqdirNya.

ففتحه بحكمه الديني هو شرعه على ألسنة رسله جميع ما يحتاجه المكلفون ويستقيمون به على الصراط المستقيم, وأما فتحه بجزائه فهو فتحه بين أنبيائه ومخالفيهم وبين أوليائه وأعدائهم, بإكرام الأنبياء وأتباعهم ونجاتهم, وبإهانة أعدائهم وعقوباتهم, وكذلك فتحه يوم القيامة وحكمه بين الخلائق حين يوفي كل عامل ما عمله.

Maksud pembukaanNya dengan hukum agama ialah Dia mensyariatkan melalui lisan para rasul-rasulNya semua perkara yang diperlukan oleh manusia-manusia yang telah dibebani dengan kewajipan dan mereka itu akan sentiasa berada di atas jalan yang lurus. Adapun pembukaanNya dengan pembalasanNya akan berlaku antara para nabi dan orang yang menyelisihi mereka, antara para wali Allah dan musuh-musuh mereka. Dia memuliakan para nabi dan pengikut mereka dan menyelamatkan mereka, dan Dia juga menghina musuh-musuh mereka dan menghukumi mereka. Begitu jugalah pembukaanNya dan hukumNya pada hari kiamat untuk semua makhluknya di mana semua yang beramal akan dibalas mengikut amalannya.

وأما فتحه القدري فهو ما يقدره على عباده من خير وشر ونفع وضر وعطاء ومنع, قال تعالى ((مَا يَفْتَحِ اللَّهُ لِلنَّاسِ مِنْ رَحْمَةٍ فَلَا مُمْسِكَ لَهَا وَمَا يُمْسِكْ فَلَا مُرْسِلَ لَهُ مِنْ بَعْدِهِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ)) فالرب تعالى هو الفتاح العليم, الذي يفتح لعباده الطائعين خزائن جوده وكرمه, ويفتح على أعدائه ضد ذلك, وذلك بفضله وعدله

Adapun pembukaanNya daripada sudut taqdir pula, ialah dia mentaqdirkan kepada hamba-hambaNya apa yang baik dan buruk, manfaat dan mudharat, pemberian dan dan halangan. Firman Allah: Apa saja yang Allah anugerahkan kepada manusia berupa rahmat, maka tidak ada seorangpun yang dapat menahannya; dan apa saja yang ditahan oleh Allah maka tidak seorangpun yang sanggup untuk melepaskannya sesudah itu. Dan Dialah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. [Fathir : 2]. Tuhan yang Maha Tinggi, dialah Maha Pembuka dan Maha Mengetahui, yang membuka untuk hamba-hambaNya yang taat akan khazanah kemurahanNya, dan membuka untuk musuh-musuhNya yang sebaliknya pula, ia berlaku dengan kurniaan dan keadilanNya.[34]

Dengan memahami maksud al-Fattah di atas kita memahami bahawa keadilan akan ditegakkan oleh Allah kepada semua makhluknya. Manusia yang menzalimi manusia lain akan dibalasi hukuman atas kezalimannya. Dengan memahami nama Allah Al-Fattah kita mengetahui bahawa segala hukum-hakam yang Allah syariatkan dilakukan atas dasar manfaat untuk kita semua. Kita juga akan memahami bahawa seandainya kita memusuhi agama Allah, maka Allah akan membuka balasan yang berat untuk kita, dan jika kita membantu agama Allah, Allah akan membuka bantuan untuk kita ke atas musuh-musuh agamanya. Ini terbukti melalui kisah-kisah dalam al-Quran berkaitan pembukaan bantuan Allah kepada para rasul dalam menghadapi manusia-manusia yang kufur.

قَالَ رَبِّ إِنَّ قَوْمِي كَذَّبُونِ (117) فَافْتَحْ بَيْنِي وَبَيْنَهُمْ فَتْحًا وَنَجِّنِي وَمَنْ مَعِيَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ (118)

Nuh berkata: Ya Tuhanku, sesungguhnya kaumku telah mendustakan aku; (117) maka bukakanlah (iaitu adakanlah suatu keputusan) antaraku dan antara mereka, dan selamatkanlah aku dan orang-orang beriman yang bersama ku. (118) [Al-Syua'ra : 117-118]

Doa Nabi Syu'aib:

رَبَّنَا افْتَحْ بَيْنَنَا وَبَيْنَ قَوْمِنَا بِالْحَقِّ وَأَنْتَ خَيْرُ الْفَاتِحِينَ (89)

Ya Tuhan kami, bukakanlah kebenaran antara kami dan kaum kami. dan Engkaulah Maha Pembuka. [Al-A'raf : 89]

وَاسْتَفْتَحُوا وَخَابَ كُلُّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ (15)

Dan mereka memohon pembukaan (iaitu kemenangan menghadapi musuh-musuh mereka) dan binasalah semua orang yang berlaku sewenang-wenang lagi keras kepala [Ibrahim : 15[

[34] Fiqh al-Asma' al-Husna m/s 122-123

Al-Sami’

Shaikh Abdul Razzaq bin Muhsin al-‘Abbad menyatakan bahawa nama Allah al-Sami’ diulang-ulang di dalam al-Quran sebanyak 50 kali.

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ (11)

[Al-Syura : 11]

Al-Sami’ bermaksud yang Maha Mendengar. Sifat Mendengar Allah ini adalah sangat hebat, Dia boleh mendengar segala macam bunyi-bunyian hatta yang paling perlahan sekalipun atau yang paling kuat sekalipun. Firman Allah:

سَوَاءٌ مِنْكُمْ مَنْ أَسَرَّ الْقَوْلَ وَمَنْ جَهَرَ بِهِ وَمَنْ هُوَ مُسْتَخْفٍ بِاللَّيْلِ وَسَارِبٌ بِالنَّهَارِ (10)

Sama saja (bagi Tuhan), siapa di antaramu yang merahsiakan ucapannya, dan siapa yang berterus-terang dengan ucapan itu, dan siapa yang bersembunyi di malam hari dan yang berjalan (menampakkan diri) di siang hari. [Al-Ra’du : 10]

أَمْ يَحْسَبُونَ أَنَّا لَا نَسْمَعُ سِرَّهُمْ وَنَجْوَاهُمْ بَلَى وَرُسُلُنَا لَدَيْهِمْ يَكْتُبُونَ (80)

Apakah mereka menyangka bahwa Kami tidak mendengar rahsia dan bisikan-bisikan mereka? Sebenarnya (Kami mendengar), dan utusan-utusan (malaikat-malaikat) Kami selalu mencatat di sisi mereka. [Az-Zukhruf : 80]

Bahkan, sifat Mendengar Allah ini menunjukkan bagaimana Allah sangat kasih dan peka terhadap situasi hamba-hambaNya. Lihatlah kisah wanita yang mengadu kepada nabi sallallahu ‘alaihi wasallam dalam surah al-Mujadilah:

قَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّتِي تُجَادِلُكَ فِي زَوْجِهَا وَتَشْتَكِي إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ يَسْمَعُ تَحَاوُرَكُمَا إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ (1)

Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan wanita yang telah berdebat dengan kamu tentang suaminya, dan mengadukan (halnya) kepada Allah. Dan Allah mendengar soal jawab antara kamu berdua. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat. [Al-Mujadilah : 1]

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ : الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَسِعَ سَمْعُهُ الأَصْوَاتَ ، لَقَدْ جَاءَتِ الْمُجَادِلَةُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تُكَلِّمُهُ وَأَنَا فِي نَاحِيَةِ الْبَيْتِ ، مَا أَسْمَعُ مَا تَقُولُ : فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ : {قَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّتِي تُجَادِلُكَ فِي زَوْجِهَا} إِلَى آخِرِ الآيَةِ.

‘Aisyah radiallahu ‘anha berkata: Segala puji bagi Allah yang meluas pendengaranNya ke atas suara-suara. Sesungguhnya seorang wanita yang pandai berdebat telah datang kepada Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam dan berbincang dengan baginda. Aku berada di dalam rumah, tetapi aku tidak dapat mendengar apa yang wanita itu katakan. Lalu Allah menurunkan ayat di atas.

[Musnad Ahmad, Hadis As-Sayyidah 'Aisyah radiallahu 'anha, hadis no: 24241, Shaikh Syu'aib al-Arnaouth berkata: Isnadnya sahih atas syarat Imam Muslim]

Imam Ibn al-Qayyim menyebutkan dalam Thariq al-Hijratain:

السميع الذي قد استوى في سمعه سر القول وجهره وسع سمعه الأصوات فلا تختلف عليه أصوات الخلق ولا تشتبه عليه ولا يشغله منها سمع عن سمع ولا تغلطه المسائل ولا يبرمه كثرة السائلين

Yang Maha Mendengar: Yang mana pendengaranNya merangkumi perkataan yang perlahan dan kuat, dan pendengaranNya meluas kepada suara-suara. Tidak akan mengelirukan ke atas Nya suara-suara makhluk. Tidak pula ketika Dia Mendengar menyebabkan Dia sibuk daripada Mendengar yang lain. Tidaklah Dia akan tersilap dengan banyaknya permintaan, dan tidaklah Dia bosan dengan ramainya orang yang memohon.[35]

Dengan mempunyai keimanan yang kukuh bahawa Allah akan mendengar segala apa yang kita katakan, kita akan terus menerus berdoa kepada Allah. Ini kerana Allah Maha Mendengar doa kita, dan dia akan memberikan apa yang kita minta atau yang lebih baik daripada yang kita minta.

إِنَّ رَبِّي لَسَمِيعُ الدُّعَاءِ

Sesungguhnya Tuhan Maha Mendengar doa [Ibrahim : 39]

Ia juga akan membantu untuk kita memahami adab-adab ketika berzikir dan berdoa iaitu yang terbaik ialah dengan merendahkan suara.

عَنْ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : كُنَّا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَكُنَّا إِذَا أَشْرَفْنَا عَلَى وَادٍ هَلَّلْنَا وَكَبَّرْنَا ارْتَفَعَتْ أَصْوَاتُنَا ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " يَا أَيُّهَا النَّاسُ ارْبَعُوا عَلَى أَنْفُسِكُمْ فَإِنَّكُمْ لَا تَدْعُونَ أَصَمَّ ، وَلَا غَائِبًا ، إِنَّهُ مَعَكُمْ إِنَّهُ سَمِيعٌ قَرِيبٌ تَبَارَكَ اسْمُهُ وَتَعَالَى جَدُّهُ

Abu Musa al-Asyaari radiallahu 'anhu berkata: Kami bersama Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam, apabila kami melalui kawasan yang tinggi kami akan bertahlil (iaitu mengucapkan tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah) dan bertakbir (iaitu Allah Maha Besar), dan kami meninggikan suara kami. Nabi sallallahu 'alaihi wasallam berkata kepada kami: Wahai manusia, berlembutlah kepada diri kalian sendiri, sesungguhnya kalian bukan berdoa kepada yang pekak atau tiada. Sesungguhnya Dia bersama kalian, sesungguhnya Dia mendengar dan sangat dekat. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jihad wa al-Siyar, hadis no: 2786]

Ia juga akan membuatkan kita menjauhi segala jenayah lidah seperti mencerca, mengumpat dan memfitnah.

[35] Thariq al-Hijratain, m/s 212

Ia juga akan membuatkan hati kita teguh menjauhi segala bentuk kesyirikan sebagaimana dilakukan golongan Musyrikin yang menyembah makhluk-makhluk yang tidak mampu langsung mendengar.

وَاللَّهُ يَقْضِي بِالْحَقِّ وَالَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ لَا يَقْضُونَ بِشَيْءٍ إِنَّ اللَّهَ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ (20)

Dan Allah menghukum dengan keadilan. Dan sembahan-sembahan yang mereka sembah selain Allah tiada dapat menghukum dengan sesuatu apapun. Sesungguhnya Allah Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat. [Ghafir : 20]

إِنَّ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ عِبَادٌ أَمْثَالُكُمْ فَادْعُوهُمْ فَلْيَسْتَجِيبُوا لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ (194) أَلَهُمْ أَرْجُلٌ يَمْشُونَ بِهَا أَمْ لَهُمْ أَيْدٍ يَبْطِشُونَ بِهَا أَمْ لَهُمْ أَعْيُنٌ يُبْصِرُونَ بِهَا أَمْ لَهُمْ آذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا قُلِ ادْعُوا شُرَكَاءَكُمْ ثُمَّ كِيدُونِ فَلَا تُنْظِرُونِ (195)

Sesungguhnya berhala-berhala yang kamu seru selain Allah itu adalah makhluk (yang lemah) yang serupa juga dengan kamu. Maka serulah berhala-berhala itu lalu biarkanlah mereka mmperkenankan permintaanmu, jika kamu memang orang-orang yang benar (194) Adakah berhala-berhala mempunyai kaki yang dengan itu ia dapat berjalan, atau mempunyai tangan yang dengan itu ia dapat memegang, atau mempunyai mata yang dengan itu ia dapat melihat, atau mempunyai telinga yang dengan itu ia dapat mendengar? Katakanlah: Panggillah berhala-berhalamu yang kamu jadikan sekutu Allah, kemudian lakukanlah tipu daya (untuk mencelakakan)-Ku. tanpa memberi tangguh (kepada-Ku). [Al-A'raf : 194-195]

Al-Bashir

إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا (58)

Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Melihat. [an-Nisa' : 58]

وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ (265)

Allah melihat apa yang kalian lakukan. [Al-Baqarah : 265]

إِنَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ بَصِيرٌ (19)

Sesungguhnya Dia Maha Melihat segala sesuatu. [Al-Mulk : 19]

Shaikh Abdul Razzak al-'Abbad menyatakan di dalam Fiqh al-Asma' al-Husna bahawa nama Allah al-Basir disebutkan dalam al-Quran lebih daripada 40 kali.

Imam Ibn al-Qayyim menyebutkan dalam Thariq al-Hijratain:

البصير الذي لكمال بصره يرى تفاصيل خلق الذرة الصغيرة وأعضائها ولحمها ودمها ومخها وعروقها ويرى دبيبها على الصخرة الصماء في الليلة الظلماء ويرى ما تحت الأرضين السبع كما يرى ما فوق السموات السبع

Al-Bashir: Iaitu yang sempurna penglihatanNya. Dia melihat perincian makhluk kecil sebesar zarah daripada anggota tubuh badannya, dagingnya, darahnya, otaknya,uratnya. Dia juga Melihat haiwan yang merangkak di padang pasir pada waktu malam yang gelap. Dia Melihat apa yang ada di bawah tujuh lapisan bumi dan Dia Melihat apa yang ada di atas tujuh lapisan langit.[36]

Dengan keimanan yang kukuh berkaitan sifat Allah yang Maha Melihat, manusia akan terhindar atau dapat meminimumkan daripada melakukan maksiat di khalayak ramai atau ketika bersendirian.

Apabila keimanan bahawa Allah Maha Melihat itu tidak kukuh, maka kita akan jadi seperti dalam hadis di bawah:

عَنْ ثَوْبَانَ , عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ , أَنَّهُ قَالَ " لَأَعْلَمَنَّ أَقْوَامًا مِنْ أُمَّتِي يَأْتُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِحَسَنَاتٍ أَمْثَالِ جِبَالِ تِهَامَةَ , بِيضًا , فَيَجْعَلُهَا اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ هَبَاءً مَنْثُورًا " , قَالَ ثَوْبَانُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ , صِفْهُمْ لَنَا , جَلِّهِمْ لَنَا أَنْ لَا نَكُونَ مِنْهُمْ وَنَحْنُ لَا نَعْلَمُ , قَالَ : " أَمَا إِنَّهُمْ إِخْوَانُكُمْ وَمِنْ جِلْدَتِكُمْ وَيَأْخُذُونَ مِنَ اللَّيْلِ كَمَا تَأْخُذُونَ , وَلَكِنَّهُمْ أَقْوَامٌ إِذَا خَلَوْا بِمَحَارِمِ اللَّهِ انْتَهَكُوهَا

Tsauban radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wassalam bersabda: Sekelompok manusia daripada umatku akan dikenali kerana mereka datang pada hari Kiamat dengan kebaikan yang umpama gunung Tihamah. Lalu Allah menjadikan (kebaikan mereka itu) debu-debu yang berterbangan. Tsauban berkata: Wahai Rasulullah, ceritakan ciri-ciri mereka kepada kami agar kami tidak termasuk dalam kalangan mereka tanpa kami sedari.

Rasulullah sallallahu ‘alaihi wassalam menjawab: Mereka itu adalah saudara kamu, daripada jenis kamu. Mereka mengambil mengambil waktu malam (sebagai waktu beribadah) sebagaimana kamu mengambil waktu malam (untuk beribadah padanya). Tetapi, mereka adalah kelompok manusia yang bersunyi-sunyi dengan perkara yang Allah haramkan lalu mereka pun melakukan perkara yang haram itu. [Sunan Ibn Majah, Kitab az-Zuhud, hadis no: 4243]

Keyakinan yang teguh ini akan membawa kepada tahap keimanan yang tinggi iaitu Ehsan. Apakah itu ehsan?

Malaikat Jibril ‘alaihissalam pernah bertanya kepada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam:

قَالَ : مَا الْإِحْسَانُ ؟ قَالَ : أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

[36] Thariq al-Hijratain m/s 212

Apakah itu Ehsan? Baginda menjawab: Engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihatNya. Jika tidak dapat melihatNya, sesungguhnya Dia Melihat Engkau. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Iman, hadis no: 49]

Al-Lathif dan Al-Khabir

لَا تُدْرِكُهُ الْأَبْصَارُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَارَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ (103)

Dia tidak dapat dicapai oleh penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat segala penglihatan itu dan Dialah Yang Maha Halus lagi Maha Mengetahui. [Al-An'am : 103]

يَا بُنَيَّ إِنَّهَا إِنْ تَكُ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ فَتَكُنْ فِي صَخْرَةٍ أَوْ فِي السَّمَاوَاتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِ بِهَا اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ (16)

[Luqman berkata]: Hai anakku, sesungguhnya jika ada [sesuatu perbuatan] seberat biji sawi, dan berada dalam batu atau di langit atau di dalam bumi, nescaya Allah akan mendatangkannya [membalasinya]. Sesungguhnya Allah Maha Halus lagi Maha Mengetahui. [Luqman : 16]

أما الخبير: فمعناه: الذي أدرك علمه السرائر, واطّلع على مكنون الضمائر, وعلم خفيات البذور, ولطائف الأمور, ودقائق الذّرّات.

Al-Khabir bermaksud: Yang ilmunya merangkumi yang tersembunyi, melihat apa apa yang terbuku di dalam hati, mengetahui bii-bijian yang tersembunyi, mengetahui urusan-urusan yang sangat halus, dan yang sekecil zarah. Ia merupakan nama yang

Al-Latiff mempunyai maksud yang sama dengan Al-Khabir. Ia juga bermaksud:

الذي يوصل إلى عباده وأوليائه مصالحهم بلطفه وإحسانه من طرق لا يشعرون بها

Yang memberikan kepada hamba-hambaNya sertai wali-waliNya pelbagai perkara yang bermanfaat dengan kelembutan dan kebaikanNya daripada jalan-jalan yang mereka tidak sangka.[37]

Imam Ibn al-Qayyim menyebutkan dalam qasidahnya yang bertajuk an-Nuniyyah:

وهو اللطيف بعبده ولعبده ... واللطف في أوصافه نوعان

Dialah yang Maha Lembut dengan hambaNya dan kepada hambaNya,

Kelembutan pada sifatnya itu ada dua bahagian

[37] Fiqh al-Asma al-Husna m/s 138

إدرك أسرار الأمور بخبرة ... واللطف عند مواقع الإحسان

Yang penuh ketelitian dalam memahami urusan-urusan yang penuh kerahsiaan,

Dan kelembutan dalam melakukan kebaikan

فيريك عزته ويبدي لطفه ... والعبد في الغفلات عن ذا الشان

Dia menunjukkan kepada Mu kekuasaanNya dan menzahirkan pula kelembutanNya,

Dan hamba pula dalam hal ini sering dalam kelalaian.

Antara bentuk sifat al-Lutf Allah dengan hamba-hambanya ialah:

- Dia mempermudahkan urusan hamba tersebut
- Dia membantu hambaNya dengan sebab-sebab luaran yang diluar kemampuan hamba tersebut
- Memberikan hambaNya hidayah agar keluar daripada kesesatan kepada pintu hidayah
- Membantu hambaNya menghadapi desakan dan godaan hawa nafsu
- Memberikan rezeki yang sesuai kepada hambaNya, dan bukan apa yang mereka kehendaki

  اللَّهُ لَطِيفٌ بِعِبَادِهِ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ الْقَوِيُّ الْعَزِيزُ (19)

  Allah Maha Lembut terhadap hamba-hamba-Nya; Dia memberi rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan Dialah Yang Maha Kuat lagi Maha Perkasa.[Al-Syuura : 19]
- Menguji mereka dengan ujian untuk menghapuskan dosa dan menaikkan darjat mereka
- Memberi mereka nikmat yang halal tetapi nikmat itu tidak melekakan mereka daripada beribadah dan mempelajari agama Allah
- Mengurniakan kepadanya teman-teman yang soleh dan solehah yang membantu ke arah jalan kebaikan[38]

اَلأَوَّلُ، وَالآخِرُ، وَالظَّاهِرُ، وَالْبَاطِنُ

Yang Maha Awal, Yang Akhir, Yang Zahir dan Yang Batin

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

[38] Ringkasan daripada Fiqh al-Asma' al-Husna m/s 139-140

هُوَ ٱلْأَوَّلُ وَٱلْءَاخِرُ وَٱلظَّـٰهِرُ وَٱلْبَاطِنُ ۖ ﴿٣﴾

Maksudnya: *"Dialah Yang Awal dan Yang Akhir; dan Yang Zahir serta Yang Batin; dan Dialah Yang Maha Mengetahui segala sesuatu*." (Surah al-Hadid [57]: ayat 3)

Empat nama Allah ini telah dijelaskan oleh Nabi *Sallallahu `alaihi wassallam* melalui salah satu doanya:

اللَّهُمَّ رَبَّ السَّمَاوَاتِ وَرَبَّ الْأَرْضِ وَرَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ رَبَّنَا وَرَبَّ كُلِّ شَيْءٍ فَالِقَ الْحَبِّ وَالنَّوَى وَمُنْزِلَ التَّوْرَاةِ وَالْإِنْجِيلِ وَالْفُرْقَانِ أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ كُلِّ شَيْءٍ أَنْتَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهِ اللَّهُمَّ أَنْتَ الْأَوَّلُ فَلَيْسَ قَبْلَكَ شَيْءٌ وَأَنْتَ الْآخِرُ فَلَيْسَ بَعْدَكَ شَيْءٌ وَأَنْتَ الظَّاهِرُ فَلَيْسَ فَوْقَكَ شَيْءٌ وَأَنْتَ الْبَاطِنُ فَلَيْسَ دُونَكَ شَيْءٌ اقْضِ عَنَّا الدَّيْنَ وَأَغْنِنَا مِنْ الْفَقْرِ

Maksudnya: *"Ya Allah Rabb langit dan bumi serta Rabb Arasy yang agung, Rabb kami semua dan Rabb bagi segala sesuatu. Yang telah menumbuhkan butir-butir tumbuhan dan biji buah-buahan. Yang telah menurunkan kitab Taurat, Injil dan al-Furqan. Aku berlindung kepada-Mu daripada kejahatan segala sesuatu yang Engkau pegang ubun-ubunnya. Ya Allah, Engkau adalah Ya Awwal, tidak ada sesuatu pun sebelum-Mu. Engkau adalah Yang al-Aakhir, tidak ada sesuatu pun selepas-Mu. Engkau adalah Yang Zahir tidak ada sesuatu pun di atas-Mu dan Engkau adalah Yang Bathin tiada sesuatu pun di bawah-Mu. Maka, lunasilah hutang kami dan berilah kecukupan dari kefakiran."* (Hadis riwayat Muslim (no hadis 2713), Kitab al-Zikr wa al-Dua`a)

Berkata al-Nawawi *rahimahullah* di dalam kitab *al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin al-Hajjaj :*

يُحْتَمَلُ أَنَّ الْمُرَادَ بِالدَّيْنِ هُنَا حُقُوقُ اللَّهِ تَعَالَى وَحُقُوقُ الْعِبَادِ كُلُّهَا مِنْ جَمِيعِ الْأَنْوَاعِ. وَأَمَّا مَعْنَى الظَّاهِرِ مِنْ أَسْمَاءِ اللَّهِ فَقِيلَ: هُوَ مِنَ الظُّهُورِ بِمَعْنَى الْقَهْرِ وَالْغَلَبَةِ، وَكَمَالِ الْقُدْرَةِ، وَمِنْهُ ظَهَرَ فُلَانٌ عَلَى فُلَانٍ. وَقِيلَ: الظَّاهِرُ بِالدَّلَائِلِ الْقَطْعِيَّةِ. وَالْبَاطِنُ: الْمُحْتَجِبُ عَنْ خَلْقِهِ. وَقِيلَ: الْعَالِمُ بِالْخَفِيَّاتِ. وَأَمَّا تَسْمِيَتُهُ سُبْحَانَهُ بِالْآخِرِ، فَقَالَ الْإِمَامُ أَبُو بَكْرِ بْنُ الْبَاقِلَّانِيِّ: مَعْنَاهُ بِصِفَاتِهِ مِنَ الْعِلْمِ وَالْقُدْرَةِ وَغَيْرِهِمَا الَّتِي كَانَ عَلَيْهَا فِي الْأَزَلِ، وَيَكُونُ كَذَلِكَ بَعْدَ مَوْتِ الْخَلَائِقِ، وَذَهَابِ عُلُومِهِمْ وَقَدَرِهِمْ وَحَوَاسِّهِمْ، وَتَفَرُّقِ أَجْسَامِهِمْ... هَذَا كَلَامُ ابْنِ الْبَاقِلَّانِيِّ .

Kemungkinan yang dimaksudkan dengan hutang di sini adalah yang berkaitan dengan hak-hak Allah dan hak-hak sesama hamba. Adapun yang *az-Zhaahir* yang termasuk dalam nama-nama Allah, yang mana ada yang berpendapat, perkataan itu berasal daripada perkataan *az-Zhuhur* yang bermaksud memaksa, menguasai dan memiliki kekuatan yang sempurna. Seperti mana kalimah: *"Si fulan telah menguasai si fulan"*. Ada juga yang berpendapat, ertinya yang jelas dengan dalil-dalil qathie. Maksud *al-Baathin* pula adalah yang tidak kelihatan oleh makhluk-Nya. Ada juga yang berpendapat maksudnya yang Maha Mengetahui terhadap perkara-perkara yang tersembunyi. Manakala penamaan Allah *Ta`ala* dengan *al-Aakhir* al-Imam Abu Bakar bin al-Baqilini berpendapat: Maksudnya; yang kekal dengan sifat-sifat-Nya seperti ilmu, kekuasaan dan lain-lain sebagaimana yang telah ditentukan sejak azali. Dan juga bermaksud yang terakhir setelah

makhluk-Nya meninggal, hilang semua ilmu, kekuatan, pancaindera dan terpisah jasad daripada mereka...Inilah penjelasan al-Baqilini.”

Berkata al-Thahawi di dalam kitab *al-Aqidah al-Thahawiyyah* tentang maksud “*al-Awwal* dan “*al-Akhir*”

قَدِيمٌ بِلَا ابْتِدَاءٍ، دَائِمٌ بِلَا انْتِهَاءٍ

“Allah Maha Mendahului tanpa ada permulaan. Allah Maha Kekal tanpa ada pengakhiran”

اَلْعَلِيْمُ

Yang Maha Mengetahui

Nama ini telah disebutkan di dalam al-Qur`an al-Karim lebih daripada 150 kali. Di antaranya:

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

فَإِنَّ ٱللَّهَ بِهِۦ عَلِيمٌ ﴿٢١٥﴾

Maksudnya: *“Maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui-Nya*” (al-Baqarah [2]: 215)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٣١﴾

Maksudnya: *“Ketahuilah bahawa Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu*” (al-Baqarah [2]: 231)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِهِۦ عَلِيمًا ﴿١٢٧﴾

Maksudnya: *“Maka sesungguhnya Allah Maha mengetahui-Nya*” (al-Nisa`: 127)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَهُوَ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٦﴾

Maksudnya: *“Dialah Yang Maha Mengetahui akan segala (isi hati) yang terkandung di dalam dada*” (al-Hadid [57]: 6)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

إِنَّهُۥ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمٞ ﴿١٢﴾

Maksudnya: *"Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui akan segala sesuatu"* (al-Syura [42]: 12)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

إِنِّي بِمَا تَعۡمَلُونَ عَلِيمٞ ﴿٥١﴾

Maksudnya: *"Sesungguhnya Aku Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan*" (al-Mukminun [23]: 51)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَهُوَ بِكُلِّ خَلۡقٍ عَلِيمٌ ﴿٧٩﴾

Maksudnya: *"Dia Maha Mengetahui akan segala keadaan makhluk-makhluk-Nya*" (Yasin [36]: 79)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

إِنَّ رَبِّي بِكَيۡدِهِنَّ عَلِيمٞ ﴿٥٠﴾

Maksudnya: *"Sesungguhnya Tuhanku Maha Mengetahui tipu daya mereka*" (Yusuf [12] : 50)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

إِنَّهُۥ عَلِيمُۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٥﴾

Maksudnya: *"Sesungguhnya Dia Maha akan segala (isi hati) yang ada di dalam dada."* (Hud [11]: 5)

وَهُوَ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمٞ ﴿١٠١﴾

Maksudnya: *"Dialah Yang Maha Mengetahui segala-galanya*" (al-An`am[6]: 101)

Makna "al-`Alim"

Pertama: "Dialah Dzat yang mengetahui apa telah terjadi, apa yang sedang terjadi, apa yang akan terjadi dan apa yang tidak terjadi seandainya ia terjadi dan bagaimana ia terjadi."

Kedua: "Ilmu Allah meliputi segala sesuatu, sama ada yang zahir atau yang batin, yang nampak atau pun yang tersembunyi, yang kecil atau pun yang besar.

Keluasan Ilmu Allah Meliputi Segala Sesuatu

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَسِعَ رَبِّى كُلَّ شَىْءٍ عِلْمًا

Maksudnya: *"(Sesungguhnya) pengetahuan Tuhanku meliputi segala sesuatu. Apakah kamu tidak mahu mengambil pengajaran."* (Surah Al-An`am [6]: ayat 80)

Ibn Kathir *rahimahullah* menjelaskan di dalam *Tafsir al-Qur`an al-Azhim*:

أَيْ: أَحَاطَ عِلْمُهُ بِجَمِيعِ الْأَشْيَاءِ، فَلَا تَخْفَى عَلَيْهِ خَافِيَةٌ

Maksudnya, "Ilmu Allah Ta`ala itu meliputi segala sesuatu sehingga tidak ada sesuatu pun yang tersembunyi dari-Nya."

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

رَبَّنَا وَسِعْتَ كُلَّ شَىْءٍ رَّحْمَةً وَعِلْمًا ﴿٧﴾

Maksudnya: *"Wahai Tuhan kami! Rahmat dan Ilmu-Mu meliputi segala-galanya."* (Surah Ghafir [40]: ayat 7)

Ibn Kathir *rahimahullah* menjelaskan di dalam *Tafsir al-Qur`an al-`Azhim*:

أَيْ: إِنَّ رَحْمَتَكَ تَسَعُ ذُنُوبَهُمْ وَخَطَايَاهُمْ. وَعِلْمُكَ مُحِيطٌ بِجَمِيعِ أَعْمَالِهِمْ، وَأَقْوَالِهِمْ، وَحَرَكَاتِهِمْ، وَسَكَنَاتِهِمْ.

Maksudnya: "Sesungguhnya rahmat-Mu meliputi dosa-dosa dan kesalahan-kesalahan mereka, sedangkan ilmu-Mu meliputi seluruh amal, ucapan, gerakan dan diamnya mereka

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

إِنَّمَآ إِلَـٰهُكُمُ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَـٰهَ إِلَّا هُوَ ۚ وَسِعَ كُلَّ شَىْءٍ عِلْمًا ﴿٩٨﴾

Maksudnya: *"Sesungguhnya Tuhan kamu hanya Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia, yang meliputi pengetahuan-Nya akan setiap sesuatu."* (Surah Taha [20]: ayat 98)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿١٢٠﴾

Maksudnya: *"Sesungguhnya Allah mengetahui segala apa yang mereka lakukan."* (Surah Ali: Imran [3]: ayat 120)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

إِنَّ رَبِّى بِمَا تَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿٩٢﴾

Maksudnya: *"Sesungguhnya Tuhanku amat mendalam pengetahuan-Nya pada apa yang kamu lakukan."* (Surah Hud [11]: ayat 92)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَكَانَ ٱللَّهُ بِمَا يَعۡمَلُونَ مُحِيطًا ﴿١٠٨﴾

Maksudnya: *(Ingatlah) Allah Maha meliputi Pengetahuan-Nya terhadap apa yang mereka lakukan."* (Surah al-Nisak [4]: ayat 108)

Allah Subhanahu Wata`ala berfirman

وَكَانَ ٱللَّهُ بِكُلِّ شَيۡءٖ مُّحِيطًا ﴿١٢٦﴾

Maksudnya: "*Allah Maha Meliputi (pengetahuan-Nya) akan segala sesuatu."* (Surah Al-Nisak [4]: ayat 126)

Contoh Ilmu-Nya Meliputi Segala Sesuatu

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَمَا يَعۡزُبُ عَن رَّبِّكَ مِن مِّثۡقَالِ ذَرَّةٖ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَلَآ أَصۡغَرَ مِن ذَٰلِكَ وَلَآ أَكۡبَرَ إِلَّا فِي كِتَٰبٖ مُّبِينٍ



Maksudnya: *"Tidak akan hilang lenyap daripada pengetahuan Tuhanmu segala sesuatu pun biarpun sebesar zarah di bumi atau di langit. Tidak ada yang kecil dan tidak ada yang lebih besar daripada itu melainkan semuanya tertulis di dalam Kitab yang nyata."* (Surah Yunus [10: ayat 61)

Ibn Kathir *rahimahullah* menjelaskan di dalam *Tafsir al-Qur`an al-`Azhim*:

يُخْبِرُ تَعَالَى نَبِيَّهُ ، صَلَوَاتُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَسَلَامُهُ أَنَّهُ يَعْلَمُ جَمِيعَ أَحْوَالِهِ وَأَحْوَالِ أُمَّتِهِ ، وَجَمِيعَ الْخَلَائِقِ فِي كُلِّ سَاعَةٍ وَآنٍ وَلَحْظَةٍ ، وَأَنَّهُ لَا يَعْزُبُ عَنْ عِلْمِهِ وَبَصَرِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ فِي حَقَارَتِهَا وَصِغَرِهَا فِي السَّمَاوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ ، وَلَا أَصْغَرَ مِنْهَا وَلَا أَكْبَرَ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُبِينٍ

Allah Ta`ala memberitahu kepada Nabi-Nya selawat dan salam Allah ke atasnya bahawa sesungguhnya Dia mengetahui semua keadaannya, keadaan umatnya dan keadaan semua makhluk dalam setiap saat, setiap minit dan setiap detik. Dan sesungguhnya tidak akan hilang lenyap daripada Pengetahuan dan penglihatan-Nya, perbuatan sebesar zarah yang paling kecil dan paling rendah, sama ada di langit atau di bumi. Tidaklah ada yang lebih kecil atau yang lebih besar darinya, melainkan telah tercatat dalam Kitab yang nyata.

Beliau menjelaskan lagi:

وَإِذَا كَانَ هَذَا عِلْمُهُ بِحَرَكَاتِ هَذِهِ الْأَشْيَاءِ، فَكَيْفَ بِعِلْمِهِ بِحَرَكَاتِ الْمُكَلَّفِينَ الْمَأْمُورِينَ بِالْعِبَادَةِ

"Jika Pengetahuan-Nya terhadap gerakan segala sesuatu seperti ini, maka bagaimanakah Pengetahuan-Nya terhadap orang-orang yang *mukallaf* (yang dibebani tanggungjawab) dan diperintah untuk beribadah?"

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

۞ وَعِندَهُۥ مَفَاتِحُ ٱلۡغَيۡبِ لَا يَعۡلَمُهَآ إِلَّا هُوَۚ وَيَعۡلَمُ مَا فِي ٱلۡبَرِّ وَٱلۡبَحۡرِۚ وَمَا تَسۡقُطُ مِن وَرَقَةٍ إِلَّا يَعۡلَمُهَا وَلَا حَبَّةٍ فِي ظُلُمَٰتِ ٱلۡأَرۡضِ وَلَا رَطۡبٍ وَلَا يَابِسٍ إِلَّا فِي كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ٥٩

Maksudnya: *"Pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dia sendiri, dan Dia mengetahui apa yang ada di daratan dan di lautan; dan tidak gugur sehelai daun pun melainkan Dia mengetahuinya dan tidak jatuh sebutir biji pun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering, melainkan (semuanya) tertulis di dalam Kitab yang nyata (Lawh Mahfz)."*(Surah Al-An`am [6] ayat 59)

Al-Bukhari meriwayatkan dari Salim bin `Abdullah, dari ayahnya, bahawa sesungguhnya Rasululullahi *Sallallahu `alaihi Wassallam* bersabda:

مَفَاتِحُ الْغَيْبِ خَمْسٌ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا اللَّهُ: إِنَّ ٱللَّهَ عِندَهُۥ عِلۡمُ ٱلسَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ ٱلۡغَيۡثَ وَيَعۡلَمُ مَا فِي ٱلۡأَرۡحَامِۖ وَمَا تَدۡرِي نَفۡسٌ مَّاذَا تَكۡسِبُ غَدٗاۖ وَمَا تَدۡرِي نَفۡسُۢ بِأَيِّ أَرۡضٖ تَمُوتُۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرُۢ ٣٤

Maksudnya: *"Kunci alam ghaib ada lima, yang tidak diketahui melainkan Allah Ta`ala sahaja.* (Sebagaimana firman-Nya): *"Sesungguhnya di sisi Allah sahajalah pengetahuan tentang hari kiamat, dan Dialah jua yang menurunkan hujan dan mengetahui dengan sebenar-benarnya tentang apa yang ada di dalam rahim (ibu yang mengandung); dan tidak ada seseorang pun yang mengetahui apa yang akan diusahannya esok dan tidak ada seorang pun yang dapat mengetahui di bumi (negeri) manakah dia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mengetahui* (secara mendalam). (Surah Luqman [31]: ayat 34)

Ibn Kathir menafsirkan ayat: "*Dia mengetahui apa yang ada di daratan dan di lautan"*:

أَيْ : يُحِيطُ عِلْمُهُ الْكَرِيمُ بِجَمِيعِ الْمَوْجُودَاتِ، بَرِّيِّهَا وَبَحْرِيِّهَا لَا يَخْفَى عَلَيْهِ مِنْ ذَلِكَ شَيْءٌ، وَلَا مِثْقَالُ ذَرَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ

Maksudnya; Ilmu Allah Yang Maha Mulia itu meliputi segala yang ada, sama ada yang ada di darat ataupun di laut dan tidak ada sedikitpun dari perkara tersebut yang tersembunyi dari-Nya, tidak juga sekecil apa pun yang ada di bumi atau di langit."

Ibn Kathir menafsirkan ayat: "*tidak gugur sehelai daun pun melainkan Dia mengetahuinya"*:

أَيْ: وَيَعْلَمُ الْحَرَكَاتِ حَتَّى مِنَ الْجَمَادَاتِ، فَمَا ظَنُّكَ بِالْحَيَوَانَاتِ، وَلَا سِيَّمَا الْمُكَلَّفُونَ مِنْهُمْ مِنْ جِنِّهِمْ وَإِنْسِهِمْ

Maksudnya; Allah mengetahui semua pergerakan bahkan pergerakan benda-benda yang mati sekalipun. Jika demikian halnya, bagaimana sangkaanmu tentang Pengetahuan Allah terhadap

pergerakan binatang apatah lagi pergerakan makhluk yang diberi taklif, sama ada jin ataupun manusia.”

Allah Mengetahui Segala Rahsia dan Tiada Yang Tersembunyi Dari-Nya

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

قُلْ إِن تُخْفُوا۟ مَا فِى صُدُورِكُمْ أَوْ تُبْدُوهُ يَعْلَمْهُ ٱللَّهُ ۗ وَيَعْلَمُ مَا فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٩﴾

Maksudnya: *“Katakanlah (Wahai Muhammad), “Jika kamu menyembunyikan apa yang ada dalam dada kamu atau kamu mendedahkannya, pasti Allah mengetahui-Nya. Dia mengetahui segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Allah Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.”* (Surah Ali-`Imran [3], ayat 29)

Ibn Kathir menjelaskan maksud ayat di atas:

يُخْبِرُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى عِبَادَهُ أَنَّهُ يَعْلَمُ السَّرَائِرَ وَالضَّمَائِرَ وَالظَّوَاهِرَ. وَأَنَّهُ لَا يَخْفَى عَلَيْهِ مِنْهُمْ خَافِيَةٌ، بَلْ عِلْمُهُ مُحِيطٌ بِهِمْ فِي سَائِرِ الْأَحْوَالِ وَالْآنَاتِ وَاللَّحَظَاتِ وَجَمِيعِ الْأَوْقَاتِ، وَبِجَمِيعِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، لَا يَغِيبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ، وَلَا أَصْغَرُ مِنْ ذَلِكَ.. وَهَذَا تَنْبِيهٌ مِنْهُ لِعِبَادِهِ عَلَى خَوْفِهِ وَخَشْيَتِهِ، وَأَلَّا يَرْتَكِبُوا مَا نَهَى عَنْهُ وَمَا يَبْغَضُهُ مِنْهُمْ، فَإِنَّهُ عَالِمٌ بِجَمِيعِ أُمُورِهِمْ، وَهُوَ قَادِرٌ عَلَى مُعَاجَلَتِهِمْ بِالْعُقُوبَةِ، وَإِنْ أَنْظَرَ مَنْ أَنْظَرَ مِنْهُمْ، فَإِنَّهُ يُمْهِلُ ثُمَّ يَأْخُذُ أَخْذَ عَزِيزٍ مُقْتَدِرٍ

“Allah Ta`ala memberitahu kepada hamba-hamba-Nya bahawa Dia mengetahui segala rahsia dan perkara yang tersembunyi serta perkara yang terlihat. Tidak ada sesuatu un dari mereka yang tersembunyi dari-Nya bahkan ilmu-Nya meliputi mereka dalam semua keadaan dan waktu. Tidak ada sesuatu pun di langit dan di bumi yang tersembunyi dari-Nya sekalipun sebesar zarah ataupun yang lebih daripada zarah tersebut. Ini merupakan peringatan bagi hamba-hamba-Nya untuk sentiasa takut agar mereka tidak melakukan larangan dan apa yang dimurkai-Nya. Ini keran Dia mengetahui semua urusan mereka dan berkuasa untuk menyeksa mereka dengan segera. Jika Dia menangguhkan (seksaan terhadap) mereka, maka Dia hanya menangguhkan, kemudian Dia akan menyiksanya sebagai satu siksaan dari Allah yang Maha Perkasa lagi Maha Berkuasa.”

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

رَبَّنَآ إِنَّكَ تَعْلَمُ مَا نُخْفِى وَمَا نُعْلِنُ ۗ وَمَا يَخْفَىٰ عَلَى ٱللَّهِ مِن شَىْءٍ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا فِى ٱلسَّمَآءِ ﴿٣٨﴾

Maksudnya: *“Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau mengetahui akan apa yang kami sembunyikan dan apa yang kami zahirkan. Tiada sesuatu pun yang tersembunyi bagi Allah sama ada di langit atau di bumi.”* (Surah Ibrahim [14] ayat 38)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

يَعْلَمُ مَا فِي ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَيَعْلَمُ مَا تُسِرُّونَ وَمَا تُعْلِنُونَ ۚ وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ

Maksudnya: *"Dia mengetahui apa yang ada di langit dan bumi serta Dia mengetahui segala yang kamu rahsiakan serta yang kamu zahirkan. Allah Maha Mengetahui segala (isi hati) yang terkandung di dalam dada."* (Surah al-Thagabun [64]: ayat 4)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَـٰنَ وَنَعْلَمُ مَا تُوَسْوِسُ بِهِۦ نَفْسُهُۥ ۖ وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ ٱلْوَرِيدِ ﴿١٦﴾

Maksudnya: *"Sesungguhnya Kami telah mencipta manusia dan Kami mengetahui apa yang dibisikan oleh hatinya, sedangkan (pengetahuan) Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya."* (Surah Qaf [50]: ayat 16)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِىٓ أَنفُسِكُمْ فَٱحْذَرُوهُ ۚ

Maksudnya: *"Ketahuilah bahawa Allah mengetahui apa yang ada di dalam hati kamu, maka takutlah kepada-Nya.* (Surah Al-Baqarah [2]: ayat 235)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

أَوَلَا يَعْلَمُونَ أَنَّ ٱللَّهَ يَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعْلِنُونَ ﴿٧٧﴾

Maksudnya: *"Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah mengetahui apa yang mereka rahsiakan dan apa yang mereka zahirkan."* (Surah Al-Baqarah [2]: ayat 77)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تُسِرُّونَ وَمَا تُعْلِنُونَ ﴿١٩﴾

Maksudnya: *"Allah mengetahui apa yang kamu sembunyikan dan apa yang kamu zahirkan."* (Surah Al-Nahl [16]: ayat 19)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

أَلَمْ يَعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ يَعْلَمُ سِرَّهُمْ وَنَجْوَىٰهُمْ وَأَنَّ ٱللَّهَ عَلَّـٰمُ ٱلْغُيُوبِ ﴿٧٨﴾

Maksudnya: *"Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah sentiasa mengetahui apa yang mereka rahsiakan serta apa yang mereka bisikkan, dan bahwasanya Allah Maha Mengetahui akan perkara-perkara yang ghaib."* (Surah Al-Taubah [9] ayat 78)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عَـٰلِمِ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَـٰدَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

Maksudnya: *"dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia memberitahu kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan."* (Surah Al-Taubah [9] ayat 105)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ يَعْلَمُ غَيْبَ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ ﴿١٨﴾

Maksudnya: *"Sesungguhnya Allah mengetahui segala rahsia langit dan bumi"* (Surah Al-Hujurat [49]: ayat 18)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

يَعْلَمُ خَآئِنَةَ ٱلْأَعْيُنِ وَمَا تُخْفِى ٱلصُّدُورُ ﴿١٩﴾

Maksudnya: *"Allah mengetahui mata yang khianat (mencuri pandang kepada sesuatu yang diharamkan) dan mengetahui akan apa yang tersembunyi di dalam hati."* (Surah Ghafir [40] ayat 19)

Ibn Kathir menjelaskan maksud ayat ini:

يُخْبِرُ تَعَالَى عَنْ عِلْمِهِ التَّامِّ الْمُحِيطِ بِجَمِيعِ الْأَشْيَاءِ، جَلِيلِهَا وَحَقِيرِهَا، صَغِيرِهَا وَكَبِيرِهَا، دَقِيقِهَا وَلَطِيفِهَا; لِيَحْذَرَ النَّاسُ عِلْمَهُ فِيهِمْ، فَيَسْتَحْيُوا مِنَ اللَّهِ حَقَّ الْحَيَاءِ، وَيَتَّقُوهُ حَقَّ تَقْوَاهُ، وَيُرَاقِبُوهُ مُرَاقَبَةَ مَنْ يَعْلَمُ أَنَّهُ يَرَاهُ. فَإِنَّهُ تَعَالَى يَعْلَمُ الْعَيْنَ الْخَائِنَةَ وَإِنْ أَبْدَتْ أَمَانَةً، وَيَعْلَمُ مَا تَنْطَوِي عَلَيْهِ خَبَايَا الصُّدُورِ مِنَ الضَّمَائِرِ وَالسَّرَائِرِ

Allah Ta`ala memberitahu tentang ilmu-Nya yang sempurna dan meliputi segala sesuatu, baik yang terhormat dan yang hina, yang besar dan yang kecil, yang kasar dan yang lembut agar manusia berwaspada terhadap Pengetahuan-Nya kepada mereka. lalu mereka mereka merasa malu kepada Allah Ta`ala dengan sebenar-benar malu dan bertaqwa kepada-Nya dengan sebenar-benar taqwa serta merasakan diawasi-Nya dengan pengawasan orang yang mengetahui bahawa Dia melihatnya. Ini kerana Dia Maha mengetahui mata yang melakukan khianat, sekalipun seperti menampakkan menjaga amanah (mata tidak berlaku khianat) serta mengetahui apa yang tersimpan dalam lubuk hati seperti perasaan dan rahsia."

Allah Ta`ala Mengetahui Perkara Yang Telah Berlaku, Semasa dan Yang Akan Datang

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ

Maksudnya: *"Dia Yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka"* (Surah al-Baqarah [2]: ayat 255)

Ibn Kathir menjelaskan maksud ayat di atas:

دَلِيلٌ عَلَى إِحَاطَةِ عِلْمِهِ بِجَمِيعِ الْكَائِنَاتِ : مَاضِيهَا وَحَاضِرِهَا وَمُسْتَقْبَلِهَا كَقَوْلِهِ إِخْبَارًا عَنِ الْمَلَائِكَةِ. وَمَا نَتَنَزَّلُ إِلَّا بِأَمْرِ رَبِّكَ لَهُۥ مَا بَيْنَ أَيْدِينَا وَمَا خَلْفَنَا وَمَا بَيْنَ ذَٰلِكَ وَمَا كَانَ رَبُّكَ نَسِيًّا ﴿٦٤﴾

Ini adalah sebagai bukti yang menunjukkan bahawa ilmu-Nya yang meliputi segala yang ada, sama ada yang telah lalu, kini dan yang akan datang sepertimana firman-Nya dalam surah Maryam, ayat 64 berkenaan perkaataan malaikat: *"(Malaikat berkata): "Kami tidak turun kecuali dengan perintah Tuhanmu, Dialah juga yang menguasai serta mentadbir apa yang ada di hadapan kita (akhirat) dan apa yang ada di belakang kita (dunia) serta apa yang ada di antara itu dan Tuhanmu itu tidak lupa."*

Abu Muhammad al-Husain bin Mas'ud bin Muhammad al-Farra' al-Baghawi (meninggal 516H) di dalam kitab tafsir "*Ma'alim al-Tanzil*" berkata tentang maksud ayat: "*Di Hadapan Mereka*" dan "*Di Belakang Mereka*":

قَالَ مُجَاهِدٌ وَعَطَاءٌ وَالسُّدِّيُّ: مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ : أَمْرُ الدُّنْيَا. وَمَا خَلْفَهُمْ: أَمْرُ الْآخِرَةِ. وَقَالَ الْكَلْبِيُّ: مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ: يَعْنِي الْآخِرَةَ لِأَنَّهُمْ يَقْدَمُونَ عَلَيْهَا.وَمَا خَلْفَهُمْ : الدُّنْيَا لِأَنَّهُمْ يُخَلِّفُونَهَا وَرَاءَ ظُهُورِهِمْ.

Mujahid, \`Atha\` dan al-Suddi mentafsirkan maksud "*di hadapan mereka*": "Urusan dunia". Manakala maksud ayat: "di belakang mereka": "Urusan akhirat". Al-Kalbi pula mentafsirkan maksud ayat: "*di hadapan mereka*" yakni "Urusan akhirat kerana mereka akan menuju kepadanya". Manakala maksud ayat: "di belakang mereka" sebagai "Urusan dunia" kerana meninggalkannya jauh di belakang mereka".

Allah *Subhanahu Wata\`ala* berfirman:

يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِهِۦ عِلْمًا ﴿١١٠﴾

Maksudnya: *"Allah mengetahui apa yang di hadapan mereka (akhirat) dan apa yang di belakang mereka (dunia), sedangkan mereka tidak mengetahuinya secara menyeluruh."* (Surah Taha [20]: 110)

Allah *Subhanahu Wata\`ala* berfirman:

يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يَشْفَعُونَ إِلَّا لِمَنِ ٱرْتَضَىٰ وَهُم مِّنْ خَشْيَتِهِۦ مُشْفِقُونَ ﴿٢٨﴾

Maksudnya: *"Allah mengetahui apa di hadapan mereka (yang telah mereka lakukan), dan apa yang ada di belakang mereka (yang mereka akan lakukan). Mereka tidak memberi syafa`at melainkan bagi sesiapa yang diredai Allah."* (Surah Al-Anbiyak [21]: ayat 28)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۗ وَإِلَى ٱللَّهِ تُرْجَعُ ٱلْأُمُورُ ﴿٧٦﴾

Maksudnya: "*Dia mengetahui apa di hadapan mereka, dan apa yang ada di belakang mereka (perbuatan mereka dahulu, sekarang dan akan datang). Kepada Allah jualah kembali segala urusan."* (Surah al-Hajj [22]: ayat 76)

اَلْحَفِيْظُ، اَلْحَافِظُ

Yang Maha Menjaga, Mengawal dan Memelihara

Nama Allah *al-Hafiidh* disebutkan sebanyak tiga kali di dalam al-Qur`an iaitu:

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

إِنَّ رَبِّى عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ حَفِيظٌ ﴿٥٧﴾

Maksudnya: *"Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengawal dan Pemelihara setiap sesuatu."* (Surah Hud [11], ayat 57)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَرَبُّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ حَفِيظٌ ﴿٢١﴾

Maksudnya: *"(Ingatlah) Tuhanmu Maha Memelihara segala sesuatu."* (Surah Saba [34] , ayat 21)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

ٱللَّهُ حَفِيظٌ عَلَيْهِمْ وَمَآ أَنتَ عَلَيْهِم بِوَكِيلٍ ﴿٦﴾

Maksudnya: "*Allah sentiasa mengawasi (mencatat) tingkah laku mereka*". (Surah al-Syura [42], ayat 6)

Nama Allah *al-Haafidh* disebutkan beberapa tempat di dalam al-Qur`an di antaranya:

وَكُنَّا لَهُمْ حَـٰفِظِينَ ﴿٨٢﴾

Maksudnya: *"Kami sememangnya mengawal mereka (daripada melanggar perintahnya)."* (Surah al-Anbiyak [21], ayat 82)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

إِنَّا نَحۡنُ نَزَّلۡنَا ٱلذِّكۡرَ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَٰفِظُونَ ٩

Maksudnya: *"Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Qur`an dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya."* (Surah al-Hijr [15]: ayat 9)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

إِن كُلُّ نَفۡسٖ لَّمَّا عَلَيۡهَا حَافِظٞ ٤

Maksudnya: *"Sesungguhnya setiap jiwa mempunyai penjaganya."* (Surah al-Thariq [86]: ayat 4)

Kedua-Dua Nama tersebut mempunyai beberapa pengertian:

Pengertian Pertama: Allah menjaga dan mengawal semua amalan hamba-Nya sama ada perbuatan, perkataan dan segala isi hati.

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَكُلُّ شَيۡءٖ فَعَلُوهُ فِي ٱلزُّبُرِ ٥٢ وَكُلُّ صَغِيرٖ وَكَبِيرٖ مُّسۡتَطَرٌ ٥٣

Maksudnya: *"Setiap perkara yang mereka lakukan tertulis di dalam buku-buku suratan amal". "Dan setiap perkara yang kecil dan yang besar tetap tercatat."* (Surah al-Qamar [54], ayat 52-53)

Siapa dan Bagaimana Ia Tertulis?

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَإِنَّ عَلَيۡكُمۡ لَحَٰفِظِينَ ١٠ كِرَامٗا كَٰتِبِينَ ١١ يَعۡلَمُونَ مَا تَفۡعَلُونَ ١٢

Maksudnya: "*Padahal sesungguhnya, ada malaikat-malaikat yang menjaga dan mengawasi segala perilaku kamu. "(Mereka adalah makhluk) yang mulia (di sisi Allah), lagi ditugaskan menulis (amalan-amalan kamu). "Mereka mengetahui apa yang kamu lakukan (tanpa kecuali)."* (Surah al-Infithar [82] ayat 10-13)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

إِذۡ يَتَلَقَّى ٱلۡمُتَلَقِّيَانِ عَنِ ٱلۡيَمِينِ وَعَنِ ٱلشِّمَالِ قَعِيدٞ ١٧ مَّا يَلۡفِظُ مِن قَوۡلٍ إِلَّا لَدَيۡهِ رَقِيبٌ عَتِيدٞ ١٨

Maksudnya: "*Semasa dua malaikat (yang mengawal dan menjaganya) menerima dan menulis segala perkataan dan perbuatannya, yang satu duduk di sebelah kanannya dan yang satu lagi di sebelah kirinya." "Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat yang sentiasa sedia (mencatatnya)*." (*Surah Qaf* [50] ayat 17-18)

Berkata al-Syanqiti di dalam kitab tafsir *"Adwa` al-Bayan Fi Idhahil Qur`an bi al-Qur`an:*

رَقِيبًا: أَيْ مَلَكًا مُرَاقِبًا لِأَعْمَالِهِ حَافِظًا لَهَا شَاهِدًا عَلَيْهَا لَا يَفُوتُهُ مِنْهَا شَيْءٌ. عَتِيدٌ: أَيْ حَاضِرٌ لَيْسَ بِغَائِبٍ يَكْتُبُ عَلَيْهِ مَا يَقُولُ مِنْ خَيْرٍ وَشَرٍّ

"*Raqib*" iaitu satu malaikat yang sentiasa mengawasi dan menjaga segala perbuatannya, menjadi saksi atasnya dan tidak luput daripadanya walaupun sedikit." manakala "`*Atiq*" iaitu sentiasa hadir dan tidak *ghaib*, mencatat semua perkataan baik dan buruk."

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

كَلَّاۚ سَنَكۡتُبُ مَا يَقُولُ

Maksudnya: *"Tidak sekali-kali! Kami akan menulis apa yang dikatakanya..."* (Surah Maryam [19] ayat 79)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

سَتُكۡتَبُ شَهَٰدَتُهُمۡ وَيُسۡـَٔلُونَ ١٩

Maksudnya: *"Kata-kata mereka (yang dusta itu) akan dicatat dan mereka akan ditanya kelak (serta akan menerima balasan)."* Surah al-Zukhruf [43] ayat 19)

Berkata Ibn `Abbas *radiallahu`anhuma*:

يَكْتُبُ كُلَّ مَا تَكَلَّمَ بِهِ مِنْ خَيْرٍ أَوْ شَرٍّ حَتَّى إِنَّهُ لَيَكْتُبُ قَوْلَهُ: أَكَلْتُ، شَرِبْتُ، ذَهَبْتُ، جِئْتُ، رَأَيْتُ"

Ertinya: Akan dicatat semua yang telah diperkatakan sama ada baik atau buruk sehingga ditulis perkataannya: "Aku telah makan, aku telah minum, aku telah pergi, aku telah datang, aku telah melihat."

Berkata Ibn Kathir:

وَذُكِرَ عَنِ الْإِمَامِ أَحْمَدَ أَنَّهُ كَانَ يَئِنُّ فِي مَرَضِهِ ، فَبَلَغَهُ عَنْ طَاوُسٍ أَنَّهُ قَالَ : يَكْتُبُ الْمَلَكُ كُلَّ شَيْءٍ حَتَّى الْأَنِينَ . فَلَمْ يَئِنَّ أَحْمَدُ حَتَّى مَاتَ رَحِمَهُ اللَّهُ.

Telah diceritakan tentang Imam Ahmad yang mana beliau pernah merintih ketika sakit, kemudian dia telah diberitahu oleh Thawus: "Malaikat akan mencatat setiap sesuatu sekalipun merintih. Maka Imam Ahmad *rahimahullah* selepas itu tidak pernah lagi merintih sehinggalah beliau wafat".

Bagaimana Dengan Isi Hati?

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

أَمۡ يَحۡسَبُونَ أَنَّا لَا نَسۡمَعُ سِرَّهُمۡ وَنَجۡوَىٰهُمۚ بَلَىٰ وَرُسُلُنَا لَدَيۡهِمۡ يَكۡتُبُونَ ٨٠

Maksudnya: *"Apakah mereka menyangka bahawa Kami tidak mendengar rahsia (yang terdapat di dalam hati) dan bisikan-bisikan mereka? Bahkan, utusan-utusan Kami (malaikat yang menjaga mereka) sentiasa menulis segala yang mereka lakukan."* (Surah al-Zukhruf [43]: ayat 80)

Adakah Amalan Hati Akan Diambil Kira?

Menurut Ibnu `Abbas *radiallahu`anhuma*: Rasulullah *sallallahu`alaihi wassallam* bersabda:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْحَسَنَاتِ وَالسَّيِّئَاتِ ثُمَّ بَيَّنَ ذَلِكَ، فَمَنْ هَمَّ بِحَسَنَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا كَتَبَهَا اللَّهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً، وَإِنْ هَمَّ بِهَا فَعَمِلَهَا كَتَبَهَا اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ عِنْدَهُ عَشْرَ حَسَنَاتٍ إِلَى سَبْعِمِائَةِ ضِعْفٍ إِلَى أَضْعَافٍ كَثِيرَةٍ، وَإِنْ هَمَّ بِسَيِّئَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا كَتَبَهَا اللَّهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً، وَإِنْ هَمَّ بِهَا فَعَمِلَهَا كَتَبَهَا اللَّهُ سَيِّئَةً وَاحِدَةً

Maksudnya: *"Sesungguhnya Allah `Azza Wajalla telah menulis segala kebaikan dan keburukan, kemudian Dia menjelaskan perkara itu. Sesiapa yang ingin melakukan satu kebaikkan lalu tidak melakukannya, Allah akan menulis kebaikan itu di sisi-Nya sebagai satu kebaikan yang sempurna. Jika dia mahu melakukan kebaikkan itu lalu melakukannya, Allah akan menulis kebaikan itu di sisi-Nya sebagai sepuluh kebaikan sehingga tujuh ratus [700] kali ganda sehingga gandaan-gandaan yang banyak. Jika dia mahu melakukan satu kejahatan, lalu tidak melakukannya, Allah akan menulis kejahatan itu di sisi-Nya sebagai satu kebaikan yang sempurna. Jika dia mahu melakukan kejahatan itu, lalu melakukannya, Allah akan menulis kejahatan itu sebagai kejahatan sahaja."* (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

إِنَّ ٱلسَّمْعَ وَٱلْبَصَرَ وَٱلْفُؤَادَ كُلُّ أُوْلَٰٓئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْـُٔولًا ﴿٣٦﴾

Maksudnya: *"Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya." (*Surah al-Isra [17] ayat 36)

Allah Tidak Lupa Buat Selama-Lamanya

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَمَا كَانَ رَبُّكَ نَسِيًّا ﴿٦٤﴾

Maksudnya: "*Dan Tuhanmu itu tidak lupa*" (Surah Maryam [19]: ayat 64)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

قَالَ عِلْمُهَا عِندَ رَبِّي فِي كِتَٰبٍۖ لَّا يَضِلُّ رَبِّي وَلَا يَنسَى ﴿٥٢﴾

Maksudnya: "Musa menjawab: *"Pengetahuan mengenainya ada di sisi Tuhanku, tertulis di dalam sebuah Kitab (Lawh Mahfuz), Tuhanku tidak pernah keliru dan Dia juga tidak pernah lupa."* (Surah Taha [20]: ayat 52)

Ibn Kathir menjelaskan tentang maksud ayat di atas:

يَصِفُ عِلْمَهُ تَعَالَى بِأَنَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ مُحِيطٌ ، وَأَنَّهُ لَا يَنْسَى شَيْئًا ، تَبَارَكَ وَتَعَالَى وَتَقَدَّسَ ، فَإِنَّ عِلْمَ الْمَخْلُوقِ يَعْتَرِيهِ نُقْصَانَانِ: أَحَدُهُمَا: عَدَمُ الْإِحَاطَةِ بِالشَّيْءِ، وَالْآخَرُ: نِسْيَانُهُ بَعْدَ عِلْمِهِ ، فَنَزَّهَ نَفْسَهُ عَنْ ذَلِكَ .

Maksudnya; "Sesungguhnya ilmu Allah Ta`ala memiliki sifat meliputi segala sesuatu dan Dia tidak akan lupa terhadap sesuatu pun, Maha Suci Allah lagi Maha Tinggi. Sedangkan ilmu makhluk mempunyai dua kekurangan salah satunya ialah ilmunya tidak meliputi segala sesuatu dan yang kedua; dia lupa setelah mengetahui sesuatu. Maka Allah bersih dari semuanya."

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

يَوْمَ يَبْعَثُهُمُ ٱللَّهُ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُهُم بِمَا عَمِلُوٓا۟ ۚ أَحْصَىٰهُ ٱللَّهُ وَنَسُوهُ ۚ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ شَهِيدٌ ﴿٦﴾

Maksudnya: "*Semasa mereka semua dibangkitkan hidup semula oleh Allah (pada hari kiamat), lalu diberitakan kepada mereka segala yang mereka telah kerjakan. Allah telah menghitung amal-amal mereka itu satu persatu, sedangkan mereka telah melupakannya. (Ingatlah) Allah Maha Menyaksikan segala sesuatu."* (Surah al-Mujadilah [58]: ayat 6)

Pengertian Kedua: Allah *Ta`ala* Memelihara Semua Makhluk-Nya Sepertimana Dia Memelihara Langit Dan Bumi Serta Apa Yang Ada Pada Keduanya.

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَجَعَلْنَا ٱلسَّمَآءَ سَقْفًا مَّحْفُوظًا ۖ وَهُمْ عَنْ ءَايَـٰتِهَا مُعْرِضُونَ ﴿٣٢﴾

Maksudnya: *"Dan Kami telah menjadikan langit sebagai bumbung yang terpelihara dan terkawal, sedangkan mereka (yang kafir itu) berpaling (tidak memerhatikan) tanda-tanda (kekuasaan) Kami yang terapat padanya."* (Surah al-Anbiyak [21], ayat 32)

Apakah Akan Terjadi Jika Langit dan Bumi Tidak Dikawal Oleh Allah?

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَيُمْسِكُ ٱلسَّمَآءَ أَن تَقَعَ عَلَى ٱلْأَرْضِ إِلَّا بِإِذْنِهِۦٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ بِٱلنَّاسِ لَرَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٥﴾

Maksudnya: *"Dia pula menahan langit daripada runtuh menimpa bumi kecuali dengan izin-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kepada umat manusia."* (Surah al-Hajj [22], ayat 65)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ يُمْسِكُ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ أَن تَزُولَا ۚ وَلَئِن زَالَتَآ إِنْ أَمْسَكَهُمَا مِنْ أَحَدٍ مِّنۢ بَعْدِهِۦٓ ۚ

Maksudnya: *"Sesungguhnya Allah menahan dan memelihara langit dan bumi supaya tidak lenyap. Jika kedua-duanya akan lenyap, maka tiada ada sesiapa pun dapat menahannya daripada berlaku demikian selain daripada Allah"* (Surah Fathir [35], ayat 41)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفۡظُهُمَاۚ

Maksudnya: *"Tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara kedua-duanya."* (Surah al-Baqarah [2]: ayat 255)

Ibn Kathir berkata:

لَا يُثْقِلُهُ وَلَا يُكْرِثُهُ حِفْظُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَنْ فِيهِمَا وَمَنْ بَيْنَهُمَا، بَلْ ذَلِكَ سَهْلٌ عَلَيْهِ يَسِيرٌ لَدَيْهِ. وَهُوَ الْقَائِمُ عَلَى كُلِّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ. الرَّقِيبُ عَلَى جَمِيعِ الْأَشْيَاءِ. فَلَا يَعْزُبُ عَنْهُ شَيْءٌ وَلَا يَغِيبُ عَنْهُ شَيْءٌ وَالْأَشْيَاءُ كُلُّهَا حَقِيرَةٌ بَيْنَ يَدَيْهِ مُتَوَاضِعَةٌ ذَلِيلَةٌ صَغِيرَةٌ بِالنِّسْبَةِ إِلَيْهِ، مُحْتَاجَةٌ فَقِيرَةٌ وَهُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ الْفَعَّالُ لَمَّا يُرِيدُ، الَّذِي لَا يُسْأَلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْأَلُونَ. وَهُوَ الْقَاهِرُ لِكُلِّ شَيْءٍ الْحَسِيبُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ الرَّقِيبُ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ لَا إِلَهَ غَيْرُهُ وَلَا رَبَّ سِوَاهُ

Maksudnya, Dia tidak merasa keberatan dan kepayahan untuk memelihara langit, bumi dan semua yang ada di antara keduanya. Bahkan semua itu merupakan suatu perkara yang sangat mudah dan ringan bagi-Nya. Dia yang mengawasi setiap individu atas apa yang ia kerjakan. Yang sentiasa memantau segala sesuatu sehingga tidak ada sesuatu pun yang luput dan tersembunyi dari-Nya." Dia yang menundukkan dan menghisab (menghitung) segala sesuatu. Dialah Ilah Yang Maha Mengawasi, Maha Tinggi dan Maha Agung, tidak ada Ilah selain Dia."

Pengertian Ketiga: Dialah yang menjaga dan memelihara hamba-Nya dari segala yang tidak mereka sukai. Pemeliharaan Allah *Ta`ala* terhadap hamba-Nya terbahagi dua: "Umum" dan "*Khusus*".

Pemeliharaan secara umum ; iaitu yang diberikan kepada semua makhluk dengan memudahkan bagi mereka segala perkara melalui petunjuk-Nya yang bersifat umum sebagaimana firman-Nya:

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

ٱلَّذِيٓ أَعۡطَىٰ كُلَّ شَيۡءٍ خَلۡقَهُۥ ثُمَّ هَدَىٰ ٥٠

Maksudnya: "*Yang telah memberikan kepada setiap sesuatu bentuk kejadian yang sesuai dengannya, kemudian Dia memberinya petunjuk.* (Surah Taha [2]: ayat 50)

Ibn Kathir berkata:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ: جَعَلَ الْإِنْسَانَ إِنْسَانًا، وَالْحِمَارَ حِمَارًا، وَالشَّاةَ شَاةً. وَقَالَ سَعِيدُ بْنُ جُبَيْرٍ: أَعْطَى كُلَّ ذِي خَلْقٍ مَا يُصْلِحُهُ مِنْ خَلْقِهِ، وَلَمْ يَجْعَلْ لِلْإِنْسَانِ مِنْ خَلْقِ الدَّابَّةِ، وَلَا لِلدَّابَّةِ مِنْ خَلْقِ الْكَلْبِ، وَلَا لِلْكَلْبِ مِنْ خَلْقِ الشَّاةِ

Ibn `Abbas berkata: Dia telah menjadikan manusia sebagai sebagai manusia, keldai sebagai keldai dan kambing sebagai kambing." Sa`id bin Jubair pula berkata: "Dia telah berikan kepada setiap makhluk apa yang diperlukan bagi penciptaannya. Dia tidak menjadikan ciptaan manusia pada binatang begitu menjadikan ciptaan kambing pada anjing dan tidak juga ciptaan anjing pada kambing."

Pemeliharaan secara khusus pula; iaitu pemeliharaan-Nya kepada para wali-Nya.

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

۞ إِنَّ ٱللَّهَ يُدَٰفِعُ عَنِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ ۗ

Maksudnya: "*Sesungguhnya Allah membela orang yang beriman*.."(Surah al-Hajj [22]: ayat 38)

Ibn Kathir mentafsirkan ayat di atas:

يُخْبِرُ تَعَالَى أَنَّهُ يَدْفَعُ عَنْ عِبَادِهِ الَّذِينَ تَوَكَّلُوا عَلَيْهِ وَأَنَابُوا إِلَيْهِ شَرَّ الْأَشْرَارِ وَكَيْدَ الْفُجَّارِ، وَيَحْفَظُهُمْ وَيَكْلَؤُهُمْ وَيَنْصُرُهُمْ

Allah memberitahu bahawa Dia membela hamba-hamba-Nya yang bertawakkal dan kembali kepada-Nya dari keburukan orang-orang yang jahat dan tipu daya orang-orang yang zalim serta menjaga dan menolong mereka."

Berkata Abu Hurairah *radiallahu`anhu*: Rasululullahi *sallallahu `alaihi wassallam* bersabda:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى قَالَ مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا ، فَقَدْ آذَنْتُهُ بِالْحَرْبِ وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُ عَلَيْهِ ، وَلَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبَّهُ ، فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ ، كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ ، وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ بِهِ ، وَيَدَهُ الَّتِي يَبْطِشُ بِهَا ، وَرِجْلَهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا ، وَلَئِنْ سَأَلَنِي لَأُعْطِيَنَّهُ ، وَلَئِنِ اسْتَعَاذَنِي لَأُعِيذَنَّهُ

Maksudnya: *"Sesiapa yang memusuhi seorang wali-Ku, maka Sesungguhnya Aku istiharkan perang terhadapnya. Hamba-Ku tidaklah mendekatkan diri kepada-Ku dengan melakukan sesuatu yang lebih Aku sukai berbanding apa yang telah Aku fardhukan ke atasnya. Hamba-Ku sentiasa mendekatkan diri kepada-Ku dengan mengerjakan amalan-amalan sunat sehingga Aku mencintainya. Apabila Aku telah mencintainya, Aku menjadi telinganya yang dia mendengar dengannya. Matanya yang dia melihat dengannya, tangannya yang dia bertindak dengannya dan kakinya yang di berjalan dengannya. Demi-Ku, jika dia memohon sesuatu daripada-Ku, pasti Aku*

memberikannya. Demi-Ku, jika dia meminta perlindungan dengan-Ku, pasti Aku melindunginya." (Hadis riwayat al-Bukhari)[39]

Martabat Wali Allah Ta`ala

Berkata al-Imam al-Hafiz al-`Allamah Zainuddin, Abdurrahman bin Ahmad bin `abdurRahman bin al-Hasan bin Muhammad bin Abu al-Barakat Mas`ud al-Salamai al-Baghdadi[40] (terkenal dengan panggilan Ibnu Rajab):

Martabat Pertama:

الْمُتَقَرِّبُونَ إِلَيْهِ بِأَدَاءِ الْفَرَائِضِ، وَهَذِهِ دَرَجَةُ الْمُقْتَصِدِينَ أَصْحَابِ الْيَمِينِ، وَأَدَاءُ الْفَرَائِضِ أَفْضَلُ الْأَعْمَالِ كَمَا قَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : أَفْضَلُ الْأَعْمَالِ أَدَاءُ مَا افْتَرَضَ اللَّهُ، وَالْوَرَعُ عَمَّا حَرَّمَ اللَّهُ، وَصِدْقُ النِّيَّةِ فِيمَا عِنْدَ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ. وَقَالَ عُمَرُ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ: أَفْضَلُ الْعِبَادَةِ أَدَاءُ الْفَرَائِضِ، وَاجْتِنَابُ الْمَحَارِمِ، وَذَلِكَ لِأَنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ إِنَّمَا افْتَرَضَ عَلَى عِبَادِهِ هَذِهِ الْفَرَائِضَ لِيُقَرِّبَهُمْ مِنْهُ ، وَيُوجِبَ لَهُمْ رِضْوَانَهُ وَرَحْمَتَهُ

Orang yang mendekatkan diri kepada Allah *Ta`ala* dengan cara melaksanakan perkara-perkara yang difardhukan. Ini adalah martabat golongan sederhana daripada golongan kanan. Pelaksanaan amalan fardhu ialah amalan yang paling mulia sebagaiamana: `Umar bin al-Khattab *radiallahu`anhu* berkata: "Amalan yang paling mulia ialah melakukan apa yang yang difardhukan oleh Allah *Ta`ala*, bersifat warak (teliti dan berhati-hati) terhadap perkara yang diharamkan oleh Allah *Ta`ala* dan ketelusan niat pada apa yang ada di sisi Allah *`Azza wa jalla*." `Umar bin `Abdul `Aziz pula berkata: "Ibadat yang paling mulia ialah melakukan segala apa yang difardhukan dan meninggalkan segala apa yang diharamkan."

Ibn Rajab berkata lagi:

وَذَلِكَ لِأَنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ إِنَّمَا افْتَرَضَ عَلَى عِبَادِهِ هَذِهِ الْفَرَائِضَ لِيُقَرِّبَهُمْ مِنْهُ، وَيُوجِبَ لَهُمْ رِضْوَانَهُ وَرَحْمَتَهُ

"Sebabnya ialah Allah `*Azza wa jalla* menfardhukan segala perkara yang fardhu ini ke atas para hamba-Nya hanyalah untuk mendekatkan mereka kepada-Nya dan menjadikan mereka berhak mendapat keredhaan dan rahmat-Nya."

Martabat Kedua:

دَرَجَةُ السَّابِقِينَ الْمُقَرَّبِينَ، وَهُمُ الَّذِينَ تَقَرَّبُوا إِلَى اللَّهِ بَعْدَ الْفَرَائِضِ بِالِاجْتِهَادِ فِي نَوَافِلِ الطَّاعَاتِ، وَالِانْكِفَافِ عَنْ دَقَائِقِ الْمَكْرُوهَاتِ بِالْوَرَعِ، وَذَلِكَ يُوجِبُ لِلْعَبْدِ مَحَبَّةَ اللَّهِ

"Martabat golongan *as-Sabiqin al-Muqarrabin* iaitu orang-orang yang mendekat diri kepada Allah Ta`ala dengan berusaha melakukan amalan taat yang sunat selepas menunaikan segala yang

[39] Hadis ke 38

[40] Dilahirkan di Baghdad pada 736H. Meninggal dunia pada tahun 795H di Damsyik.

fardhu serta menahan diri daripada perkara-perkara yang makruh yang harus melalui sifat warak. Ini menyebabkan hamba mendapat kasih sayang Allah Ta`ala..

Berkata Ibn `Abbas *radiallahu`anhuma*: "Aku telah membonceng di belakang Rasulululllahi *sallallahu `alaihi wassallam*, lalu baginda bersabda:

يَا غُلَامُ إِنِّي أُعَلِّمُكَ كَلِمَاتٍ: احْفَظِ اللَّهَ يَحْفَظْكَ، احْفَظِ اللَّهَ تَجِدْهُ تُجَاهَكَ

Maksudnya: "*Wahai budak, Sesungguhnya aku ingin mengajar kepada kamu beberapa perkataan; Peliharalah Allah, nescaya Dia akan memelihara kamu. Peliharalah Allah, pasti kamu akan dapati-Nya di hadapan kamu*…"(Hadis riwayat al-Tirmizi)

Ibn Rajab berkata:

وَحِفْظُ اللَّهِ لِعَبْدِهِ يَدْخُلُ فِيهِ نَوْعَانِ : أَحَدُهُمَا: حِفْظُهُ لَهُ فِي مَصَالِحِ دُنْيَاهُ، كَحِفْظِهِ فِي بَدَنِهِ وَوَلَدِهِ وَأَهْلِهِ وَمَالِهِ… وَخَرَّجَ الْإِمَامُ أَحْمَدُ ، وَأَبُو دَاوُدَ ، وَالنَّسَائِيُّ مِنْ حَدِيثِ ابْنِ عُمَرَ ، قَالَ : لَمْ يَكُنْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدَعُ هَؤُلَاءِ الدَّعَوَاتِ حِينَ يُمْسِي وَحِينَ يُصْبِحُ: اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي دِينِي وَدُنْيَايَ وَأَهْلِي وَمَالِي ، اللَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَتِي ، وَآمِنْ رَوْعَتِي ، وَاحْفَظْنِي مِنْ بَيْنِ يَدَيَّ وَمِنْ خَلْفِي وَعَنْ يَمِينِي وَعَنْ شِمَالِي، وَمِنْ فَوْقِي وَأَعُوذُ بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ تَحْتِي "

Pemeliharaan Allah terhadap hamba-Nya ada dua jenis: Pertama: Allah memelihara hamba itu dalam kepentingan dunianya seperti penjagaannya pada badan, anak, keluarga dan hartanya. Allah `Azza wa jalla berfirman dalam surah al-Ra`d, ayat 11: "*Bagi setiap manusia ada malaikat-malaikat bertugas silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (daripada sesuatu yang bahaya) dengan perintah Allah*".

Imam Ahmad, Abu Daud dan al-Nasaie meriwayatkan daripada Ibnu `Umar *radiallahu`anhuma* katanya:

Rasulululllahi Sallallah `alaihi Wassallam tidak pernah meninggalkan doa-doa ini pada waktu petang dan pada waktu pagi: *"Ya Allah! Sesunggguhnya aku memohon kepada-Mu kemaafan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Ya Allah! Sesungguhnya aku memohon kepada-Mu kemaafan dan kesejahteraan pada agama, dunia, keluarga dan harta bendaku. Ya Allah! Tutuplah cacat celaku dan tenteramkanlah hatiku. Ya Allah! Peliharalah aku di sebelah hadapan, belakang, kanan, kiri dan atasku. Aku berlindung dengan kebesaran-Mu agar tidak disambar dari sebelah bawahku."*

Beliau menjelaskan lagi:

وَمَنْ حَفِظَهُ اللَّهُ فِي صِبَاهُ وَقُوَّتِهِ ، حَفِظَهُ اللَّهُ فِي حَالِ كِبَرِهِ وَضَعْفِ قُوَّتِهِ ، وَمَتَّعَهُ بِسَمْعِهِ وَبَصَرِهِ وَحَوْلِهِ وَقُوَّتِهِ وَعَقْلِهِ. كَانَ بَعْضُ الْعُلَمَاءِ قَدْ جَاوَزَ الْمِائَةَ سَنَةً وَهُوَ مُمَتَّعٌ بِقُوَّتِهِ وَعَقْلِهِ، فَوَثَبَ يَوْمًا وَثْبَةً شَدِيدَةً، فَعُوتِبَ فِي

ذَلِكَ، فَقَالَ : هَذِهِ جَوَارِحٌ حَفِظْنَاهَا عَنِ الْمَعَاصِي فِي الصِّغَرِ، فَحَفِظَهَا اللَّهُ عَلَيْنَا فِي الْكِبَرِ. وَعَكْسُ هَذَا أَنَّ بَعْضَ السَّلَفِ رَأَى شَيْخًا يَسْأَلُ النَّاسَ فَقَالَ: إِنَّ هَذَا ضَعِيفٌ ضَيَّعَ اللَّهَ فِي صِغَرِهِ، فَضَيَّعَهُ اللَّهُ فِي كِبَرِهِ. وَقَدْ يَحْفَظُ اللَّهُ الْعَبْدَ بِصَلَاحِهِ بَعْدَ مَوْتِهِ فِي ذُرِّيَّتِهِ...وَقَالَ عُمَرُ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ :مَا مِنْ مُؤْمِنٍ يَمُوتُ إِلَّا حَفِظَهُ اللَّهُ فِي عَقِبِهِ وَعَقِبِ عَقِبِهِ.

Sesiapa yang memelihara (hak dan batasan) Allah Subhanahu Wata`ala semasa remaja dan masih kuat, Allah akan memeliharanya semasa dia tua dan lemah kekuatan. Allah juga menjadikannya terus menikmati pendengaran, penglihatan, keupayaan, kekuatan dan akal fikirannya. Sesetengah ulama telah melebihi umur 100 tahun, dalam keadaan menikmati kekuatan dan akal fikirannya. Pada suatu hari beliau melompat dengan lompatan yang kuat. Lalu beliau ditegur lantaran bertindak demikian. Lantas beliau menjawab: "Ini adalah anggota-anggota badan yang kami telah pelihara daripada maksiat semasa kecil. Oleh itu Allah telah memeliharanya untuk kami semasa tua. Sebaliknya, ada sebahagian salaf melihat seorang lelaki tua yang mengemis daripada orang ramai, lalu beliau berkata: "Sesungguhnya lelaki ini mengabaikan (perintah) Allah semasa kecilnya, lalu Allah mengabaikannya semasa tua. `Umar bin `Abdul `Aziz berkata: "Tidak ada seorang mukmin yang mati kecuali Allah akan memeliharanya pada anak dan cucunya."

Beliau menjelaskan lagi:

وَمِنْ عَجِيبِ حِفْظِ اللَّهِ لِمَنْ حَفِظَهُ أَنْ يَجْعَلَ الْحَيَوَانَاتِ الْمُؤْذِيَةَ بِالطَّبْعِ حَافِظَةً لَهُ مِنَ الْأَذَى، كَمَا جَرَى لِسَفِينَةَ مَوْلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَيْثُ كُسِرَ بِهِ الْمَرْكَبُ، وَخَرَجَ إِلَى جَزِيرَةٍ ، فَرَأَى الْأَسَدَ، فَجَعَلَ يَمْشِي مَعَهُ حَتَّى دَلَّهُ عَلَى الطَّرِيقِ ، فَلَمَّا أَوْقَفَهُ عَلَيْهَا ، جَعَلَ يُهَمْهِمُ كَأَنَّهُ يُوَدِّعُهُ ، ثُمَّ رَجَعَ عَنْهُ

Antara perkara-perkara yang menakjubkan tentang pemeliharaan Allah kepada mereka yang memelihara segala hak-Nya adalah Allah menjadikan haiwan berbahaya memelihara mereka daripada perkara buruk. Ini sebagaimana yang pernah berlaku kepada Safinah *radiallahu`anhu*, bekas hamba lelaki Nabi sallallahu `alaihi wassallam, ketika sampan beliau pecah dan karam. Beliau pun keluar ke sebuah pulau, lalu melihat seekor singa. Singa tu berjalan bersama beliau sehingga menunjuk jalan kepada beliau. Setelah itu, ia mengaum seolah-olah mengucapkan selamat tinggal kepada beliau. Kemudian ia beredar meninggallkan beliau."

Ibn Rajab menjelaskan lagi:

النَّوْعُ الثَّانِي مِنَ الْحِفْظِ، وَهُوَ أَشْرَفُ النَّوْعَيْنِ: حِفْظُ اللَّهِ لِلْعَبْدِ فِي دِينِهِ وَإِيمَانِهِ، فَيَحْفَظُهُ فِي حَيَاتِهِ مِنَ الشُّبُهَاتِ الْمُضِلَّةِ، وَمِنَ الشَّهَوَاتِ الْمُحَرَّمَةِ، وَيَحْفَظُ عَلَيْهِ دِينَهُ عِنْدَ مَوْتِهِ، فَيَتَوَفَّاهُ عَلَى الْإِيمَانِ قَالَ بَعْضُ السَّلَفِ: إِذَا حَضَرَ الرَّجُلَ الْمَوْتُ يُقَالُ لِلْمَلَكِ: شَمَّ رَأْسَهُ، قَالَ: أَجِدُ فِي رَأْسِهِ الْقُرْآنَ، قَالَ: شَمَّ قَلْبَهُ، قَالَ: أَجِدُ فِي قَلْبِهِ الصِّيَامَ، قَالَ: شَمَّ قَدَمَيْهِ قَالَ: أَجِدُ فِي قَدَمَيْهِ الْقِيَامَ قَالَ: حَفِظَ نَفْسَهُ، فَحَفِظَهُ اللَّهُ.

Bentuk pemeliharaan yang kedua, yang merupakan bentuk yang paling mulia ialah pemeliharaan Allah kepada hamba-Nya dalam agama dan imannya. Dengan itu, Allah *Subhanahu Wata`ala*

memeliharanya dalam hidupnya daripada perkara-perkara yang diragui dan menyesatkan dan juga daripada nafsu syahwat yang haram. Dengan itu Allah memelihara agamanya ketika hendak meninggal dunia, serta mematikannya dalam keadaan beriman." Sebahagian salaf berkata: "Apabila saat kematian seseorang itu tiba, dikatakan kepada malaikat: "Hidulah di kepalanya". Malaikat itu pun berkata: "Aku dapati di dalam kepalanya ada al-Qur`an". Dikatakan lagi: "Hidulah di hatinya". Dia pun berkata: "Aku dapati di dalam hatinya ada puasa". Dikatakan pula: "Hidulah di dua tapak kakinya". Dia pun berkata: "Aku dapati di kakinya ada qiyam (bangun malam untuk beribadah)". Lalu penyeru itu berkata: "Dia telah memelihara dirinya, lalu dia dipelihara oleh Allah."

وَفِي "الصَّحِيحَيْنِ" عَنِ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ أَمَرَهُ أَنْ يَقُولَ عِنْدَ مَنَامِهِ : إِنْ قَبَضْتَ نَفْسِي، فَارْحَمْهَا، وَإِنْ أَرْسَلْتَهَا، فَاحْفَظْهَا بِمَا تَحْفَظُ بِهِ عِبَادَكَ الصَّالِحِينَ

Dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim, diriwayatkan daripada al-Bara` bin `Azib radiallahu`anhu, daripada Nabi sallallahu `alaihi wassallam bahawa baginda telah menyuruh beliau berkata ketika hendak tidur: "*Jika Engkau mengambil nyawaku, maka rahmatilah ia. Jika Engkau membiarkannya, maka peliharalah ia sebagaimana Engkau memelihara hamba-hamba-Mu yang salih*."

Beliau (Ibn Rajab) berkata lagi:

وَكَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُوَدِّعُ مَنْ أَرَادَ سَفَرًا، فَيَقُولُ: أَسْتَوْدِعُ اللَّهَ دِينَكَ وَأَمَانَتَكَ وَخَوَاتِيمَ عَمَلِكَ. وَكَانَ يَقُولُ: إِنَّ اللَّهَ إِذَا اسْتُوْدِعَ شَيْئًا حَفِظَهُ. خَرَّجَهُ النَّسَائِيُّ وَغَيْرُهُ . وَفِي الْجُمْلَةِ، فَإِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يَحْفَظُ عَلَى الْمُؤْمِنِ الْحَافِظِ لِحُدُودِ دِينِهِ، وَيَحُولُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ مَا يُفْسِدُ عَلَيْهِ دِينَهُ بِأَنْوَاعٍ مِنَ الْحِفْظِ، وَقَدْ لَا يَشْعُرُ الْعَبْدُ بِبَعْضِهَا.. كَمَا قَالَ فِي حَقِّ يُوسُفَ عَلَيْهِ السَّلَامُ: وَلَقَدْ هَمَّتْ بِهِۦ ۖ وَهَمَّ بِهَا لَوْلَآ أَن رَّءَا بُرْهَـٰنَ رَبِّهِۦ ۚ كَذَٰلِكَ لِنَصْرِفَ عَنْهُ ٱلسُّوٓءَ وَٱلْفَحْشَآءَ ۚ إِنَّهُۥ مِنْ عِبَادِنَا ٱلْمُخْلَصِينَ ﴿٢٤﴾

Nabi *sallallahu `alaihi wassallam* mengucapkan salam perpisahan kepada sesiapa yang ingin bermusafir. Lalu baginda bersabda: "*Aku berdoa agar Allah memelihara agamamu, amanahmu dan segala penghujung amalanmu*". Baginda juga bersabda: "*Sesungguhnya apabila Allah diminta memelihara sesuatu, Dia pasti akan memeliharanya.*" (Hadis riwayat al-Nasaie dan lain-lain)

Kesimpulannya: Allah `Azza *wa jalla* memelihara agama seseorang mukmin yang memlihara batas-batas hukum-Nya. Allah juga melindunginya dengan pelbagai bentuk pemeliharaan daripada segala perkara yang boleh merosakkan agamanya. Kadang-kadang hamba tidak menyedari tentang sebahagian daripada bentuk-bentuk pemeliharaan itu...ini seperti firman-Nya tentang Nabi Yusuf `alaihi sallam, ayat 24: "*Sesungguhnya perempuan itu telah berkeinginan kepadanya, Yusuf pula (mungkin timbul) keinginannya kepada perempuan itu kalaulah dia tidak menyedari kenyataan Tuhannya (tentang kejinya perbuatan zina itu). Demikianlah (takdir Kami)*

untuk menjauhkan Yusuf daripada perkara-perkara yang tidak baik dan keji kerana sesungguhnya dia daripada hamba-hamba Kami yang terpilih."

Allah Adalah Sebaik-Baik Penjaga

قَالَ هَلْ ءَامَنُكُمْ عَلَيْهِ إِلَّا كَمَآ أَمِنتُكُمْ عَلَىٰٓ أَخِيهِ مِن قَبْلُ ۖ فَٱللَّهُ خَيْرٌ حَـٰفِظًا ۖ وَهُوَ أَرْحَمُ ٱلرَّٰحِمِينَ ﴿٦٤﴾

Maksudnya: *"Maka Allah jualah sebaik-baik Penjaga dan Dialah jua Yang Maha Penyayang dari para penyayang."* (Surah Yusuf [12]: ayat 64)

اَلشَّهِيْدُ، اَلرَّقِيْبُ

Yang Maha Menyaksikan dan Yang Maha Mengawasi

Nama Allah "*asy-Syahiid*" disebutkan di dalam al-Quran al-Karim sebanyak 19 kali di antara ialah:

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ شَهِيدٌ ﴿١٧﴾

Maksudnya: *"Sesungguhnya Allah sentiasa memerhati dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu*." (Surah al-Hajj [22]: ayat 17)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

ثُمَّ ٱللَّهُ شَهِيدٌ عَلَىٰ مَا يَفْعَلُونَ ﴿٤٦﴾

Maksudnya: "*Kemudian Allah menjadi saksi terhadap apa yang mereka lakukan*" (Surah Yunus [10]: ayat 46)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

فَكَفَىٰ بِٱللَّهِ شَهِيدًۢا

Maksudnya: "*Oleh itu, cukuplah Allah sebagai saksi*" (Surah Yunus [10]: ayat 29)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ شَهِيدٌ ﴿٦﴾

Maksudnya: "*(Ingatlah) Allah Maha Menyaksikan akan segala sesuatu*" (Surah al-Mujadalah [58]: ayat 6)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَأَنتَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ شَهِيدٌ ﴿١١٧﴾

Maksudnya: *"Engkau jualah Maha Menyaksikan atas tiap-tiap sesuatu*" (Surah al-Maidah [5]: ayat 117)

Nama Allah "*al-Raqib*" disebutkan sebanyak tiga tempat di dalam al-Qur`an al-Karim iaitu:

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَكَانَ ٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ رَّقِيبٗا ﴿٥٢﴾

Maksudnya: *"(Ingatlah) Allah sentiasa mengawasi tiap-tiap sesuatu"(*Surah al-Ahzab [33]: ayat 52)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

فَلَمَّا تَوَفَّيۡتَنِي كُنتَ أَنتَ ٱلرَّقِيبَ عَلَيۡهِمۡۚ ﴿١١٧﴾

Maksudnya: "*Setelah Engkau sempurnakan tempohku (menangkatku ke langit), Engkau sendiri yang mengawasi keadaan mereka*." (Surah al-Maidah [5]: ayat 117)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَيۡكُمۡ رَقِيبٗا ﴿١﴾

Maksudnya: "*Sesungguhnya Allah sentiasa mengawasi kamu*" (Surah al-Nisa` [4]: ayat 1)

Ibn Kathir menafsirkan ayat di atas:

أَيْ: هُوَ مُرَاقِبٌ لِجَمِيعِ أَعْمَالِكُمْ وَأَحْوَالِكُمْ كَمَا قَالَ: وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ شَهِيدٌ ﴿٩﴾ وَفِي الْحَدِيثِ الصَّحِيحِ : "أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ " وَهَذَا إِرْشَادٌ وَأَمْرٌ بِمُرَاقَبَةِ الرَّقِيبِ

Maksudnya; Dia Maha Mengawasi semua keadaan dan amal kamu sebagaimana firman-Nya (Surah al-Buruj, ayat 9): "*Dan (ingatlah) Allah sentiasa menyaksikan segala sesuatu."* Di dalam sebuah hadis sahih: "*Beribadahlah kepada Allah seakan-akan kamu melihat-Nya. Dan jika engkau tidak melihat-Nya, maka pasti Dia melihatmu*." Ini merupakan petunjuk dan perintah untuk selalu merasai diawasi oleh Rabb Yang Maha Mengawasi."

Syeikh `Abdurrahman Nashir as-Sa`di mengatakan bahawa lafaz *ar-Raqqib* dan *asy-Syahiid* adalah sinonim, keduanya menunjukkan pendengaran Allah yang meliputi segala yang didengar dan penglihatan-Nya meliputi segala yang dilihat serta ilmu-Nya yang meliputi segala yang nampak dan yang tersembunyi. Dia Yang Maha Menyaksikan apa yang berada di dalam fikiran dan gerakkan mata, apatah lagi perbuatan yang nampak dengan anggota tubuh.

Contoh-Contoh Sifat Allah *Ar-Raqqib* Dan *Asy-Syahiid*

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَهُوَ مَعَكُمۡ أَيۡنَ مَا كُنتُمۡۚ وَٱللَّهُ بِمَا تَعۡمَلُونَ بَصِيرٞ ۝٤

Maksudnya: *"Dia tetap bersama-sama kamu di mana sahaja kamu berada, dan Allah Melihat apa yang kamu kerjakan."* (Surah al-Hadid [57]: ayat 4)

أَيْ: رَقِيبٌ عَلَيْكُمْ، شَهِيدٌ عَلَى أَعْمَالِكُمْ حَيْثُ أَنْتُمْ، وَأَيْنَ كُنْتُمْ، مِنْ بَرٍّ أَوْ بَحْرٍ، فِي لَيْلٍ أَوْ نَهَارٍ، فِي الْبُيُوتِ أَوِ الْقِفَارِ، الْجَمِيعُ فِي عِلْمِهِ عَلَى السَّوَاءِ، وَتَحْتَ بَصَرِهِ وَسَمْعِهِ، فَيَسْمَعُ كَلَامَكُمْ وَيَرَى مَكَانَكُمْ ، وَيَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَنَجْوَاكُمْ

Maksudnya; Dia (Allah) sentiasa mengawasi kamu dan menyaksikan amal perbuatan kamu dalam apa jua keadaan, di mana sahaja kamu berada sama ada di daratan atau di lautan, pada waktu malam atau siang, di rumah atau di padang pasir. Semua itu berada dalam pengetahuan-Nya, penglihatan-Nya dan pendengaran-Nya. Maka, Dia sentiasa mendengar ucapan dan melihat tempat kamu semua berada dan mengetahui perkara rahsia dan bisikan."

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

مَا يَكُونُ مِن نَّجۡوَىٰ ثَلَٰثَةٍ إِلَّا هُوَ رَابِعُهُمۡ وَلَا خَمۡسَةٍ إِلَّا هُوَ سَادِسُهُمۡ وَلَآ أَدۡنَىٰ مِن ذَٰلِكَ وَلَآ أَكۡثَرَ إِلَّا هُوَ مَعَهُمۡ أَيۡنَ مَا كَانُواْۖ ثُمَّ يُنَبِّئُهُم بِمَا عَمِلُواْ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِۚ إِنَّ ٱللَّهَ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمٌ ۝٧

Maksudnya: *"Tiada berlaku bisikan antara tiga orang melainkan Dialah yang keempatnya, dan tiada (berlaku antara) lima orang melainkan Dialah yang keenamnya, dan tiada yang kurang daripada itu atau yang lebih ramai, melainkan Dia ada bersama-sama mereka di mana sahaja mereka berada. Kemudian Dia akan memberitahu kepada mereka pada hari kiamat kelak apa yang mereka telah kerjakan. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segalal sesuatu."* (Surah al-Mujadalah [58]: ayat 7)

Ibn Kathir menafsirkan ayat di atas:

أَيْ: يَطَّلِعُ عَلَيْهِمْ يَسْمَعُ كَلَامَهُمْ وَسِرَّهُمْ وَنَجْوَاهُمْ، وَرُسُلُهُ أَيْضًا مَعَ ذَلِكَ تَكْتُبُ مَا يَتَنَاجَوْنَ بِهِ، مَعَ عِلْمِ اللَّهِ وَسَمْعِهِ لَهُمْ...وَلِهَذَا حَكَى غَيْرُ وَاحِدٍ الْإِجْمَاعَ عَلَى أَنَّ الْمُرَادَ بِهَذِهِ الْآيَةِ مَعِيَّةُ عِلْمِ اللَّهِ تَعَالَى وَلَا شَكَّ فِي إِرَادَةِ ذَلِكَ وَلَكِنَّ سَمْعَهُ أَيْضًا مَعَ عِلْمِهِ مُحِيطٌ بِهِمْ، وَبَصَرَهُ نَافِذٌ فِيهِمْ، فَهُوَ سُبْحَانَهُ مُطَّلِعٌ عَلَى خَلْقِهِ، لَا يَغِيبُ عَنْهُ مِنْ أُمُورِهِمْ شَيْءٌ.

Maksudnya, Allah sentiasa mengawasi mereka, mendengar ucapan, rahsia dan perbincangan mereka dan para utusan-Nya juga bersama ilmu-Nya mencatat apa yang telah mereka bisikan itu, meskipun Allah sendiri mengetahui dan mendengarnya. Oleh kerana itu, banyak riwayat yang menceritakan *ijma`* yang menyepakati bahawa yang dimaksudkan dengan ayat ini adalah kebersamaan ilmu-Nya. Pengertian seperti itu tidak diragukan lagi kebenarannya. Namun

pendengaran-Nya juga bersama ilmu-Nya meliputi mereka dan pandangan-Nya menembusi mereka. Dengan demikian, Allah sentiasa mengawasi makhluk-Nya, tidak ada sedikit pun dari urusan mereka yang tersembunyi dari-Nya."

Sifat *al-Ihsan*

Berkata `Umar bin al-Khattab radiallahu`anhu: Rasululullahi *Sallallahu `Alaihi Wassallam* bersabda:

أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ، فَإِنَّهُ يَرَاكَ"

Maksudnya: *"Kamu beribadat kepada Allah seolah-olah kamu melihat-Nya. Sekiranya kamu tidak melihat-Nya, sesungguhnya Dia melihat kamu*." (Hadis riwayat Muslim)

Menurut Ibn Rajab al-Hanbali di kitab "*Jami` al-`Ulum Wa al-Hikam*"

لِأَنَّ الْإِحْسَانَ هُوَ أَنْ يَعْبُدَ الْمُؤْمِنُ رَبَّهُ فِي الدُّنْيَا عَلَى وَجْهِ الْحُضُورِ وَالْمُرَاقَبَةِ ، كَأَنَّهُ يَرَاهُ بِقَلْبِهِ وَيَنْظُرُ إِلَيْهِ فِي حَالِ عِبَادَتِهِ... وَذَلِكَ يُوجِبُ الْخَشْيَةَ وَالْخَوْفَ وَالْهَيْبَةَ وَالتَّعْظِيمَ، كَمَا جَاءَ فِي رِوَايَةِ أَبِي هُرَيْرَةَ: أَنْ تَخْشَى اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ. وَيُوجِبُ أَيْضًا النُّصْحَ فِي الْعِبَادَةِ، وَبَذَلَ الْجَهْدِ فِي تَحْسِينِهَا وَإِتْمَامِهَا وَإِكْمَالِهَا

Ihsan ialah perbuatan mukmin menyembah Allah Subhanahu Wata`ala di dunia dengan menghadirkan hati dan *muraqabah* (menghayati pengawasan Allah), seolah-olah dia melihat-Nya dengan hatinya dan memandang kepada-Nya ketika beribadah...semua ini menyebabkan dia berasa gerun, takut, kagum dan mengagungkan *Allah Subhanahu Wata`ala*. Ia sebagaimana diriwayatkan oleh Abu Hurairah *radiallahu`anhu*: Kamu takutkan Allah seolah-olah kamu melihat-Nya. Ia juga menimbulkan keikhlasan dalam ibadah serta kesungguhan untuk memperelok, menyempurna dan melengkapkan.

Beliau menjelaskan lagi:

قَالَتْ بَعْضُ الْعَارِفَاتِ مِنَ السَّلَفِ: مَنْ عَمِلَ لِلَّهِ عَلَى الْمُشَاهَدَةِ، فَهُوَ عَارِفٌ. وَمَنْ عَمِلَ عَلَى مُشَاهَدَةِ اللَّهِ إِيَّاهُ، فَهُوَ مُخْلِصٌ. فَأَشَارَتْ إِلَى الْمَقَامَيْنِ اللَّذَيْنِ تَقَدَّمَ ذِكْرُهُمَا.

Sebahagian wanita salaf yang `*arif* berkata: Sesiapa yang beramal kerana Allah *Subhanahu Wata`ala* secara *musyahadah* (seolah-olah dia melihat Allah) dia seorang yang `*arif* (yang benar-benar mengenali Allah). Sesiapa yang beramal kerana keimanan bahawa Allah *Subhanahu Wata`ala* melihatnya, dia seorang yang *ikhlas*. (Ibn Rajab berkata). Beliau merujuk kepada dua martabat yang telah disebutkan iaitu:

Pertama:

أَحَدُهُمَا: مَقَامُ الْإِخْلَاصِ، وَهُوَ أَنْ يَعْمَلَ الْعَبْدُ عَلَى اسْتِحْضَارِ مُشَاهَدَةِ اللَّهِ إِيَّاهُ، وَاطِّلَاعِهِ عَلَيْهِ وَقُرْبِهِ مِنْهُ. فَإِذَا اسْتَحْضَرَ الْعَبْدُ هَذَا فِي عَمَلِهِ وَعَمِلَ عَلَيْهِ، فَهُوَ مُخْلِصٌ لِلَّهِ، لِأَنَّ اسْتِحْضَارَهُ ذَلِكَ فِي عَمَلِهِ يَمْنَعُهُ مِنَ الِالْتِفَاتِ إِلَى غَيْرِ اللَّهِ وَإِرَادَتِهِ بِالْعَمَلِ

Martabat Ikhlas, iaitu hamba beramal sambil menghayati pemerhatian, penglihatan dan kehampiran Allah *Subhanahu Wata`ala* kepadanya. Apabila hamba menghayati semua ini dalam amalannya dan beramal berdasarkannya, dia seorang yang ikhlas kepada Allah Subhanahu Wata`ala kerana penghayatan tersebut menghalangnya daripada berpaling kepada selain Allah Subhanahu Wata`ala. Penghayatan itu juga menghalangnya daripada menghendaki yang lain daripada Allah *Subhanahu Wata`ala* dalam amalan."

Kedua:

مَقَامُ الْمُشَاهَدَةِ، وَهُوَ أَنْ يَعْمَلَ الْعَبْدُ عَلَى مُقْتَضَى مُشَاهَدَتِهِ لِلَّهِ بِقَلْبِهِ، وَهُوَ أَنْ يَتَنَوَّرَ الْقَلْبُ بِالْإِيمَانِ، وَتَنْفُذَ الْبَصِيرَةُ فِي الْعِرْفَانِ، حَتَّى يَصِيرَ الْغَيْبُ كَالْعِيَانِ.

Martabat *musyahadah* iaitu hamba beramal berdasarkan penglihatannya kepada Allah *Subhanahu Wata`ala* dengan hatinya iaitu hatinya bercahaya dengan iman dan pandangan hati telus dalam mengenal Allah *Subhanahu Wata`ala sehingga perkara menjadi seperti perkara yang dilihat oleh mata kepala."*

Beliau (Ibn Rajab) berkata lagi:

وَهَذَا هُوَ حَقِيقَةُ مَقَامِ الْإِحْسَانِ الْمُشَارِ إِلَيْهِ فِي حَدِيثِ جِبْرِيلَ عَلَيْهِ السَّلَامُ، وَيَتَفَاوَتُ أَهْلُ هَذَا الْمَقَامِ فِيهِ بِحَسَبِ قُوَّةِ نُفُوذِ الْبَصَائِرِ

Inilah hakikat martabat ihsan yang ditunjukkan oleh hadis Jibril *`alaihi sallam*. Kedudukan setiap ahli martabat ini berbeza mengikut tahap kekuatan dan ketelusan pandangan hati mereka.

Kata-Kata Salaf Tentang Ihsan

Malik bin Mighwal ditanya ketika beliau duduk bersendirian di dalam rumahnya:

أَلَا تَسْتَوْحِشُ؟ فَقَالَ : وَيَسْتَوْحِشُ مَعَ اللَّهِ أَحَدٌ ؟

"Tidakkah kamu merasa sunyi?" Beliau pun menjawab: "Adakah seseorang akan merasa sunyi bila bersendirian bersama Allah Subhanahu Wata`ala?"

Al-Fudhoil berkata:

طُوبَى لِمَنِ اسْتَوْحَشَ مِنَ النَّاسِ، وَكَانَ اللَّهُ جَلِيسَهُ

"Bertuahlah orang yang merasa sunyi dengan manusia dan Allah Subhanahu Wata`ala pula menjadi temannya."

Abu Sulaiman berkata:

لَا آنَسَنِي اللَّهُ إِلَّا بِهِ أَبَدًا

"Semoga Allah Subhanahu Wata`ala tidak menjadikan aku terhibur kecuali dengan-Nya sahaja selama-lamanya."

Ma`ruf berkata kepada seorang lelaki:

تَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ حَتَّى يَكُونَ جَلِيسَكَ ، وَأَنِيسَكَ وَمَوْضِعَ شَكْوَاكَ

"Bertawakkallah kepada Allah Subhanahu Wata`ala sehingga Dia menjadi teman, penghibur hati dan tempat mengadumu."

Zu an-Nun berkata:

مِنْ عَلَامَةِ الْمُحِبِّينَ لِلَّهِ أَنْ لَا يَأْنَسُوا بِسِوَاهُ، وَلَا يَسْتَوْحِشُوا مَعَهُ

"Antara tanda orang yang cintakan Allah Subhanahu Wata`ala ialah mereka tidak terhibur dengan yang lain daripada-Nya dan tidak merasa sunyi bersam-Nya."

اَلْقَوِيُّ

Yang Maha Kuat

Nama Allah al-Qawwiy disebutkan disebutkan di dalam al-Qur`an al-Karim iaitu:

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

إِنَّ رَبَّكَ هُوَ ٱلْقَوِيُّ ٱلْعَزِيزُ ﴿٦٦﴾

Maksudnya: "*Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah Yang Maha Kuat, lagi Maha Perkasa*" (Surah Hud [11]: ayat 66)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَهُوَ ٱلْقَوِىُّ ٱلْعَزِيزُ ﴿١٩﴾

Maksudnya: "*Dialah Yang Maha Kuat lagi Maha Perkasa*"(Surah al-Syura [42]: ayat 19)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ قَوِىٌّ عَزِيزٌ ﴿٢١﴾

Maksudnya: "*Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa*"(surah al-Mujadalah: ayat 21 dan Surah al-Hadid: ayat 25)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

إِنَّهُۥ قَوِىٌّ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٢٢﴾

Maksudnya: "*Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha keras azab-Nya*" (Surah Ghafir [40]: ayat 22)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ لَقَوِىٌّ عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾

Maksudnya: "*Sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Perkasa*" (Surah al-Haj [22]: ayat 40 dan 74)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ قَوِىٌّ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٥٢﴾

Maksudnya: "*Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha berat seksaan-Nya*" (Surah al-Anfal [8]: ayat 52)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَكَانَ ٱللَّهُ قَوِيًّا عَزِيزًا ﴿٢٥﴾

Maksudnya: "*Dan (ingatlah) Allah Maha Kuat, lagi Maha Perkasa*"(Surah al-Ahzab [33]: ayat 25)

Berkata Prof Dr. Abdurrazzaq bin Abdul Muhsin al-`Abbad al-Badr di dalam *Fiqh al-Asmaul Husna* mengenai maksud nama Allah *al-Qawwiy* ini:

Pertama: Tidak ada sesuatu pun yang dapat melemahkan-Nya, mengalahkan-Nya, menolak takdir-Nya.

Kedua: Dia menolong sesiapa sahaja yang Dia kehendaki dan membiarkan sesiapa sahaja yang Dia kehendaki.

Ketiga: Dia memuliakan sesiapa sahaja yang Dia kehendaki dan menghina sesiapa sahaja yang Dia kehendaki.

Ketiga-tiga pengertian ini adalah berdasarkan ayat-ayat berikut:

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

أَوَلَمْ يَسِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَيَنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَـٰقِبَةُ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَكَانُوٓا۟ أَشَدَّ مِنْهُمْ قُوَّةً ۚ وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُعْجِزَهُۥ
مِن شَىْءٍ فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَلَا فِى ٱلْأَرْضِ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ عَلِيمًا قَدِيرًا ﴿٤٤﴾

Maksudnya: "*Apakah orang (yang tidak mahu beriman) itu telah mengembara di muka bumi, lalu menyaksikan bagaimana kesudahan orang kafir yang terdahulu daripada mereka, sedangkan orang itu lebih kuat daripada mereka? Kekuasaan Allah tidak dapat dilemahkan atau dihalangi oleh sesuatu pun sama ada di langit atau di bumi. Sesungguhnya Dia adalah Maha mengetahui, lagi Maha Berkuasa."* (Surah Fathir [35]: ayat 44)

Ibn Kathir menjelaskan maksud ayat ini:

يَقُولُ تَعَالَى: قُلْ يَا مُحَمَّدُ لِهَؤُلَاءِ الْمُكَذِّبِينَ بِمَا جِئْتَهُمْ بِهِ مِنَ الرِّسَالَةِ: سِيرُوا فِي الْأَرْضِ، فَانْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ كَذَّبُوا الرُّسُلَ؟ كَيْفَ دَمَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ وَلِلْكَافِرِينَ أَمْثَالُهَا، فَخُلِّيَتْ مِنْهُمْ مَنَازِلُهُمْ، وَسُلِبُوا مَا كَانُوا فِيهِ مِنَ النِّعَمِ بَعْدَ كَمَالِ الْقُوَّةِ، وَكَثْرَةِ الْعَدَدِ وَالْعُدَدِ، وَكَثْرَةِ الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ، فَمَا أَغْنَى ذَلِكَ شَيْئًا، وَلَا دَفَعَ عَنْهُمْ مِنْ عَذَابِ اللَّهِ مِنْ شَيْءٍ، لَمَّا جَاءَ أَمْرُ رَبِّكَ لِأَنَّهُ تَعَالَى لَا يُعْجِزُهُ شَيْءٌ، إِذَا أَرَادَ كَوْنَهُ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ؟

Allah Ta`ala berfirman: "Katakanlah wahai Muhammad kepada orang-orang yang mendustakan risalah yang engkau sampaikan kepada mereka: "Berjalanlah di muka bumi, lalu lihatlahlah akibat buruk yang menimpa orang-orang yang mendustakan para Rasul? Bagaimana Allah menghancurkan mereka dan orang-orang yang kafir seperti mereka? Rumah-rumah mereka telah hancur dan telah dicabut kenikmatan yang telah mereka dapatkan setelah sebelumnya sempurna kekuatan mereka dan banyaknya jumlah mereka serta banyakknya harta dan anak-anak mereka. Semua itu tidak dapat membela mereka sedikit pun dan tidak dapat menolak dari azab Allah sedikit pun tatkala perintah Rabbmu itu datang. Ini kerana tidak ada yang mampu melemahkan Allah Ta`ala. Jika Dia hendak menjadikan sesuatu di langit dan di bumi.

Ibn Kathir menjelaskan lagi:

إِنَّهُۥ كَانَ عَلِيمًا قَدِيرًا أَيْ: عَلِيمٌ بِجَمِيعِ الْكَائِنَاتِ، قَدِيرٌ عَلَى مَجْمُوعِهَا

Firman-Nya: "*Sesungguhnya Dia adalah Maha mengetahui, lagi Maha Berkuasa"* Maksudnya: Maha Mengetahui seluruh kejadian serta Maha Kuasa secara mutlak."

Kisah Kaum `Aad

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah al-Fajr, ayat 6-8

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِعَادٍ ﴿٦﴾ إِرَمَ ذَاتِ ٱلْعِمَادِ ﴿٧﴾ ٱلَّتِى لَمْ يُخْلَقْ مِثْلُهَا فِى ٱلْبِلَٰدِ ﴿٨﴾

Maksudnya: *"[6] Tidakkah engkau perhatikan, bagaimana Tuhanmu telah melakukan terhadap kaum `Ad"? [7] Iaitu penduduk "Iram" yang mempunyai bangunan-bangunan yang tinggi tiangnya, (sesuai dengan penduduknya)." [8] Yang belum pernah dibangunkan sepertinya (tentang besar dan kukuhnya) di negeri yang lain (pada zamannya)."*

Ibn Kathir menjelaskan di dalam kitab tafsirnya:

وَهُمْ أَوْلَادُ عَادِ بْنِ إِرَمَ بْنِ عَوْصِ بْنِ سَامِ بْنِ نُوحٍ ، قَالَهُ ابْنُ إِسْحَاقَ وَهُمُ الَّذِينَ بَعَثَ اللَّهُ فِيهِمْ رَسُولَهُ هُودًا ،
عَلَيْهِ السَّلَامُ ، فَكَذَّبُوهُ وَخَالَفُوهُ ، فَأَنْجَاهُ اللَّهُ مِنْ بَيْنِ أَظْهُرِهِمْ وَمَنْ آمَنَ مَعَهُ مِنْهُمْ ، وَأَهْلَكَهُمْ بِرِيحٍ صَرْصَرٍ
عَاتِيَةٍ سَخَّرَهَا عَلَيْهِمْ سَبْعَ لَيَالٍ وَثَمَٰنِيَةَ أَيَّامٍ حُسُومًا فَتَرَى ٱلْقَوْمَ فِيهَا صَرْعَىٰ كَأَنَّهُمْ أَعْجَازُ نَخْلٍ خَاوِيَةٍ ﴿٧﴾
فَهَلْ تَرَىٰ لَهُم مِّنۢ بَاقِيَةٍ ﴿٨﴾ وَقَدْ ذَكَرَ اللَّهُ قِصَّتَهُمْ فِي الْقُرْآنِ فِي غَيْرِ مَا مَوْضِعٍ ، لِيَعْتَبِرَ بِمَصْرَعِهِمُ الْمُؤْمِنُونَ

"Mereka itu adalah kaum `Aad dari generasi pertama iaitu putera `Aad Ibnu Iram Ibnu `Aush bin Sam bin Nuh. Demikian yang dikemukan oleh Ibnu Ishak. Mereka adalah kaum yang mana Allah telah mengutus Rasul-Nya Hud *`alaihi sallam*, tetapi mereka mendustakan dan menentangnya, lalu Allah menyelamatkannya daripada mereka bersama orang-orang beriman kemudian membinasakan selain mereka dengan angin ribut yang kencang, yang melampau kencangnya yang ditimpakan kepada mereka "*Yang diarahkannya menyerang mereka selama tujuh malam lapan hari terus menerus. (kalaulah engkau menyaksikannya) maka engkau akan melihat kaum itu bergelimpangan mati, seolah-olah mereka batang-batang pohon kurma yang lapuk (lalu tumbang). Dengan demikian, dapatkah engkau melihat lagi sisa-sisa mereka (yang masih hidup)?* (Surah al-Haqqah, ayat 6-7). Allah Ta`ala telah menyebutkan kisah mereka di dalam al-Qur`an dan tempat-tempat lainnya agar orang-orang Mukmin dapat menjadikan pelajaran daripada peristiwa kebinasaan mereka itu.

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah al-A`raf [7] ayat 65-72:

وَإِلَىٰ عَادٍ أَخَاهُمْ هُودًا ۗ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ ۚ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٦٥﴾ قَالَ ٱلْمَلَأُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟
مِن قَوْمِهِۦٓ إِنَّا لَنَرَىٰكَ فِى سَفَاهَةٍ وَإِنَّا لَنَظُنُّكَ مِنَ ٱلْكَٰذِبِينَ ﴿٦٦﴾ قَالَ يَٰقَوْمِ لَيْسَ بِى سَفَاهَةٌ وَلَٰكِنِّى رَسُولٌ
مِّن رَّبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٦٧﴾ أُبَلِّغُكُمْ رِسَٰلَٰتِ رَبِّى وَأَنَا۠ لَكُمْ نَاصِحٌ أَمِينٌ ﴿٦٨﴾ أَوَعَجِبْتُمْ أَن جَآءَكُمْ ذِكْرٌ مِّن رَّبِّكُمْ عَلَىٰ
رَجُلٍ مِّنكُمْ لِيُنذِرَكُمْ ۚ وَٱذْكُرُوٓا۟ إِذْ جَعَلَكُمْ خُلَفَآءَ مِنۢ بَعْدِ قَوْمِ نُوحٍ وَزَادَكُمْ فِى ٱلْخَلْقِ بَصْۜطَةً ۖ فَٱذْكُرُوٓا۟
ءَالَآءَ ٱللَّهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٦٩﴾ قَالُوٓا۟ أَجِئْتَنَا لِنَعْبُدَ ٱللَّهَ وَحْدَهُۥ وَنَذَرَ مَا كَانَ يَعْبُدُ ءَابَآؤُنَا ۖ فَأْتِنَا بِمَا تَعِدُنَآ إِن
كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٧٠﴾ قَالَ قَدْ وَقَعَ عَلَيْكُم مِّن رَّبِّكُمْ رِجْسٌ وَغَضَبٌ ۖ أَتُجَٰدِلُونَنِى فِىٓ أَسْمَآءٍ سَمَّيْتُمُوهَآ
أَنتُمْ وَءَابَآؤُكُم مَّا نَزَّلَ ٱللَّهُ بِهَا مِن سُلْطَٰنٍ ۚ فَٱنتَظِرُوٓا۟ إِنِّى مَعَكُم مِّنَ ٱلْمُنتَظِرِينَ ﴿٧١﴾ فَأَنجَيْنَٰهُ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥ
بِرَحْمَةٍ مِّنَّا وَقَطَعْنَا دَابِرَ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا ۖ وَمَا كَانُوا۟ مُؤْمِنِينَ ﴿٧٢﴾

Maksudnya:

"[65] Dan kepada kaum `Ad, (Kami utuskan) saudara mereka, Hud. Dia berkata, "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya. Oleh itu, tidakkah kamu mahu bertaqwa kepada-Nya." [66] Ketua-ketua yang kafir daripada kaumnya berkata, "Sesungguhnya kami (wahai Hud) memandang engkau berada dalam kebodohan dan sesungguhnya kami fikir engkau adalah di kalangan orang yang berdusta." [67] Hud menjawab, "Wahai kaumku! Tidak ada padaku sebarang kebodohan, tetapi aku adalah seorang rasul

daripada Tuhan sekalian alam.” [68] (Tugas)ku menyampaikan kepada kamu akan perintah-perintah (yang diutuskan oleh) Tuhanku dan aku adalah pemberi nasihat yang amanah bagi kamu.” [69] “Adakah kamu berasa ragu-ragu dan hairan tentang datangnya kepada kamu nasihat pengajaran daripada Tuhan kamu, melalui seorang lelaki daripada golongan kamu, untuk memberi peringatan kepada kamu? Dan ingatlah ketika Allah menjadikan kamu khalifah-khalifah sesudah kaum Nuh dan Allah telah menambahkan kamu kelebihan (dan kekuatan) pada bentuk kejadian tubuh kamu. Maka, kenanglah akan ni`mat-ni`mat Allah supaya kamu berjaya.” [70] Mereka berkata, “Adakah engkau datang kepada kami supaya kami hanya menyembah Allah semata-mata dan meninggalkan apa yang pernah disembah oleh nenek moyang kami? (Kami tidak akan menurut) maka datanglah azab yang engkau janjikan kepada kami, jika betul engkau daripada orang yang benar.” [71] Hud menjawab, “Sesungguhnya kamu pasti akan ditimpa azab dan kemurkaan daripada Tuhan kamu. Adakah kamu hendak berhujah denganku mengenai nama-nama yang hanya kamu dan nenek moyang kamu menamakannya, sedang Allah tidak sekali-kali menurunkan sebarang bukti yang membenarkannya? Maka tunggulah (kedatangan azab itu), sesungguhnya aku juga daripada orang yang turut menunggu bersama-sama kamu.” [72] Maka Kami selamatkan Hud dan orang yang bersamanya, dengan rahmat daripada Kami dan Kami (binasakan serta) putuskan keturunan orang yang mendustakan ayat-ayat Kami. Mereka bukanlah orang yang beriman. “

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah Hud [11], ayat 50-60:

وَإِلَىٰ عَادٍ أَخَاهُمْ هُودًا ۚ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ ۖ إِنْ أَنتُمْ إِلَّا مُفْتَرُونَ ﴿٥٠﴾ يَٰقَوْمِ لَآ
أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا ۖ إِنْ أَجْرِىَ إِلَّا عَلَى ٱلَّذِى فَطَرَنِىٓ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٥١﴾ وَيَٰقَوْمِ ٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوٓا۟ إِلَيْهِ
يُرْسِلِ ٱلسَّمَآءَ عَلَيْكُم مِّدْرَارًا وَيَزِدْكُمْ قُوَّةً إِلَىٰ قُوَّتِكُمْ وَلَا تَتَوَلَّوْا۟ مُجْرِمِينَ ﴿٥٢﴾ قَالُوا۟ يَٰهُودُ مَا جِئْتَنَا بِبَيِّنَةٍ
وَمَا نَحْنُ بِتَارِكِىٓ ءَالِهَتِنَا عَن قَوْلِكَ وَمَا نَحْنُ لَكَ بِمُؤْمِنِينَ ﴿٥٣﴾ إِن نَّقُولُ إِلَّا ٱعْتَرَىٰكَ بَعْضُ ءَالِهَتِنَا بِسُوٓءٍ ۗ
قَالَ إِنِّىٓ أُشْهِدُ ٱللَّهَ وَٱشْهَدُوٓا۟ أَنِّى بَرِىٓءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ﴿٥٤﴾ مِن دُونِهِۦ ۖ فَكِيدُونِى جَمِيعًا ثُمَّ لَا تُنظِرُونِ ﴿٥٥﴾ إِنِّى
تَوَكَّلْتُ عَلَى ٱللَّهِ رَبِّى وَرَبِّكُم ۚ مَّا مِن دَآبَّةٍ إِلَّا هُوَ ءَاخِذٌۢ بِنَاصِيَتِهَآ ۚ إِنَّ رَبِّى عَلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٥٦﴾ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقَدْ
أَبْلَغْتُكُم مَّآ أُرْسِلْتُ بِهِۦٓ إِلَيْكُمْ ۚ وَيَسْتَخْلِفُ رَبِّى قَوْمًا غَيْرَكُمْ وَلَا تَضُرُّونَهُۥ شَيْـًٔا ۚ إِنَّ رَبِّى عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ حَفِيظٌ ﴿٥٧﴾
وَلَمَّا جَآءَ أَمْرُنَا نَجَّيْنَا هُودًا وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ بِرَحْمَةٍ مِّنَّا وَنَجَّيْنَٰهُم مِّنْ عَذَابٍ غَلِيظٍ ﴿٥٨﴾ وَتِلْكَ عَادٌ ۖ جَحَدُوا۟
بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمْ وَعَصَوْا۟ رُسُلَهُۥ وَٱتَّبَعُوٓا۟ أَمْرَ كُلِّ جَبَّارٍ عَنِيدٍ ﴿٥٩﴾ وَأُتْبِعُوا۟ فِى هَٰذِهِ ٱلدُّنْيَا لَعْنَةً وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۗ أَلَآ إِنَّ
عَادًا كَفَرُوا۟ رَبَّهُمْ ۗ أَلَا بُعْدًا لِّعَادٍ قَوْمِ هُودٍ ﴿٦٠﴾

Maksudnya:

“[50] Dan kepada kaum `Ad, Kami utuskan saudara mereka, Hud. Dia berkata, “Wahai kaumku! Sembahlah Allah! Tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya. Kamu hanyalah orang yang mengada-adakan perkara-perkara yang dusta (terhadap Allah).” [51] “Wahai kaumku! Aku tidak meminta upah kepada kamu dalam menyampaikan ajaranku, upahku hanyalah daripada Allah

yang telah menciptakan daku. Tidakkah kamu berfikir?". [52] Dan Hud berkata lagi, "Wahai kaumku! Mintalah ampun kepada Tuhan kamu, kemudian bertaubatlah kepada-Nya, semoga Dia menurunkan hujan yang lebat kepadamu dan menambahkan kamu kekuatan di samping kekuatan kamu yang sedia ada. Janganlah kamu membelakangkan seruanku dengan terus melakukan dosa!". [53] Mereka berkata, "Wahai Hud! engkau tidak membawa kepada kami sebarangan keterangan yang membuktikan kebenaranmu dan kami tidak akan meninggalkan penyembahan tuhan-tuhan kami dengan sebab kata-katamu itu dan kami tidak sekali-kali percaya kepadamu!." [54] "Kami hanya boleh berkata bahawa setengah daripada tuhan-tuhan kami telah mengenakanmu sesuatu penyakit gila." Hud menjawab, "Sesungguhnya aku bersaksi kepada Allah tentang kebenaranku dan kamu juga saksikanlah bahawa aku berlepas diri daripada dosa apa yang kamu sekutukan." [55] "Dengan menyembah yang lain daripada Allah. Maka, buatlah perancangan jahat kamu semua terhadaku, kemudian laksanakan terus, janganlah kamu beri tempoh kepadaku untuk mempertahankan diri." [56] (Hud berkata lagi) "Sesungguhnya aku telah berserah diri kepada Allah, Tuhanku dan Tuhan kamu! Tidak ada sesuatu pun daripada makhluk-makhluk yang bergerak di muka bumi melainkan Allah jualah yang menguasainya. Sesungguhnya Tuhanku tetap di atas jalan yang lurus." [57] "Namun begitu, jika kamu membelakangkan juga seruanku, maka tidaklah menjadi hal kepadaku kerana aku telah sampaikan kepada kamu apa yang telah diutus oleh Allah untuk menyampaikannya dan Tuhanku akan mengantikan kamu dengan suatu kaum yang lain (setelah kamu dibinasakan). Kamu pula tidak akan dapat membahayakan-Nya sedikit pun. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengawal dan Pemelihara setiap sesuatu." [58] Apabila datang azab Kami, Kami selamatkan Hud bersama dengan umatnya yang beriman, dengan rahmat daripada Kami dan Kami selamatkan mereka daripada azab yang keras. [59] Demikianlah peristiwa kaum `Ad, mereka mengingkari ayat-ayat Tuhan mereka serta mereka menderhaka kepada rasul-rasul-Nya dan mereka menurut perintah setiap ketua yang bermaharaja lela, lagi derhaka." [60] Mereka ditimpa laknat dalam dunia ini dan pada hari kiamat. Ketahuilah! Sesungguhnya kaum `Ad itu telah kufur ingkar kepada Tuhan mereka. Ketahuilah! Sesungguhnya kebinasaanlah akhirnya bagi `Ad, kaum Hud."

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah al-Syua`ra [26], ayat 123-140:

كَذَّبَتْ عَادٌ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿١٢٣﴾ إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ هُودٌ أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٢٤﴾ إِنِّى لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ ﴿١٢٥﴾ فَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ
﴿١٢٦﴾ وَمَآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ ۖ إِنْ أَجْرِىَ إِلَّا عَلَىٰ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٢٧﴾ أَتَبْنُونَ بِكُلِّ رِيعٍ ءَايَةً تَعْبَثُونَ ﴿١٢٨﴾
وَتَتَّخِذُونَ مَصَانِعَ لَعَلَّكُمْ تَخْلُدُونَ ﴿١٢٩﴾ وَإِذَا بَطَشْتُم بَطَشْتُمْ جَبَّارِينَ ﴿١٣٠﴾ فَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١٣١﴾ وَٱتَّقُواْ ٱلَّذِىٓ
أَمَدَّكُم بِمَا تَعْلَمُونَ ﴿١٣٢﴾ أَمَدَّكُم بِأَنْعَٰمٍ وَبَنِينَ ﴿١٣٣﴾ وَجَنَّٰتٍ وَعُيُونٍ ﴿١٣٤﴾ إِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ
﴿١٣٥﴾ قَالُواْ سَوَآءٌ عَلَيْنَآ أَوَعَظْتَ أَمْ لَمْ تَكُن مِّنَ ٱلْوَٰعِظِينَ ﴿١٣٦﴾ إِنْ هَٰذَآ إِلَّا خُلُقُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٣٧﴾ وَمَا نَحْنُ
بِمُعَذَّبِينَ ﴿١٣٨﴾ فَكَذَّبُوهُ فَأَهْلَكْنَٰهُمْ ۗ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾ وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ


Maksudnya:

"[123] (Demikian juga) kaum `Ad telah mendustakan rasul-rasul (yang diutus kepada mereka). [124] Ketika saudara mereka, Hud berkata kepada mereka, "Mengapa kamu tidak bertaqwa?" [125] "Sesungguhnya aku ini seorang rasul yang amanah, (yang diutus oleh Allah) kepada kamu." [126] "Oleh itu, takutilah kamu akan (kemurkaan) Allah, dan taatlah kepadaku." [127] "Dan aku tidak meminta kepada kamu sebarang upah mengenai apa yang aku sampaikan (daripada Tuhanku). Balasanku hanyalah terserah kepada Allah Tuhan sekalian alam." [128] "Patutkah kamu mendirikan pada tiap-tiap tempat yang tinggi bangunan-bangunan yang tersergam, padahal kamu tidak membuatnya dengan sesuatu tujuan yang baik." [129] "Dan kamu pula bersusah payah mendirikan istana-istana dan benteng-benteng yang kukuh dengan harapan hendak hidup kekal selama-lamanya?" [130] Dan apabila kamu memukul atau menyeksa, kamu melakukan yang demikian dengan kejam bengis?" [131] "Oleh itu, takutilah kamu akan (kemurkaan) Allah dan taatlah kepadaku." [132] "Dan bertaqwalah kamu kepada Allah yang telah menolong kamu dengan pemberian ni`mat-ni`mat-Nya yang kamu sedia mengetahuinya." [133] "Diberinya kamu binatang-binatang ternakan (yang membiak) serta anak-pinak (yang ramai)," [134] "Dan taman-taman (yang indah permai) serta mata air-mata air (yang mengalir). [135]. "Sesungguhnya aku takut, (bahawa) kamu akan ditimpa azab hari yang besar (huru-haranya)." [136] Mereka menjawab, "Sama sahaja bagi kami, sama ada engaku beri nasihat, atau engkau tidak menjadi orang yang memberi nasihat." [137] "Segala apa (yang engkau katakan) ini, hanyalah adat kebiasaan orang dahulu-kala, [138] "Dan kami pula tidak akan diseksa." [139] Akhirnya mereka mendustakan Rasul itu, lalu Kami membinasakan mereka. Sesungguhnya pada peristiwa yang demikian, terdapat satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah). Dalam pada itu, kebanyakkan mereka tidak mahu beriman." [140] Sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad), Dialah sahaja Yang Maha Perkasa, lagi Maha Penyayang."

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah Fussilat [41], ayat 15-16

فَأَمَّا عَادٌ فَاسْتَكْبَرُوا فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَقَالُوا مَنْ أَشَدُّ مِنَّا قُوَّةً ۖ أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّ اللَّهَ الَّذِي خَلَقَهُمْ هُوَ أَشَدُّ
مِنْهُمْ قُوَّةً ۖ وَكَانُوا بِآيَاتِنَا يَجْحَدُونَ ﴿١٥﴾ فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا صَرْصَرًا فِي أَيَّامٍ نَحِسَاتٍ لِنُذِيقَهُمْ عَذَابَ الْخِزْيِ
فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۖ وَلَعَذَابُ الْآخِرَةِ أَخْزَىٰ ۖ وَهُمْ لَا يُنْصَرُونَ ﴿١٦﴾

Maksudnya:

"[15] Adapun kaum `Ad, maka mereka bersikap sombong di muka bumi tanpa sebarang alasan yang benar, serta berkata, "Siapakah yang lebih kuat daripada kami?" Dan tidakkah mereka memerhatikan bahawa Allah Yang menciptakan mereka (dari tiada kepada ada) adalah lebih besar kekuatan-Nya daripada mereka? Sememangnya mereka sengaja mengingkari tanda-tanda kekuatan Kami (sedangkan mereka mengetahuinya). [16] Lalu Kami hantarkan kepada mereka angin ribut yang kencang dalam beberapa hari yang sial (bagi mereka), kerana Kami hendak merasakan mereka azab yang menghina dalam kehidupan dunia. Sesungguhnya azab hari akhirat lebih besar kehinaannya; sedangkan mereka tidak diberikan pertolongan (untuk menghindarkan diri daripada azab itu)."

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah al-Ahqaaf [46], ayat 21-25:

۞ وَٱذۡكُرۡ أَخَا عَادٍ إِذۡ أَنذَرَ قَوۡمَهُۥ بِٱلۡأَحۡقَافِ وَقَدۡ خَلَتِ ٱلنُّذُرُ مِنۢ بَيۡنِ يَدَيۡهِ وَمِنۡ خَلۡفِهِۦٓ أَلَّا تَعۡبُدُوٓاْ إِلَّا ٱللَّهَ إِنِّيٓ
أَخَافُ عَلَيۡكُمۡ عَذَابَ يَوۡمٍ عَظِيمٖ ﴿٢١﴾ قَالُوٓاْ أَجِئۡتَنَا لِتَأۡفِكَنَا عَنۡ ءَالِهَتِنَا فَأۡتِنَا بِمَا تَعِدُنَآ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ
﴿٢٢﴾ قَالَ إِنَّمَا ٱلۡعِلۡمُ عِندَ ٱللَّهِ وَأُبَلِّغُكُم مَّآ أُرۡسِلۡتُ بِهِۦ وَلَٰكِنِّيٓ أَرَىٰكُمۡ قَوۡمٗا تَجۡهَلُونَ ﴿٢٣﴾ فَلَمَّا رَأَوۡهُ عَارِضٗا
مُّسۡتَقۡبِلَ أَوۡدِيَتِهِمۡ قَالُواْ هَٰذَا عَارِضٞ مُّمۡطِرُنَاۚ بَلۡ هُوَ مَا ٱسۡتَعۡجَلۡتُم بِهِۦۖ رِيحٞ فِيهَا عَذَابٌ أَلِيمٞ ﴿٢٤﴾ تُدَمِّرُ كُلَّ شَيۡءِۭ
بِأَمۡرِ رَبِّهَا فَأَصۡبَحُواْ لَا يُرَىٰٓ إِلَّا مَسَٰكِنُهُمۡۚ كَذَٰلِكَ نَجۡزِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلۡمُجۡرِمِينَ ﴿٢٥﴾

Maksudnya:

"[21] Dan ingatlah peristiwa saudara kaum `Ad (Nabi Hud), tatkala dia memberi peringatan kepada kaumnya yang tinggal di lembah al-Ahqaf, sedangkan (peringatan itu sama seperti) peringatan-peringatan yang telah diberikan oleh rasul-rasul yang terdahulu daripadanya dan yang datang sesudahnya (dengan berkata), "Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, sesungguhnya aku bimbang kamu akan beroleh azab hari yang besar." [22] Mereka menjawab, "Adakah engkau datang kepada kami untuk memesongkan kami daripada menyembah tuhan-tuhan kami? Maka bawalah azab yang engkau janjikan kepada kami itu jika engkau sememangnya daripada orang yang benar!". [23] (Nabi) Hud berkata, "Sesungguhnya ilmu pengetahuan (tentang kedatangan azab itu) hanya pada sisi Allah. Aku hanya menyampaikan kepada kamu apa yang aku diutus untuk membawanya. Tetapi aku lihat kamu adalah satu kaum yang jahil." [24] Maka apabila mereka melihat azab itu berupa awan yang menghala ke lembah-lembah mereka, mereka berkata, "Ini ialah awan yang akan membawa hujan kepada kita." (Mendengarkan kata-kata yang demikian, Nabi Hud berkata), Tidak! Bahkan itulah (azab) yang kamu minta disegerekan kedatangannya, iaitu angin yang membawa azab yang pedih;. [25] "Yang menghancurkan segala-galanya dengan izin Tuhannya." (Setelah azab itu menimpa mereka) maka menjadilah mereka (hancur binasa), lenyap semua sekali melainkan tempat-tempat tinggal mereka. demikianlah Kami membalas kaum yang berdosa."

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah al-Dhariyat [51], ayat 41-42:

وَفِي عَادٍ إِذۡ أَرۡسَلۡنَا عَلَيۡهِمُ ٱلرِّيحَ ٱلۡعَقِيمَ ﴿٤١﴾ مَا تَذَرُ مِن شَيۡءٍ أَتَتۡ عَلَيۡهِ إِلَّا جَعَلَتۡهُ كَٱلرَّمِيمِ ﴿٤٢﴾

Maksudnya:

"[41] Juga pada kisah kaum `Ad, ketika Kami hantarkan kepada mereka angin ribut yang membinasakan (tidak mengandungi sebarang kebaikan); [42] Angin itu tidak meninggalkan sesuatu pun yang dirempuhnya, melainkan menjadikannya (hancur) seperti debu."

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah al-Najm [53], ayat 50-52:

وَأَنَّهُۥٓ أَهۡلَكَ عَادًا ٱلۡأُولَىٰ ﴿٥٠﴾ وَثَمُودَاْ فَمَآ أَبۡقَىٰ ﴿٥١﴾ وَقَوۡمَ نُوحٖ مِّن قَبۡلُۖ إِنَّهُمۡ كَانُواْ هُمۡ أَظۡلَمَ وَأَطۡغَىٰ

Maksudnya:

"[50] Dan bahawa sesungguhnya Dialah Yang membinasakan kaum `Ad yang pertama (kaum Nabi Hud). [51] Dan kaum Thamud (kaum Nabi Salih). Maka tidak ada seorang pun (daripada kedua-dua kaum itu) yang dibiarkan hidup. [52] Dan kaum (Nabi) Nuh sebelum itu (telah juga dibinasakan). Sesungguhnya mereka adalah orang yang sangat zalim dan sangat melampui batas.

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah al-Qamar [54] ayat 18-22:

كَذَّبَتۡ عَادٌ فَكَيۡفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذُرِ ﴿١٨﴾ إِنَّآ أَرۡسَلۡنَا عَلَيۡهِمۡ رِيحٗا صَرۡصَرٗا فِي يَوۡمِ نَحۡسٖ مُّسۡتَمِرّٖ ﴿١٩﴾ تَنزِعُ ٱلنَّاسَ كَأَنَّهُمۡ أَعۡجَازُ نَخۡلٖ مُّنقَعِرٖ ﴿٢٠﴾ فَكَيۡفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذُرِ ﴿٢١﴾ وَلَقَدۡ يَسَّرۡنَا ٱلۡقُرۡءَانَ لِلذِّكۡرِ فَهَلۡ مِن مُّدَّكِرٖ ﴿٢٢﴾

Maksudnya:

"[18] (Demikian juga) kaum `Ad telah mendustakan (Rasul lalu mereka dibinasakan). Maka, perhatikanlah bagaimana dahsyatnya azab-Ku dan (kesan) amaran-amaran-Ku." [19] Sesungguhnya Kami telah menghantarkan kepada mereka angin ribut yang sangat kencang pada hari nahas yang terus menerus. [20] Yang menghempas manusia (lalu mati bergelimpangan), seolah-olah mereka batang-batang pohon tamar yang tumbang." [21] Maka perhatikanlah bagaimana dahsyatnya azab-Ku dan (kesan) amaran-amaran-Ku. [22] Sesungguhnya Kami telah mudahkan al-Qur`an untuk peringatan dan pengajaran. Maka adakah terdapat orang yang mahu mengambil pengajaran (daripadanya)."

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah al-Haqqah [69] ayat 6-8:

وَأَمَّا عَادٞ فَأُهۡلِكُواْ بِرِيحٖ صَرۡصَرٍ عَاتِيَةٖ ﴿٦﴾ سَخَّرَهَا عَلَيۡهِمۡ سَبۡعَ لَيَالٖ وَثَمَٰنِيَةَ أَيَّامٍ حُسُومٗا فَتَرَى ٱلۡقَوۡمَ فِيهَا صَرۡعَىٰ كَأَنَّهُمۡ أَعۡجَازُ نَخۡلٍ خَاوِيَةٖ ﴿٧﴾ فَهَلۡ تَرَىٰ لَهُم مِّنۢ بَاقِيَةٖ ﴿٨﴾

Maksudnya:

[6] Adapun `Ad (kaum Nabi Hud), maka mereka telah dibinasakan dengan angin ribut yang kencang, yang melampau kencangnya. [7] "Yang diarahkannya menyerang mereka selama tujuh malam lapan hari terus menerus (kalaulah engkau menyaksikannya) maka engkau akan melihat kaum itu bergelimpangan mati, seolah-olah mereka batang-batang pohon kurma yang lapuk (lalu tumbang). [8] Dengan demikian, dapatkah engkau melihat lagi sisa-sisa mereka (yang masih hidup)?

Tidak Ada Tempat Untuk Melarikan Diri, Berlindung dan Memohon Keselamatan Melainkan Kepada-Nya

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَأَنَّا ظَنَنَّآ أَن لَّن نُّعۡجِزَ ٱللَّهَ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَلَن نُّعۡجِزَهُۥ هَرَبٗا ﴿١٢﴾

Maksudnya: "*Dan bahawa sesungguhnya kita (sekarang) mengetahui, bahawa kita sekali-kali tidak akan dapat melepaskan diri daripada azab Allah (walau di mana sahaja kita berada) di bumi, dan kita juga sekali-kali tidak akan dapat melarikan diri daripada-Nya*." (Surah Jin [72]: ayat 12)

Ibn Kathir menafsirkan ayat di atas:


أَيْ : نَعْلَمُ أَنَّ قُدْرَةَ اللَّهِ حَاكِمَةٌ عَلَيْنَا وَأَنَّا لَا نُعْجِزُهُ فِي الْأَرْضِ ، وَلَوْ أَمْعَنَّا فِي الْهَرَبِ ، فَإِنَّهُ عَلَيْنَا قَادِرٌ لَا يُعْجِزُهُ أَحَدٌ مِنَّا

Maksudnya: "kami (golongan jin) mengetahui bahawa kekuasaan Allah itu mengatur kami sedangkan kami tidak mampu menghindarinya di muka bumi meskipun kami berusaha melarikan diri kerana sesungguhnya Allah Ta`ala berkuasa ke atas kami, tidak ada satu pun di kalangan kami yang dapat mengalahkan-Nya."

Pertolongan Hanya Dari Allah Ta`ala

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

إِن يَنصُرْكُمُ ٱللَّهُ فَلَا غَالِبَ لَكُمْ ۖ وَإِن يَخْذُلْكُمْ فَمَن ذَا ٱلَّذِى يَنصُرُكُم مِّنۢ بَعْدِهِۦ ۗ وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُؤْمِنُونَ



Maksudnya: *"Jika Allah menolong kamu mencapai kemenangan maka tidak sesiapa pun yang dapat mengalahkan kamu dan jika Dia membiarkan kamu (tanpa memberi pertolongan). Maka siapakah yang akan dapat menolong kamu sesudah Allah (menetapkan yang sedemikian)? Kepada Allah jualah hendaknya orang yang beriman itu bertawakkal."* (Surah Ali-Imran [3], ayat 160)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَلَوْ يَرَى ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓا۟ إِذْ يَرَوْنَ ٱلْعَذَابَ أَنَّ ٱلْقُوَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا وَأَنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعَذَابِ ١٦٥

Maksudnya: *"Sekiranya orang yang melakukan kezaliman (syirik) itu mengetahui ketika mereka melihat azab pada hari akhirat kelak, bahawa sesungguhnya kekuatan dan kekuasaan itu semuanya tertentu bagi Allah dah bahawa sesungguhnya Allah Maha berat azab-Nya."* (Surah al-Baqarah [2]: ayat 165)

Bukti Kekuatan Dan Pertolongan-Nya Kepada Para Nabi, Pengikut Dan Orang Salih

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

فَلَمَّا جَآءَ أَمْرُنَا نَجَّيْنَا صَٰلِحًا وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ بِرَحْمَةٍ مِّنَّا وَمِنْ خِزْىِ يَوْمِئِذٍ ۗ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ ٱلْقَوِىُّ ٱلْعَزِيزُ



Maksudnya: *“Maka tatkala datang azab Kami, Kami selamatkan Salih beserta umatnya yang beriman, dengan rahmat daripada Kami dan Kami selamatkan mereka daripada azab serta kehinaan hari itu. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah Yang Maha Kuat, lagi Maha Perkasa.”* (Surah Hud [11]: ayat 66)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam

وَلَيَنصُرَنَّ ٱللَّهُ مَن يَنصُرُهُۥٓۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾

Maksudnya: *“Sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong agama-Nya (agama Islam). Sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Perkasa.”* (Surah al-Hajj [22], ayat 40)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

كَتَبَ ٱللَّهُ لَأَغۡلِبَنَّ أَنَا۠ وَرُسُلِيٓۚ إِنَّ ٱللَّهَ قَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٢١﴾

Maksudnya: *“Allah telah menetapkan: “Sesungguhnya Aku dan rasul-rasul-Ku pasti mengalahkan (golongan yang menentang), “Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa.”* (Surah al-Mujadillah [58]: ayat 21)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَرَدَّ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِغَيۡظِهِمۡ لَمۡ يَنَالُواْ خَيۡرًاۚ وَكَفَى ٱللَّهُ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ٱلۡقِتَالَۚ وَكَانَ ٱللَّهُ قَوِيًّا عَزِيزًا ﴿٢٥﴾

Maksudnya: “*Allah telah menghalau kembali (angkatan tentera) orang yang kafir itu (ke tempat masing-masing) dengan keadaan mereka marah (kerana gagal dan hampa) mereka tidak mendapat sebarang keuntungan. Dan Allah selamatkan orang yang beriman daripada bencana menghadapi peperangan itu. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuat, lagi Maha Perkasa.”* (Surah al-Ahzab [33]: ayat 25)

Allah *Subhanahu Wata`ala* Berhak Melakukan Apa Sahaja Yang Dikehendaki-Nya

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

أَلَا لَهُ ٱلۡخَلۡقُ وَٱلۡأَمۡرُۗ تَبَارَكَ ٱللَّهُ رَبُّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٥٤﴾

Maksudnya: *“Ingatlah, urusan penciptaan dan pemerintahan hanyalah hak Allah. Maha Suci Allah Yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam.”* (Surah al-A`raf [7]: 54)

Doa Ketika Terjaga Di Waktu Malam

Menurut `Abdullah bin al-Shomit *radiallahu`anhu*: Sesungguhnya Rasulullahi *sallallahu `alaihi wassallam* bersabda:

مَنْ تَعَارَّ مِنْ اللَّيْلِ: فَقَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ الْحَمْدُ لِلَّهِ وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ ثُمَّ قَالَ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي أَوْ دَعَا اسْتُجِيبَ لَهُ فَإِنْ تَوَضَّأَ وَصَلَّى قُبِلَتْ صَلَاتُهُ

Maksudnya:

"Sesiapa yang terjaga (terbangun) di malam hari, lalu dia mengucapkan: "Lailaha Illallahu Wahdahu La Syarikallalahu LahulMulku Walahu Hamdu Wahuwa `Ala Kullli Syain Qadir, Alhamdulillahi Wala Ilaha Illallahu Wallahu Akbar Wala Haula Wala Quwwata Illa Billahi, kemudian dia berkata lagi dengan menyebut: "Ya Allah, berilah keampunan kepadaku. Jika dia berdoa nescaya akan dimakbulkan dan jika dia berwuduk lalu mengerjakan solat, nescaya solatnya diterima." (Hadis riwayat al-Bukhari)[41]

Menurut Anas daripada bapanya: Rasulullullahi *sallallahu alaihi wassallam* telah bersabda:

مَنْ أَكَلَ طَعَامًا، ثُمَّ قَالَ: الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَطْعَمْنِي هَذَا الطَّعَامَ وَرَزَقَنِيهِ مِنْ غَيْرِ حَوْلٍ مِنِّي وَلا قُوَّةٍ ، غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

Maksudnya:

"Sesiapa yang telah selesai makan sesuatu makanan, kemudian dia membaca: "Segala puji bagi Allah yang telah memberi kepadaku makanan dan rezeki ini tanpa sedikit daya dan kekuatan dariku." Nescaya Allah akan mengampuni dosa-dosanya yang telah lalu dan yang akan datang.

Rasulullullahi *sallallahu alaihi wassallam* bersabda lagi:

وَمَنْ لَبِسَ ثَوْبًا فَقَالَ: الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي كَسَانِي هَذَا الثَّوْبَ وَرَزَقَنِيهِ مِنْ غَيْرِ حَوْلٍ مِنِّي وَلَا قُوَّةٍ غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ وَمَا تَأَخَّرَ

Maksudnya: "*Sesiapa yang memakai pakaian lalu dia mengucapkan: Segala puji bagi Allah yang memberi pakaian ini kepadaku sebagai rezeki daripada-Nya tanpa daya dan kekuatan dariku. Nescaya Allah akan mengampuni dosa-dosanya yang telah lalu dan yang akan datang* " (Hadis riwayat Abu Daud[42] dan al-Tirmizi)

اَلْعَلِيُّ، اَلأَعْلَى، اَلْمُتَعَالِ

Yang Maha Tinggi

[41] Kitab *al-Tahajudd*, Bab *Fadhli Man Taara Minnal Lali Fasholla*. No hadis 1154
[42] Kitab *al-Libaas*. No hadis 4023

Nama Allah "*Al-Aliyy*" terdapat pada beberapa tempat di dalam al-Qur`an al-Karim di antaranya:

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْكَبِيرُ ﴿٢٣﴾

Maksudnya: "*Dialah jua yang Maha Tinggi lagi Maha Besar*" (Surah Saba [34]: ayat 23)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

فَٱلْحُكْمُ لِلَّهِ ٱلْعَلِىِّ ٱلْكَبِيرِ ﴿١٢﴾

Maksudnya: "*Maka keputusan (untuk mengazab kamu) adalah hak Alllah Yang Maha Tinggi lagi Maha Besar*" (Ghafir [40]: ayat 12)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيًّا كَبِيرًا ﴿٣٤﴾

Maksudnya: "*Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar*" (Surah al-Nisa` [4]: ayat 34)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

Maksudnya: "*Dialah Yang Maha Tinggi*, lagi Maha Agung" (Surah al-Baqarah[2]: ayat 255 dan Surah al-Syura[43]: ayat 4)

Ibn Kathir berkata tentang maksud ayat 255, surah al-Baqarah:

كَقَوْلِهِ : وَهُوَ [وَأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْكَبِيرُ ﴿٦٢﴾] : وَكَقَوْلِهِ:[ٱلْكَبِيرُ ٱلْمُتَعَالِ ﴿٩﴾]

"Ayat ini adalah sama seperti firman-Nya dalam Surah al-Hajj, ayat 62: *"(Ingatlah) sesungguhnya Allah jualah Yang Maha Tinggi keadaan-Nya, lagi Maha Besar"* "Ayat ini adalah sama seperti firman-Nya dalam Surah al-Ra`d, ayat 9: *"Dialah jua Yang Maha Besar, lagi Maha Tinggi.*

Ibn Kathir berkata tentang maksud ayat 62, surah al-Hajj:

وَأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْكَبِيرُ ﴿٦٢﴾

Maksudnya: *"(Ingatlah) sesungguhnya Allah jualah Yang Maha Tinggi keadaan-Nya, lagi Maha Besar*":

فَكُلُّ شَيْءٍ تَحْتَ قَهْرِهِ وَسُلْطَانِهِ وَعَظَمَتِهِ، لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ، وَلَا رَبَّ سِوَاهُ: لِأَنَّهُ الْعَظِيمُ الَّذِي لَا أَعْظَمَ مِنْهُ، الْعَلِيُّ الَّذِي لَا أَعْلَى مِنْهُ، الْكَبِيرُ الَّذِي لَا أَكْبَرَ مِنْهُ.

"Maka setiap sesuatu berada di bawah Kekuasaan-Nya, kerajaan-Nya dan Keagungan-Nya. Tidak ada Ilah (Tuhan yang layak disembah) kecuali Dia dan tiada Rabb selain-Nya. Ini kerana Dia adalah Maha Agung, yang mana tidak ada yang lebih agung daripada-Nya. Dia adalah yang Maha Tinggi, yang mana tidak ada yang lebih tinggi daripada-Nya. Dia adalah yang Maha Besar, yang mana tidak ada yang lebih besar daripada-Nya."

Ibn Kathir berkata tentang maksud ayat 9, surah al-Ra`d

ٱلۡكَبِيرُ ٱلۡمُتَعَالِ ﴿٩﴾

Maksudnya: *"Dialah jua Yang Maha Besar, lagi Maha Tinggi".*

[ٱلۡكَبِيرُ] الَّذِي هُوَ أَكْبَرُ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ.[ٱلۡمُتَعَالِ] أَيْ: عَلَى كُلِّ شَيْءٍ، قَدْ أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا، وَقَهَرَ كُلَّ شَيْءٍ ، فَخَضَعَتْ لَهُ الرِّقَابُ وَدَانَ لَهُ الْعِبَادُ ، طَوْعًا وَكَرْهًا

"Dialah jua Yang Maha Besar": Iaitu Dia yang lebih besar dari segala sesuatu. "*Maha Tinggi"*: Iaitu di atas segala sesuatu. Allah mengetahui segala sesuatu, menguasai segala sesuatu sehingga semua hamba tunduk kepada-Nya sama ada secara rela ataupun secara paksaan.

Ibn Kathir berkata lagi:

وَهَذِهِ الْآيَاتُ وَمَا فِي مَعْنَاهَا مِنَ الْأَحَادِيثِ الصِّحَاحِ الْأَجْوَدُ فِيهَا طَرِيقَةُ السَّلَفِ الصَالِحِ إِمْرَارُهَا كَمَا جَاءَتْ مِنْ غَيْرِ تَكْيِيفٍ وَلَا تَشْبِيهٍ

Jalan terbaik dalam memahami ayat-ayat di atas berikut maknanya yang terkandung dalam beberapa hadis sahih adalah dengan metode (pendekatan) yang digunakan oleh para ulama Salafus Salih; mereka memahami makna ayat-ayat tersebut tanpa "*takyif*" (tanpa memikirkan tentang bagaimana) dan tanpa "*tasbih*" (menyerupakan dengan makhluk)

Selain "*al-`Aliyyu*" (العليّ) dan "*al-Muta`al*" (المتعال) terdapat juga nama Allah yang lain iaitu "*al-A`la*" (الأعلى).

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

سَبِّحِ ٱسۡمَ رَبِّكَ ٱلۡأَعۡلَى ﴿١﴾

Maksudnya: *"Sucikanlah nama Tuhanmu Yang Maha Tinggi"* (Surah al-A`la [87], ayat 1)

Ketiga-tiga nama ini menunjukkan akan ketinggian-Nya secara mutlak dari semua aspek berikut iaitu:

Pertama: Dia Maha Tinggi Zat-Nya. (هو العليّ علو ذات). Dia bersemayam di atas Arasy, tinggi di atas semua makhluk-Nya. Ini adalah berdasarkan ayat-ayat berikut:

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ

Maksudnya: "*Lalu Dia bersemayam di atas `Arash* (and then established Himself on the Throne[43])[44] (Surah al-A`raf [7], ayat 54)

Ibn Kathir berkata tentang tafsiran ayat 54 di atas:

فَلِلنَّاسِ فِي هَذَا الْمَقَامِ مَقَالَاتٌ كَثِيرَةٌ جِدًّا، لَيْسَ هَذَا مَوْضِعَ بَسْطِهَا ، وَإِنَّمَا يُسْلَكُ فِي هَذَا الْمَقَامِ مَذْهَبُ السَّلَفِ الصَّالِحِ : مَالِكٌ ، وَالْأَوْزَاعِيُّ ، وَالثَّوْرِيُّ ، وَاللَّيْثُ بْنُ سَعْدٍ ، وَالشَّافِعِيُّ، وَأَحْمَدُ بْنُ حَنْبَلٍ وَإِسْحَاقُ بْنُ رَاهَوَيْهِ وَغَيْرُهُمْ ، مِنْ أَئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ قَدِيمًا وَحَدِيثًا ، وَهُوَ إِمْرَارُهَا كَمَا جَاءَتْ مِنْ غَيْرِ تَكْيِيفٍ وَلَا تَشْبِيهٍ وَلَا تَعْطِيلٍ . وَالظَّاهِرُ الْمُتَبَادَرُ إِلَى أَذْهَانِ الْمُشَبِّهِينَ مَنْفِيٌّ عَنِ اللَّهِ ، فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُشْبِهُهُ شَيْءٌ مِنْ خَلْقِهِ ، لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ ۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿١١﴾ بَلِ الْأَمْرُ كَمَا قَالَ الْأَئِمَّةُ – مِنْهُمْ نُعَيْمُ بْنُ حَمَّادٍ الْخُزَاعِيُّ شَيْخُ الْبُخَارِيِّ " : -مَنْ شَبَّهَ اللَّهَ بِخَلْقِهِ فَقَدْ كَفَرَ ، وَمَنْ جَحَدَ مَا وَصَفَ اللَّهُ بِهِ نَفْسَهُ فَقَدْ كَفَرَ " وَلَيْسَ فِيمَا وَصَفَ اللَّهُ بِهِ نَفْسَهُ وَلَا رَسُولَهُ تَشْبِيهٌ ، فَمَنْ أَثْبَتَ لِلَّهِ تَعَالَى مَا وَرَدَتْ بِهِ الْآيَاتُ الصَّرِيحَةُ وَالْأَخْبَارُ الصَّحِيحَةُ ، عَلَى الْوَجْهِ الَّذِي يَلِيقُ بِجَلَالِ اللَّهِ تَعَالَى ، وَنَفَى عَنِ اللَّهِ تَعَالَى النَّقَائِصَ ، فَقَدْ سَلَكَ سَبِيلَ الْهُدَى.

Para ulamak mempunyai pendapat yang sangat banyak tentang maksud ayat ini. Namun di sini bukan tempatnya (untuk menyebut kesemua pendapat tersebut). Sesungguhnya dalam perkara ini kami mengikuti jalan mazhab salafus soleh iaitu: Malik, al-`Auza`i, al-Tsauri, al-Laith bin Sa`ad, al-Syafie, Ahmad bin Hanbal, Ishaq bin Rahawaih dan ulamak-ulamak lain di kalangan orang Muslimin sejak dahulu sehingga sekarang iaitu membiarkannya seperti yang sedia ada tanpa *takyif* (mempersoalkan tentang kaifiyiat/hakikatnya), tanpa *tasybih* (penyerupaan) dan tanpa *ta`thil* (penolakan). Dan setiap makna zahir yang terlintas di benak fikiran orang yang menganut fahaman musyabbihah (menyerupakan Allah dengan makhluk), maka makna tersebut sangat jauh dari Allah. Ini kerana tidak ada sesuatu pun dari ciptaan Allah yang menyerupai-Nya seperti firman-Nya dalam surah al-Syura, ayat 11 yang bermaksud: "*Tiada sesuatu pun yang menyerupai-Nya. Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat*" Bahkan yang diperintahkan (sepatutnya dilakukan) ialah sebagaimana kata-kata para ulamak di antaranya adalah Nu`aim bin Hammad al-Khuza`ie- guru al-Bukhari- yang mana dia berkata: "Sesiapa yang menyerupakan Allah dengan

[43] (Allah bersemayam di atas `Arasy: yakni menurut cara yang layak bagi-Nya kerana Allah `Azza Wajjalla Maha Suci dari segala cara yang difikir dan difahamkan) (Allah established Himself on the Throne as befitting His majesty, for He transcends all manner of establishing Himself that we may think of [in the manner comparable in any way to creation]" [Terjemahan Tafsir Pimpinan al-Rahman, halaman 286/In English page 265]

[44] (Yang layak dengan kebesaran dan kesucian-Nya) [Terjemahan al-Qur`an Mushaf Malaysia, Terbitan Yayasan Restu, Halaman 54]

makhluk-Nya, maka dia telah kafir. Sesiapa yang mengingkari sifat yang telah Allah berikan bagi Diri-Nya sendiri, bererti dia telah kafir. Bukanlah menjadi suatu bentuk penyerupaan (*tasybih*) jika menyifatkan apa-apa yang telah disifatkan oleh Allah bagi Diri-Nya dan yang disifatkan oleh Rasul-Nya. Sesiapa yang menetapkan bagi Allah Ta`ala seperti yang terdapat di dalam ayat-ayat yang jelas dan hadis-hadis yang sahih dengan pengertian yang sesuai dengan kebesaran Allah serta menafikan segala kekurangan dari Diri-Nya, maka dia telah mengikuti jalan hidayah."

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

ٱلرَّحۡمَٰنُ عَلَى ٱلۡعَرۡشِ ٱسۡتَوَىٰ ۝٥

Maksudnya: *"Iaitu (Allah) al-Rahman yang bersemayam di atas `Arasy" (That is, (Allah) Most Gracious, Who is firmly established on the Throne)*[45] (Surah Taha [20], ayat 5)

Ibn Kathir berkata tentang tafsiran ayat 5 di atas:

تَقَدَّمَ الْكَلَامُ عَلَى ذَلِكَ فِي سُورَةِ الْأَعْرَافِ، بِمَا أَغْنَى عَنْ إِعَادَتِهِ أَيْضًا. وَأَنَّ الْمَسْلَكَ الْأَسْلَمَ فِي ذَلِكَ طَرِيقَةُ السَّلَفِ، إِمْرَارُ مَا جَاءَ فِي ذَلِكَ مِنَ الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ مِنْ غَيْرِ تَكْيِيفٍ، وَلَا تَحْرِيفٍ، وَلَا تَشْبِيهٍ، وَلَا تَعْطِيلٍ، وَلَا تَمْثِيلٍ

Pembahasan mengenai hal ini telah diberikan pada surah al-A`raf yang mana ia tidak perlu diulang lagi di sini. Jalan yang paling selamat dalam hal tersebut adalah manhaj Salaf, iaitu menetapkan apa yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Hadis tanpa *takyif* (menanyakan bagaimana), *tahrif* (penyimpangan)[46], *tasybih* (penyerupaan), *ta`thil* (penolakan)[47] dan *tamtsil* (persamaan)[48]

Jawapan Imam Malik bin Anas

Ketika Imam Malik *rahimahullah* (wafat 179H) ditanya tentang *istiwa*` Allah, maka beliau menjawab:

الإِسْتِوَاءُ غَيْرُ مَجْهُوْلٍ، وَالْكَيْفُ غَيْرُ مَعْقُوْلٍ، وَالإِيْمَانُ بِهِ وَاجِبٌ، وَالسُّؤَالُ عَنْهُ بِدْعَةٌ، وَمَا أَرَاكَ إِلاَّ ضَالاًّ

Istiwa`nya Allah *ma`lum*[49] (sudah diketahui maknanya) dan kaifiyatnya tidak dapat dicapai oleh aqal (tidak diketahui) dan beriman tentangnya adalah wajib, bertanya tentang hal tersebut adalah perbuatan bid`ah dan aku tidak melihatmu kecuali dalam kesesatan."

---

[45](Allah bersemayam di atas `Arasy yakni menurut cara yang layak bagi-Nya (Allah the Almighty sits on the Throne in the manner that is approriate for His Glory)" [Terjemahan Tafsir Pimpinan al-Rahman, halaman 633/In English page 566]

[46]Sama dengan *ta`wil* iaitu merubah lafaz Nama dan Sifat atau merubah maknanya atau menyelewengkan dari makna yang sebenarnyanya.

[47] Iaitu menghilangkan dan menafikan Sifat-Sifat Allah atau mengingkari seluruh atau sebahagian sifa-sifat tersebut.

[48] Sama dengan Tasybih iaitu menyamakan atau menyerupakan sifat Allah dengan makhluk-Nya.

[49] Dalam bahasa Arab kalimah "Istiwa" membawa empat maksud iaitu: *`Uluw* (علو) (tinggi), Irtifa` (إرتفاع) (naik), Istaqarar (استقر) (menetap) dan shu`ud (صعود) (naik)

Kedua: Dia Maha Tinggi Kedudukan-Nya, Sifat-Nya dan Keagungan-Nya (هو العليّ علو قدر، وهو علو صفاته وعظمتها). Ini kerana sifa-sifat-Nya sangat agung dan tidak ada satu sifat pun yang sama dengan-Nya.

Ketiga: Dia Maha Tinggi dalam Kekuasaan-Nya (هو العلي علو قهر) yang mana Dia menguasai segala sesuatu." Tidak ada sesuatu yang bergerak atau diam kecuali dengan izin-Nya. Apa sahaja yang Dia kehendaki pasti terjadi dan apa sahaja yang Dia tidak kehendaki pasti tidak akan terjadi."

Penjelasan Tentang *al-`Uruuj* (العروج) (naik) sesuatu kepada-Nya.

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

يُدَبِّرُ ٱلْأَمْرَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ إِلَى ٱلْأَرْضِ ثُمَّ يَعْرُجُ إِلَيْهِ فِي يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُۥٓ أَلْفَ سَنَةٍ مِّمَّا تَعُدُّونَ ۝٥

Maksudnya: *"Dia mengatur segala urusan dari langit ke bumi, kemudian itu naik kepada-Nya dalam satu hari yang kadarnya adalah seribu tahun (di dunia) mengikut perhitunganmu"* (Surah al-Sajdah [32], ayat 5)

Ibn Kathir berkata tentang maksud ayat di atas:

أَيْ : يَتَنَزَّلُ أَمْرُهُ مِنْ أَعْلَى السَّمَاوَاتِ إِلَى أَقْصَى تُخُومِ الْأَرْضِ السَّابِعَةِ. وَتُرْفَعُ الْأَعْمَالُ إِلَى دِيوَانِهَا فَوْقَ سَمَاءِ الدُّنْيَا ، وَمَسَافَةُ مَا بَيْنَهَا وَبَيْنَ الْأَرْضِ مَسِيرَةُ خَمْسِمِائَةِ سَنَةٍ ، وَسُمْكُ السَّمَاءِ خَمْسُمِائَةِ سَنَةٍ

Dia menurunkan urusan-Nya dari langit yang paling tinggi ke bahagian kerak bumi ketujuh yang paling dalam. Sedangkan amal-amal diangkat ke diwan-Nya di atas langit dunia. Jarak perjalanan diwan itu dengan bumi adalah 500 ratus tahun."

Penjelasan Tentang *al-`Su`ud* (الصعود) (naik) sesuatu kepada-Nya.

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam:

إِلَيْهِ يَصْعَدُ ٱلْكَلِمُ ٱلطَّيِّبُ وَٱلْعَمَلُ ٱلصَّٰلِحُ يَرْفَعُهُۥ

Maksudnya: *"Kepada Allahlah naiknya segala perkataan yang baik dan amal yang salih pula diangkat-Nya naik (sebagai amal yang makbul)"* (Surah Fathir [35], ayat 10)

Ibn Kathir berkata tentang maksud ayat: *"Kepada Allahlah naiknya segala perkataan yang baik"*:

يَعْنِي: الذِّكْرَ وَالتِّلَاوَةَ وَالدُّعَاءَ. قَالَهُ غَيْرُ وَاحِدٍ مِنَ السَّلَفِ

Iaitu zikir, bacaan al-Qur`an dan doa. Itulah yang dikatakan bukan oleh seorang ulama salaf sahaja.

Ibn Kathir berkata tentang maksud ayat: *"amal yang salih pula diangkat-Nya naik"*:

قَالَ عَلِيُّ بْنُ أَبِي طَلْحَةَ، عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ: الْكَلِمُ الطَّيِّبُ: ذِكْرُ اللَّهِ، يُصْعَدُ بِهِ إِلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ. وَالْعَمَلُ الصَّالِحُ: أَدَاءُ فَرَائِضِهِ

`Ali bin Abi Talhah berkata dari Ibn `Abbas *radiallahu`anhuma* berkata:

"Perkataan-perkataan yang baik adalah zikir kepada Allah Ta`ala (dan) akan naik kepada Allah `*Azza Wa Jalla*. Sedangkan amal salih adalah menunaikan kewajipan-kewajipan-Nya, maka amal itu akan dibawa naik menuju Allah"

Penjelasan Tentang *al-Raf`u* (الرفع) (naik) sebahagian hamba-Nya kepada-Nya.

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

إِذْ قَالَ ٱللَّهُ يَـٰعِيسَىٰٓ إِنِّى مُتَوَفِّيكَ وَرَافِعُكَ إِلَىَّ

Maksudnya: *"(Ingatlah) ketika Allah berfirman: "Wahai `Isa! Sesungguhnya Aku akan menyampaikanmu kepada akhir ajalmu dan akan mengangkatmu (dari dunia tanpa mengalami kematian) ke sisi-Ku"* (Surah Ali Imran [3], ayat 55)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

بَل رَّفَعَهُ ٱللَّهُ إِلَيْهِ ۚ ﴿١٥٨﴾

Maksudnya: *"Bahkan Allah telah mengangkat `Isa kepada-Nya"* (Surah al-Nisak [4], ayat 158)

Penjelasan Tentang *al-Tanzil* (التنزيل) turun sesuatu daripada-Nya.

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

تَنزِيلُ ٱلْكِتَـٰبِ مِنَ ٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَكِيمِ ﴿١﴾

Maksudnya: *"Turunnya Kitab al-Quran ini daripada Allah, Yang Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksana."* (Surah al-Zumar [39]: ayat 1)

Penjelasan Tentang Allah Berada Di Langit

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

ءَأَمِنتُم مَّن فِى ٱلسَّمَآءِ أَن يَخْسِفَ بِكُمُ ٱلْأَرْضَ فَإِذَا هِىَ تَمُورُ ﴿١٦﴾ أَمْ أَمِنتُم مَّن فِى ٱلسَّمَآءِ أَن يُرْسِلَ عَلَيْكُمْ حَاصِبًا ۖ فَسَتَعْلَمُونَ كَيْفَ نَذِيرِ ﴿١٧﴾

Maksudnya: *"Apakah kamu merasa aman (tidak takut) kepada Tuhan di langit itu menterbalikkan bumi bersama kamu, lalu tiba-tiba bumi itu bergegar (melenyapkan kamu di bawahnya). "Atau apakah kamu merasa aman (tidak takut kepada Tuhan) di langit itu menghantar angin ribut*

berbatu kepada kamu. Maka dengan itu, kamu akan mengetahui bagaimana buruknya kesan amaran-Ku kelak." (Surah al-Mulk [67], ayat 16-17)

Kisah Firaun dengan Musa `*Alaihi Sallam*

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman:

وَقَالَ فِرْعَوْنُ يَٰهَٰمَٰنُ ٱبْنِ لِى صَرْحًا لَّعَلِّىٓ أَبْلُغُ ٱلْأَسْبَٰبَ ﴿٣٦﴾ أَسْبَٰبَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ فَأَطَّلِعَ إِلَىٰٓ إِلَٰهِ مُوسَىٰ وَإِنِّى لَأَظُنُّهُۥ كَٰذِبًا ۚ

Maksudnya: *"Dan Fir`awn pula berkata: "Wahai Haman! Binalah untukku sebuah bangunan yang tinggi, semoga aku sampai ke pintu-pintu" "(Iaitu) ke pintu-pintu langit, supaya aku dapat melihat Tuhan Musa dan sesungguhnya aku menganggap Musa itu seorang pendusta."* (Surah Ghafir [40], ayat 36-37)

Ibn Kathir menjelaskan maksud ayat di atas:

يَقُولُ تَعَالَى مُخْبِرًا عَنْ فِرْعَوْنَ، وَعُتُوِّهِ، وَتَمَرُّدِهِ، وَافْتِرَائِهِ فِي تَكْذِيبِهِ مُوسَى عَلَيْهِ السَّلَامُ. أَنَّهُ أَمَرَ وَزِيرَهُ هَامَانَ أَنْ يَبْنِيَ لَهُ صَرْحًا. وَهُوَ: الْقَصْرُ الْعَالِي الْمُنِيفُ الشَّاهِقُ . وَكَانَ اتِّخَاذُهُ مِنَ الْآجُرِّ الْمَضْرُوبِ مِنَ الطِّينِ الْمَشْوِيِّ ، كَمَا: فَأَوْقِدْ لِى يَٰهَٰمَٰنُ عَلَى ٱلطِّينِ فَٱجْعَل لِّى صَرْحًا لَّعَلِّىٓ أَطَّلِعُ إِلَىٰٓ إِلَٰهِ مُوسَىٰ

Allah *Ta`ala* memberitahu tentang kesombongan, pembangkangan dan sikap mengada-adakan Fir`awn dalam mendustakan Musa *`alaihi sallam* bahawa dia memerintahkan menterinya Haman untuk mendirikan sebuah *sharh* iaitu istana yang tinggi, indah dan menjulang. Bangunan ini dibuat daripada batu yang bahannya daripada tanah liat yang cantik. (Kisah) ini sebagaimana firman Allah dalam Ssurah al-Qasas, ayat 38: *"Oleh itu wahai Haman, bakarkanlah untukku tanah liat (untuk membuat batu-bata) serta binalah untukku bangunan yang tinggi, supaya aku naik melihat Tuhan Musa (yang dikatakan itu). Sesungguhnya aku yakin Musa adalah orang yang berdusta*."

Ibn Kathir menjelaskan maksud ayat: "*semoga aku sampai ke pintu-pintu" "(Iaitu) ke pintu-pintu langi"*

قَالَ سَعِيدُ بْنُ جُبَيْرٍ، وَأَبُو صَالِحٍ: أَبْوَابَ السَّمَاوَاتِ. وَقِيلَ: طُرُقَ السَّمَاوَاتِ

Berkata Sa`id bin Jubair dan Abu Salih: "Iaitu pintu-pintu langit. Pendapat lain mengatakan: Jalan-jalan menuju ke langit."

Imam al-Zahabi *rahimahullah* di dalam kitab *Mukhtashrul `Uluw* menyebutkan:

Imam Abu Hanifah (meninggal 150 H) berkata:

مَنْ أَنْكَرَ أَنَّ عَزَّوَجَلَّ فِي السَّمَاءِ فَقَدْ كَفَرَ

"Sesiapa yang mengingkari bahawa Allah berada di atas langit, maka dia telah kafir"

Penetapan Arah Bagi Allah

Berkata Imam Abu Ja`far al-Thahawi di dalam kitabnya *al-`Aqidah al-Thahawiyyah*:

لَا تَحْوِيهِ الْجِهَاتُ السِّتُّ كَسَائِرِ الْمُبْتَدَعَاتِ

"Dia (Allah) tidak dibatasi oleh enam arah seperti yang berlaku kepada makhluk-Nya."

Enam arah tersebut tidak berlaku bagi Allah Ta`ala kerana Allah berada di atas keenam arah tersebut sebagaimana yang dikatakan oleh Ibnul Qayyim dalam *al-Qashidah al-Nunniyyah*:

كُلُّ الْجِهَاتِ بِأَسْرِهَا عَدَمِيَّةٌ

"Setiap arah tidaklah berlaku bagi Allah"

فِي حَقِّهِ هُوَ فَوْقَهَا بِبَيَانِ

"Dia berada di atasnya berdasarkan penjelasan"

قَدْ بَانَ عَنْهَا كُلِّهَا فَهُوَ الْمُحِيْطُ

"Sesungguhnya Allah terpisah dari seluruh arah yang enam, Dia meliputi (segala sesuatu)"

وَلاَ يُحَاطُ بِخَالِقِ الأَكْوَانِ

"Dan tidak ada yang dapat meliputi (Allah) Pencipta Alam semesta."

Al-Afw, Al-Ghafur, At-Tawwab

ذَلِكَ وَمَنْ عَاقَبَ بِمِثْلِ مَا عُوقِبَ بِهِ ثُمَّ بُغِيَ عَلَيْهِ لَيَنْصُرَنَّهُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ لَعَفُوٌّ غَفُورٌ (60)

Demikianlah, sesiapa yang membalas dengan balasan yang sama seperti yang kezaliman yang pernah menimpanya, kemudian dia dizalimi lagi. Pasti Allah akan menolongnya, sesungguhnya Allah Maha Pemaaf dan Pengampur [Al-Hajj:60]

وَلِلَّهِ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ يَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا (14)

Allah lah pemilik pemerintahan langit dan bumi. Dia Mengampuni sesiapa yang Dia Kehendaki, dan Mengazab sesiapa yang Dia Kehendaki. Allah adalah Maha Pemaaf dan Penyayang. [Al-Fath : 14]

إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا وَأَصْلَحُوا وَبَيَّنُوا فَأُولَئِكَ أَتُوبُ عَلَيْهِمْ وَأَنَا التَّوَّابُ الرَّحِيمُ (160)

kecuali mereka yang telah bertaubat dan melakukan perbaikan dan menerangkan [kebenaran], maka terhadap mereka itu Aku menerima taubatnya dan Akulah Yang Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang. [al-Baqarah : 160]

العفو: هو الذي يمحو السيئات، ويتجاوز عن المعاصي، وهو قريب من الغفور، ولكنه أبلغ منه. فإن الغفران ينبئ عن الستر، والعفو ينبئ عن المحو، والمحو أبلغ من الستر، وهذا حال الاقتران، أما حال انفرادهما فإن كل واحد منهما يتناول معنى الآخر.

Al-Afw: Ia bermaksud Yang Menghapuskan dosa-dosa dan mengampuni maksiat-maksiat. Maksudnya sangat hampir dengan Al-Ghafur (Maha Pengampun). Akan tetapi Al-Afw lebih mendalam daripada Al-Ghafur. Sesungguhnya Al-Ghufran membawa kepada penutupan (dosa-dosa), manakala Al-Afwd membawa kepada penghapusan (dosa-dosa). Penghapusan itu lebih hebat daripada penutupan. Maksud (yang berbeza ini) apabila kedua-dua nama ini disebutkan sekali/serentak. Adapun apabila ia disebutkan sendiri-sendiri/berasingan, maka ia salah satu akan menunjukkan jua maksud yang lainnya.

التواب: هو الذي يتوب على من يشاء من عباده بالتوفيق للتوبة، كما قال تعالى:

ثُمَّ تَابَ عَلَيْهِمْ لِيَتُوبُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ (118). وبالقبول لها، كما قال سبحانه: وَهُوَ الَّذِي يَقْبَلُ التَّوْبَةَ عَنْ عِبَادِهِ وَيَعْفُو عَنِ السَّيِّئَاتِ وَيَعْلَمُ مَا تَفْعَلُونَ (25)

At-Tawwab: Dia lah yang Menerima taubat daripada sesiapa yang Dia Kehendaki daripada hamba-hambaNya yang diberi taufiq untuk bertaubat. Firman Allah: Kemudian Allah menerima taubat mereka agar bertaubat. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat dan Penyayang [Al-Taubah : 118]. Tentang penerimaan taubat pula, sebagaimana firman Allah: Dia lah Yang Menerima taubat hamba-hambaNya dan memaafkan dosa-dosa mereka, Dia Mengetahui apa yang mereka lakukan. [al-Syura : 25] [50]

Sifat al-Afw Allah ini bukan hanya terlihat dalam kehidupan di akhirat atau berkaitan dosa sahaja, bahkan ia menjadi asas kepada kehidupan dunia ini iaitu apabila sesuatu itu tidak Allah nyatakan pengharamannya, maka ia sesuatu yang Allah maafkan dan ia menjadi halal untuk kita semua.

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ كَانَ أَهْلُ الْجَاهِلِيَّةِ يَأْكُلُونَ أَشْيَاءَ وَيَتْرُكُونَ أَشْيَاءَ تَقَذُّرًا فَبَعَثَ اللَّهُ تَعَالَى نَبِيَّهُ وَأَنْزَلَ كِتَابَهُ وَأَحَلَّ حَلاَلَهُ وَحَرَّمَ حَرَامَهُ فَمَا أَحَلَّ فَهُوَ حَلاَلٌ وَمَا حَرَّمَ فَهُوَ حَرَامٌ وَمَا سَكَتَ عَنْهُ فَهُوَ عَفْوٌ

Ibn ‘Abbas radiallahu ‘anhuma berkata: Dulu orang jahiliyyah akan makan sesuatu dan meninggalkan sesuatu yang lain yang mereka anggap tidak bersih. Lalu Allah mengutus nabiNya dan menurunkan kitabNya dan menghalalkan apa yang halal dan mengharamkan apa yang haram.

[50] Fiqh al-Asma’ al-Husna m/s 142

Apa yang Allah halalkan, maka ia halal, apa yang Allah haramkan maka ia haram. Apa yang Allah diamkan tentangnya, maka ia dimaafkan. [Sunan Abi Daud, Kitab al-At'imah, hadis no: 3800]

Keyakinan dengan nama-nama Allah ini akan membuatkan kita tidak berputus asa daripada rahmat Allah dan terus menerus bertaubat kepadaNya walau selautan dosa kita miliki.

Rasulullah sallallahu 'alaihi wassalam bersabda:

قَالَ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى : يَا ابْنَ آدَمَ إِنَّكَ مَا دَعَوْتَنِي وَرَجَوْتَنِي غَفَرْتُ لَكَ عَلَى مَا كَانَ فِيكَ وَلَا أُبَالِي ، يَا ابْنَ آدَمَ لَوْ بَلَغَتْ ذُنُوبُكَ عَنَانَ السَّمَاءِ ثُمَّ اسْتَغْفَرْتَنِي غَفَرْتُ لَكَ وَلَا أُبَالِي ، يَا ابْنَ آدَمَ إِنَّكَ لَوْ أَتَيْتَنِي بِقُرَابِ الْأَرْضِ خَطَايَا ثُمَّ لَقِيتَنِي لَا تُشْرِكُ بِي شَيْئًا لَأَتَيْتُكَ بِقُرَابِهَا مَغْفِرَةً.

Allah Tabaraka wa Ta'ala berkata: Wahai anak Adam. Selagi mana engkau berdoa kepada Ku dan mengharap daripada Ku, nescaya aku akan ampuni apa-apa yang telah engkau lakukan. Aku tidak kisah. Wahai anak Adam. Seandainya dosa-dosa engkau setinggi langit, kemudian engkau memohon keampunan daripada Ku, nescaya Aku akan ampuni diri mu. Aku tidak kisah. Wahai anak Adam. Sesungguhnya jika engkau datang membawa dosa seluas bumi, dan engkau datang menemui Ku dalam keadaan tidak mensyirikkan aku dengan sesuatu pun. Nescaya Aku akan datang kepada mu membawa keampunan seluas itu jua.

[Sunan at-Tirmizi, Kitab Doa, Fadhilat Taubat dan Istighfar:3491, hadis hasan gharib]

عَنْ أَبِي مُوسَى، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ : إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يَبْسُطُ يَدَهُ بِاللَّيْلِ لِيَتُوبَ مُسِيءُ النَّهَارِ وَيَبْسُطُ يَدَهُ بِالنَّهَارِ لِيَتُوبَ مُسِيءُ اللَّيْلِ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ مِنْ مَغْرِبِهَا "

Abu Musa Abdullah Bin Qais al-Asyaari radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya Allah membentangkan TanganNya pada waktu malam kepada taubat pelaku dosa di waktu siang, dan Dia membentangkan TanganNya di waktu siang kepada taubat pelaku dosa di waktu malam, hinggalah matahari terbit dari barat [Sahih Muslim, Kitab at-Taubah, hadis no: 6644]

عَنِ ابْنِ عُمَرَ، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " إِنَّ اللَّهَ يَقْبَلُ تَوْبَةَ الْعَبْدِ مَا لَمْ يُغَرْغِرْ

Abdullah bin Umar bin al-Khattab radiallahu 'anhuma meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya Allah menerima taubat hambanya selagi mana nyawa belum sampai ke kerongkong [Sunan at-Tirmizi, Kitab ad-Daawat, hadis no: 3537, hasan gharib].

قَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم يَقُولُ " وَاللَّهِ إِنِّي لأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ فِي الْيَوْمِ أَكْثَرَ مِنْ سَبْعِينَ مَرَّةً "

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Aku mendengar Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam berkata: Demi Allah, sesungguhnya aku beristighfar dan bertaubat kepada Allah setiap hari, lebih daripada tujuh puluh kali [Sahih al-Bukhari, Kitab ad-Daawat, hadis no: 6307]

عَنْ أَبِي، بُرْدَةَ قَالَ سَمِعْتُ الأَغَرَّ، وَكَانَ، مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم يُحَدِّثُ ابْنَ عُمَرَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " يَا أَيُّهَا النَّاسُ تُوبُوا إِلَى اللَّهِ فَإِنِّي أَتُوبُ فِي الْيَوْمِ إِلَيْهِ مِائَةَ مَرَّةٍ

Ibn ‘Umar radiallahu ‘anhu berkata:: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Wahai sekalian manusia, bertaubatlah kepada Allah, dan mohonlah ampun kepadaNya. Sesungguhnya aku bertaubat setiap hari seratus kali [Sahih Muslim, Kitab ad-Dzikr wa ad-Dua’ wa at-Taubah wa al-Istighfar, hadis no: 6523]

Al-Imam Ibn al-Qayyim menukilkan dalam qasidah an-Nuniyyah beliau berkaitan nama sifat pengampun dan pemaaf Allah:

وهو العفو فعفوه وسع الورى ... لولاه غار الأرض بالسكان

Dan Dialah Tuhan yang Maha Pemaaf, kemaafanNya meliputi segenap makhluk,
Jika tidak kerana sifat kemaafan Allah, akan lenyaplah bumi ini daripada penghuninya

Rangkap yang lain beliau menyebut:

فإذا رأيت النص عنه ساكتا ... فسكوته عفو من الرحمن

Jika kamu mendapati ada (hukum) yang didiamkan oleh nas,
Diamnya itu adalah kemaafan daripada al-Rahman

وهو المباح إباحة العفو الذي ... ما فيه من حرج ولا نكران

Dan hal itu menjadi perkara yang harus/halal, mengharuskan kemaafan,
yang tidak ada padanya bebanan atau bantahan..

Rangkap yang lain beliau menyebut:

والله ما خوفي الذنوب فإنها ... لعلى طريق العفو والغفران

Demi Allah aku tidak takutkan dosa-dosa,
sesungguhnya ia mungkin menjadi sebab kearah jalan mendapat kemaafan dan keampunan Tuhan

Dalam rangkap lain:

واغفر ذنوبهم وأصلح شأنهم ... فلأنت أهل العفو والغفران

Ampunilah dosa-dosa mereka dan perelokkan keadaan mereka,
Sesungguhnya Engkau merupakan Tuhan yang memberikan kemaafan dan pengampunan…

Dalam rangkap lain:

وهو الغفور فلو أتى بقرابها ... من غير شرك بل من العصيان

Dan Dialah Tuhan yang Maha mengampuni sekiranya didatangkan kepadanya dosa sebesar gunung,

tanpa syirik tetapi hanya kemaksiatan

لاقاه بالغفران ملء قرابها ... سبحانه هو واسع الغفران

Nescaya Allah akan menemuinya dengan segunung keampunan setimpal dengan itu,
Maha Suci Allah yang maha luas keampunanNya

وكذلك التواب من أوصافه ... والتواب في أوصافه نوعان

Demikianlah Tuhan yang Maha Penerima Taubat dengan segala sifat-sifatNya,
Maha Penerima taubat pada sifatnya merangkumi dua keadaan

إذن بتوبة عبده وقبولها ... بعد المتاب بمنة المنان

(Pertama) Menerima taubat hambaNya,
selepas (Kedua) Penyesalan hamba dengan kurnia daripada Tuhan yang Maha Memberi.

Al-Karim

قَالَ الَّذِي عِنْدَهُ عِلْمٌ مِنَ الْكِتَابِ أَنَا آتِيكَ بِهِ قَبْلَ أَنْ يَرْتَدَّ إِلَيْكَ طَرْفُكَ فَلَمَّا رَآهُ مُسْتَقِرًّا عِنْدَهُ قَالَ هَذَا مِنْ فَضْلِ رَبِّي لِيَبْلُوَنِي أَأَشْكُرُ أَمْ أَكْفُرُ وَمَنْ شَكَرَ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ رَبِّي غَنِيٌّ كَرِيمٌ (4)

Berkatalah seorang yang mempunyai ilmu daripada Al Kitab: Aku akan membawa singgahsana itu kepadamu sebelum matamu berkelip. Tatkala Nabi Sulaiman melihat singgahsana itu terletak di hadapannya, beliau pun berkata: Ini termasuk kurniaan Tuhanku untuk menguji aku; Adakah aku bersyukur atau mengkufuri (nikmatNya). Sesiapa yang bersyukur, sesungguhnya dia telah bersyukur untuk dirinya sendiri dan barangsiapa yang ingkar, sesungguhnya Tuhanku Maha Kaya lagi Maha Mulia. [an-Naml : 40]

يَا أَيُّهَا الْإِنْسَانُ مَا غَرَّكَ بِرَبِّكَ الْكَرِيمِ (6)

Wahai manusia, apakah yang telah memperdayakan kamu (untuk ingar) terhadap Tuhanmu Yang Maha Pemurah. [al-Infithar : 6]

Shaikh Abdul Razzaq menerangkan di dalam Fiqh al-Asma' al-Husna:

الكريم: هو الكثير الخير العظيم النفع، وهو من كل شيء أحسنه وأفضله، والله سبحانه وصف نفسه بالكرم.

Al-Karim (Pemurah): Iaitu kebaikan yang banyak, agung dan bermanfaat. Ia merupakan yang terbaik daripada segala sesuatu. Allah telah mensifatkan diriNya dengan sifat Pemurah.[51]

[51] Fiqh al-Asma' al-Husna, m/s 186

Shaikh Abdul Razzaq menyenaraikan pelbagai maksud Al-Karim yang para ulama senaraikan antaranya[52]:

1) Banyaknya kebaikan dan pemberian – Siapakah yang memiliki lebih banyak kebaikan berbanding Allah? Yang mana kekuasaanNya dan pemberianNya meluas sebagaimana telah dihuraikan dalam nama Allah ar-Rahman yang bermaksud 'rahmatnya untuk seluruh makhluk di dunia tidak kira mukmin atau kafir'. Bahkan semua kebaikan berada di tangannya
2) Kebaikan yang berterusan – Ini hanya dimiliki oleh Allah sahaja yang berterusan memberikan kurniaan kepada hamba-hambaNya. Kebaikan manusia kepada kita akan berhenti apabila mereka mati, sedangkan kebaikan dan rahmat Allah berterusan sehingga hari kiamat.
3) Kemuliaan dan kedudukan yang tinggi – Hanya Allah yang memiliki kedudukan ini dan tiada seorang hamba pun mampu untuk mencapat sifat-sifat kesempurnaan seperti Allah.
4) Suci daripada kekurangan dan kecacatan – Hanya Allah yang memiliki sifat kemuliaan sebegini yang mana tidak ada sedikit pun kekurangan pada dirinya.
5) Pemberi nikmat dan kurniaan – Semua nikmat yang ada di langit dan di bumi adalah milik Allah. Dia memberikan kepada sesiapa sahaja yang Dia kehendaki.
6) Yang memberi tanpa balasan – Ia hanya dimiliki oleh Allah. Majikan memberi gaji dengan balasan si pekerja akan bekerja, pekerja bekerja dengan tujuan mendapat gaji.
7) Yang memberi tanpa sebab – Allah sering kali memberi kurniaanNya tanpa kita meminta. Pernahkah kita meminta oksigen? Tetapi Allah tetap memberi oksigen kepada kita. Pernahkah kita meminta untuk dilahirkan? Tetapi kita akhirnya hidup di dunia.
8) Memberi kepada yang memerlukan dan yang tidak memerlukan – Allah memberi kepada hamba-hambaNya bukan sekadar keperluan mereka, bukan sekadar apa yang mereka minta, tetapi lebih daripada itu
9) Apabila berjanji Dia mengotakan janjiNya – Makhluk apabila berjanji adakalanya mampu menepatinya, dan adakalanya ada keuzuran sehingga tidak mampu menepatinya. Sedangkan apabila Allah berjanji, tiada siapa dapat menghalangNya daripada menepati janjiNya.
10) Yang diangkat kepadaNya segala hajat, besar atau pun kecil. Itulah Allah.
11) Yang tidak akan mensia-siakan sesiapa sahaja yang meminta kepadaNya. Tidak seperti manusia yang kadang-kala tidak akan melayan permintaan kita.
12) Yang mengampuni segala dosa, dan memaafkan segala kesalahan.

[52] Ringkasan dan tambahan daripada Fiqh al- Asma' al-Husna, m/s 187-188

As-Salam

Nama ini hanya disebut dalam al-Quran sebanyak sekali sahaja.

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ (23)

Dialah Allah Yang tiada Tuhan (yang berhak disembah) selain Dia, Raja, Yang Maha Suci, **Yang Maha Sejahtera**, Yang Mengurniakan keamanan, Yang Maha Memelihara, Yang Maha Perkasa, Yang Maha Kuasa, Yang Memiliki segala keagungan, Maha Suci Allah dari apa yang mereka persekutukan. (23) [al-Hasyr : 23]

Shaikh Abdul Razzaq berkata:

السلام من جميع العيوب والنقائص، لكماله في ذاته وصفاته وأفعاله، فهو جل وعلا السلام الحق بكل اعتبار

Al-Salam: (Iaitu Yang Maha Sejahtera) daripada segala keaiban dan kekurangan kerana kesempurnaan zat, sifat dan perbuatanNya. Dia Yang Maha Tinggi itu Maha Sejahtera (daripada sebarang keaiban) dalam segala aspek.[53]

Ibn al-Qayyim berkata dalam Badai' al-Fawaid:

ولذلك إذا نظرت إلى أفراد صفات كماله وجدت كل صفة سلاما مما يضاد كمالها فحياته سلام من الموت ومن السنة والنوم وكذلك قيوميته وقدرته سلام من التعب واللغوب وعلمه سلام من عزوب شيء عنه أو عروض نسيان أو حاجة إلى تذكر وتفكر وإرادته سلام من خروجها عن الحكمة والمصلحة وكلماته سلام من الكذب والظلم بل تمت كلماته صدقا وعدلا وغناه سلام من الحاجة إلى غيره بوجه ما بل كل ما سواه محتاج إليه وهو غني عن كل ما سواه وملكه سلام من منازع فيه أو مشارك أو معاون مظاهر أو شافع عنده بدون إذنه وإلاهيته سلام من مشارك له فيها بل هو الله الذي لا إله إلا هو.

Jika engkau melihat kepada satu sifat daripada sifat-sifat kesempurnaan Allah, engkau akan mendapati ia sejahtera daripada sifat yang berlawanan dengan kesempurnaanNya. Sifat HidupNya sejahtera daripada sifat mati, sejahtera daripada sifat mengantuk, sejahtera daripada sifat tidur. Sifat berdiriNya dengan sendiri dan kekuasaanNya sejahtera daripada sifat penat, dan letih. Sifat mengetahuiNya sejahtera daripada tersembunyinya sesuatu daripadaNya, sejahtera daripada sifat lupa, sejahtera daripada sifat perlu berfikir. Sifat berkehendakNya sejahtera daripada terkeluar daripada hikmah dan maslahah. Kata-kata Allah sejahtera daripada pendustaan, kezaliman, bahkan perkataanNya telah sempurna dengan kebenaran, keadilan. Sifat kayaNya sejahtera daripada berhajat kepada makhluk-makhlukNya, bahkan yang selainNya itulah

[53] Fiqh al-Asma' al-Husna, m/s 190

yang memerlukan kepada Dia, Dia Maha Kaya daripada memerlukan kepada selainNya. PemerintahanNya sejahtera daripada pihak yang menentang atau yang bersekutu atau yang mahu menolong, atau memberi syafaat di sisiNya tanpa keizinanNya. Sifat uluhiyyah (yang layak disembah) sejahtera daripada sekutu padaNya, bahkan Allah lah yang tiada yang berhak disembah selainNya. [54]

Nama as-Salam juga bermaksud Allah adalah pemilik ucapan salam, yang memberikan salam/ucapan sejahtera kepada hamba-hambaNya:

قُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ وَسَلَامٌ عَلَى عِبَادِهِ الَّذِينَ اصْطَفَى آللَّهُ خَيْرٌ أَمَّا يُشْرِكُونَ (59)

Katakanlah: Segala puji bagi Allah dan kesejahteraan atas hamba-hamba-Nya yang dipilih-Nya. Apakah Allah yang lebih baik, atau apa yang mereka persekutukan dengan Dia (itu lebih baik)? [An-Naml : 59]

سَلَامٌ عَلَى نُوحٍ فِي الْعَالَمِينَ (79)

Kesejahteraan dilimpahkan atas Nuh di seluruh alam.[As-Soffat : 79]

تَحِيَّتُهُمْ يَوْمَ يَلْقَوْنَهُ سَلَامٌ وَأَعَدَّ لَهُمْ أَجْرًا كَرِيمًا (44)

Ucapan penghormatan kepada mereka (iaitu orang-orang beriman) pada hari mereka menemui-Nya ialah: Salam; dan Dia menyediakan pahala yang mulia bagi mereka. [Al-Ahzab : 44]

Oleh kerana itu, salah satu cara untuk mempraktiskan dan beriman dengan nama Allah as-Salam ialah dengan kita sendiri sering memberi salam kepada orang lain. Jika Allah yang Maha Mulia pun memberikan salam kepada hamba-hambaNya, maka kita pun perlu melakukannya.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " لَا تَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ حَتَّى تُؤْمِنُوا ، وَلَا تُؤْمِنُوا حَتَّى تَحَابُّوا، أَوَلَا أَدُلُّكُمْ عَلَى شَيْءٍ إِذَا فَعَلْتُمُوهُ تَحَابَبْتُمْ ، أَفْشُوا السَّلَامَ بَيْنَكُمْ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Kalian tidak akan masuk ke syurga sehingga kalian beriman. Kalian tidak akan beriman sehingga kalian saling mencintai. Mahukah kalian aku memberitahu tentang sesuatu yang jika kalian beramal dengannya, maka kalian akan saling mencintai. Sebarkanlah salam sesama kalian.[Sahih Muslim, Kitab al-Iman, hadis no: 84]

Imam Ibn al-Qayyim menyebutkan dalam Qasidah an-Nuniyyah[55]:

هذا ومن أوصافه القدوس ذو الت ... ـنزيه بالتعظيم للرحمن

Inilah dia daripada sifat-sifatNya yang Maha suci, yang memiliki

[54] Badai’ al-Fawaid, Jilid 2, m/s 363
[55] Qasidah an-Nuniyyah, Jilid 1, m/s 210

Kesucian dan Keagungan untuk ar-Rahman

وهو السلام على الحقيقة سالم ... من كل تمثيل ومن نقصان

Dia lah As-Salam pada hakikatnya, yang sejahtera

daripada segala persamaan dan kekurangan

Antara nama lain yang mempunyai maksud yang hampir sama dengan as-Salam ialah al-Quddus dan as-Subbuh.

Al-Quddus dan As-Subbuh

يُسَبِّحُ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ الْمَلِكِ الْقُدُّوسِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ (1)

Senantiasa bertasbih kepada Allah apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi. Raja, Yang Maha Suci, Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. [al-Jumu'ah : 1]

عَنْ مُطَرِّفِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الشِّخِّيرِ ، أَنَّ عَائِشَةَ نَبَّأَتْهُ ، " أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، كَانَ يَقُولُ فِي رُكُوعِهِ وَسُجُودِهِ : سُبُّوحٌ قُدُّوسٌ ، رَبُّ الْمَلَائِكَةِ وَالرُّوحِ

Muthorrif bin 'Abdullah meriwayatkan bahawa 'Aisyah radiallahu 'anha memberitahu kepadanya bahawa Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam sering membaca di dalam ruku' dan sujudnya: Engkaulah yang Paling Mulia dan Paling Suci. Tuhan kepada semua malaikat dan malaikat Jibril. [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 757]

Shaikh Abdul Razzaq menyatakan:

{السبوح القدوس} اسمان عظيمان دالّان على تنزيه الله عن النقائص والعيوب، وتبرأته عن كل ما يضاد كماله وينافي عظمته، كالسنة والنوم واللغوب والوالد والولد وغيرها، وعن أن يشبهه أحد من خلقه أو أن يشبه هو أحدا من خلقه، تعالى وتقدس وتنزه عن الشبيه والنظير والمثال {{ لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ (11) }}

As-Subbuh Al-Quddus: Dua nama yang agung yang menunjukkan kepada sucinya Allah daripada segala kekurangan dan keaiban. Dia terlepas daripada segala apa yang bertentangan dengan kesempurnaanNya dan segala apa yang bertentangan dengan keagunganNya seperti sifat mengantuk, tidur, penat, melahirkan, dilahirkan dan selainnya. Ia juga maha suci daripada diserupai oleh mana-mana makhlukNya atau menyerupai mana-mana makhlukNya. Dia Maha Tinggi, Suci daripada segala bentuk persamaan, tandingan dan permisalan. Allah berfirman: Tidak ada sesuatu pun yang sama denganNya. Dia Maha Mendengar dan Melihat. [Al-Syura : 11][56]

[56] Fiqh al-Asma' al-Husna, m/s 194

Ini merupakan asas akidah Islam yang membezakan kita dengan agama-agama lain yang telah memberikan sifat kesempurnaan Allah kepada makhluk-makhluk, dan lebih jelek lagi ada yang memberikan sifat-sifat makhluk kepada Allah.

Antara cara beribadah dengan nama Allah as-Subbuh dan al-Quddus ini ialah dengan membanyakkan bertasbih kepada Allah. Tasbih merupakan satu zikir harian yang diamalkan oleh Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam. Terdapat pelbagai lafaz tasbih yang diriwayatkan daripada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam, yang paling popular ialah lafaz “Subhanallah” yang kita amalkan setiap hari selepas mendirikan solat.

Berzikir dengan mensucikan Allah iaitu tasbih merupakan antara amalan yang sangat Allah cinta. Hadis terakhir dalam Sahih al-Bukhari disebutkan perkara ini:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " كَلِمَتَانِ حَبِيبَتَانِ إِلَى الرَّحْمَنِ خَفِيفَتَانِ عَلَى اللِّسَانِ ، ثَقِيلَتَانِ فِي الْمِيزَانِ ، سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ ، سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Dua perkataan yang dicintai ar-Rahman, ia ringan di atas lidah, ia berat di timbangan al-Mizan: Maha Suci Allah, segala puji untukNya,Maha Suci Allah Yang Agung. [Sahih al-Bukhari, Kitab at-Tauhid, hadis no: 7031]

Bahkan, bukan hanya manusia yang bertasbih kepada Allah, bahkan semua makhluk bertasbih kepada Allah dengan cara mereka yang tersendiri.

تُسَبِّحُ لَهُ السَّمَاوَاتُ السَّبْعُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ وَلَكِنْ لَا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ إِنَّهُ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا (44)

Langit yang tujuh, bumi dan semua yang ada di dalamnya bertasbih kepada Allah. Dan tidak ada suatupun melainkan bertasbih dengan memujiNya, tetapi kamu sekalian tidak memahami tasbih mereka. Sesungguhnya Dia adalah Maha Penyantun lagi Maha Pengampun. [Al-Isra’ : 44]

Al-Hamid, Al-Majid

يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَنْتُمُ الْفُقَرَاءُ إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ (15)

Hai manusia, kamulah yang berkehendak kepada Allah; dan Allah Dia-lah Yang Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) lagi Maha Terpuji. [Fathir : 15]

وَهُدُوا إِلَى الطَّيِّبِ مِنَ الْقَوْلِ وَهُدُوا إِلَى صِرَاطِ الْحَمِيدِ (24)

Dan mereka diberi petunjuk kepada ucapan-ucapan yang baik dan ditunjuki [pula] kepada jalan Yang Maha Terpuji. [Al-Hajj : 24]

وَلَقَدْ آتَيْنَا لُقْمَانَ الْحِكْمَةَ أَنِ اشْكُرْ لِلَّهِ وَمَنْ يَشْكُرْ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ (12)

Dan sesungguhnya telah Kami berikan hikmah kepada Luqman, iaitu: Bersyukurlah kepada Allah. Sesiapa yang bersyukur (kepada Allah), maka sesungguhnya dia bersyukur untuk dirinya sendiri; dan sesiapa yang tidak bersyukur, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji.[Luqman : 12]

Ibn Taimiyyah berkata:

وَ " الْحَمْدُ نَوْعَانِ " : حَمْدٌ عَلَى إحْسَانِهِ إلَى عِبَادِهِ . وَهُوَ مِنْ الشُّكْرِ ؛ وَحَمْدٌ لِمَا يَسْتَحِقُّهُ هُوَ بِنَفْسِهِ مِنْ نُعُوتِ كَمَالِهِ وَهَذَا الْحَمْدُ لَا يَكُونُ إلَّا عَلَى مَا هُوَ فِي نَفْسِهِ مُسْتَحِقٌّ لِلْحَمْدِ وَإِنَّمَا يَسْتَحِقُّ ذَلِكَ مَنْ هُوَ مُتَّصِفٌ بِصِفَاتِ الْكَمَالِ.

Pujian itu ada dua jenis. Pertama pujian di atas ihsanNya kepada hamba-hambaNya. Ini merupakan sebahagian daripada syukur. (Kedua) Pujian yang Dia berhak mendapatkannya yang berupa sifat-sifat kesempurnaanNya. Ini merupakan pujian yang tidak akan wujud melainkan kepada empunya diri yang berhak kepada pujian itu. Sesungguhnya yang berhak kepada pujian itu ialah yang bersifat dengan sifat kesempurnaan.[57]

Pujian dalam bentuk pertama itu adalah satu perkara yang sangat perlu kita renungi. Pernahkah kita amati betapa luasnya nikmat Allah kepada kita sehingga nikmat-nikmat yang tidak pernah kita minta pun diberikan kepada kita?

Pernah kita meminta diberikan oksigen? Tetapi setiap hari kita menikmatinya.

Pernahkah kita meminta dilahirkan sebagai Muslim, tetapi ramai daripada kita mendapat nikmat iman sejak lahir lagi.

Setiap hari kita memuji Allah di dalam solat kita. Ketika kita membaca ayat yang kedua surah al-Fatihah.

Ulama tafsir menyatakan tentang penggunaan Alif Lam dalam ayat kedua surah al-Fatihah itu, Shaikh Muhammad Al-Amin bin Mukhtar al-Shanqitee menghuraikan dalam Adhwa’ al-Bayan:

وَالْأَلِفُ وَاللَّامُ فِي (الْحَمْدُ) لِاسْتِغْرَاقِ جَمِيعِ الْمَحَامِدِ . وَهُوَ ثَنَاءٌ أَثْنَى بِهِ تَعَالَى عَلَى نَفْسِهِ وَفِي ضِمْنِهِ أَمَرَ عِبَادَهُ أَنْ يُثْنُوا عَلَيْهِ بِهِ.

Penggunaan Alif Lam menunjukkan ia merangkumi semua bentuk pujian. Ini merupakan pujian Allah ke atas diriNya sendiri, dan ia mengandungi arahan kepada hamba-hambaNya untuk memuji Allah.

Kelebihan Alhamdulillah:

[57] Majmu’ al-Fatawa, jilid 6, m/s 84

سَمِعْتُ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ، يَقُولُ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ـ صلى الله عليه وسلم ـ يَقُولُ " أَفْضَلُ الذِّكْرِ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَأَفْضَلُ الدُّعَاءِ الْحَمْدُ لِلَّهِ

Jabir bin ‘Abdullah radiallahu ‘anhu berkata: Aku mendengar Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sebaik-baik zikir ialah tiada tuhan berhak disembah selain Allah, dan sebaik-baik doa ialah Alhamdulillah.

[Sunan Ibn Majah, Kitab al-Adab, hadis no: 3800, hasan]

عَنْ أَنَسٍ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ـ صلى الله عليه وسلم ـ " مَا أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَى عَبْدٍ نِعْمَةً فَقَالَ الْحَمْدُ لِلَّهِ ‏.‏ إِلاَّ كَانَ الَّذِي أَعْطَاهُ أَفْضَلَ مِمَّا أَخَذَ

Anas bin Malik radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Tidaklah Allah memberi nikmat kepada seseorang, lalu dia menyebut Alhamdulillah, melainkan apa yang dia beri (iaitu ucapan Alhamdulillah itu) lebih besar daripada apa yang dia dapat.

[Sunan Ibn Majah, Kitab al-Adab, hadis no: 3805]

Imam Ibn Kathir menukilkan perkataan Imam al-Qurtubi:

قال القرطبي وغيره: أي لكان إلهامه الحمد لله أكبر نعمة عليه من نعم الدنيا؛ لأن ثواب الحمد لا يفنى ونعيم الدنيا لا يبقى

Imam al-Qurtubi dan selainnya berkata: Ini kerana ilham yang diberikan kepadanya untuk mengucapkan Alhamdulillah adalah lebih besar daripada nikmat dunia. Ini kerana pahala mengucapkan Alhamdulillah itu tidak akan hilang, manakala nikmat dunia akan hilang.

Cara bersyukur kepada Allah ialah dengan melakukan segala apa yang disuruh, dengan beribadah kepadaNya. Lihat bagaimana firman Allah dalam surah an-Nasr:

إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ (1) وَرَأَيْتَ النَّاسَ يَدْخُلُونَ فِي دِينِ اللَّهِ أَفْوَاجًا (2) فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَاسْتَغْفِرْهُ إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا (3)

Apabila telah datang pertolongan Allah dan kemenangan. (1) Dan kamu lihat manusia masuk agama Allah dengan beramai-ramai(2) maka bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu dan mohonlah ampun kepada-Nya. Sesungguhnya Dia adalah Maha Penerima taubat. (3) [an-Nasr : 1-3]

Dalam ayat di atas Allah memulakan dengan menceritakan nikmat-nikmat kemenangan yang diberikan kepada umat Islam. Lalu pada ayat ketiga Allah menyuruh pula mereka beribadah kepadaNya dengan cara bertasbih, dan bertaubat.

Bersyukur Itu Sendiri Adalah Nikmat Allah

Kita sering lupa bahawa perasaan syukur itu sendiri nikmat daripada Allah. Berapa ramai manusia yang diberikan nikmat oleh Allah, tetapi mereka tidak bersyukur kepada Allah.

Allah memberi kita nikmat dalam bentuk keduniaan (nikmat 1 dalam bentuk keduniaan)

Lalu kita diberikan kekuatan untuk bersyukur dengan mengucapkan alhamdulillah (nikmat 2 dalam bentuk hidayah)

Lalu kita diberikan pahala untuk syukur itu (ini nikmat 3 dalam bentuk pahala).

Benarlah janji Allah:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Apabila Tuhan kalian menyatakan: Jika kalian bersyukur, nescaya Aku tambah untuk kalian, jika kalian kufur, sesungguhnya azab ku amatlah pedih [Ibrahim : 7]

Nikmat Yang Sering Dilupai

Iaitu nikmat Iman dan Islam. Adakah kita telah mensyukuri nikmat ini?

Imam Ibn Rajab al-Hanbali menyatakan:

فلا نعمة أعظم من مغفرة الذنوب [كان النبي صلى الله عليه و سلم يقوم حتى تتورم قدماه فيقال له : أتفعل هذا و قد غفر الله لك ماتقدم من ذنبك و ما تأخر ؟ فيقول : أفلا أكون عبدا شكورا]

Tiada nikmat yang lebih besar daripada nikmat diampuninya dosa-dosa yang telah dilakukan. Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam sering bangun mendirikan solat di waktu malam sehingga bengkak-bengkak kakinya, lalu dikatakan kepada baginda sallallahu ‘alaihi wasallam: Kenapa engkau lakukan semua ini sedangkan Allah telah mengampuni dosa mu yang lalu dan yang akan datang. Jawab baginda sallallahu ‘alaihi wasallam: Adakah salah aku menjadi hamba yang bersyukur?

كان بعض السلف إذا وفق لقيام ليلة من الليالي أصبح في نهاره صائما و يجعل صيامه شكرا للتوفيق للقيام و كان وهب بن الورد يسئل عن ثواب شيء من الأعمال كالطواف و نحوه ؟ فيقول : لا تسألوا عن ثوابه و لكن اسألوا ما الذي على من وفق لهذا العمل من الشكر للتوفيق و الإعانة عليه

Sebahagian generasi salaf (tiga generasi awal Islam) apabila mereka berjaya bangun malam (untuk beribadah), mereka akan bangun pagi dan berpuasa pada siangnya. Puasa itu dijadikan sebagai tanda kesyukuran di atas petunjuk yang membolehkan mereka bangun (beribadah) di waktu malam. Pada suatu hari, Wahab bin al-Warid ditanya tentang pahala untuk amalan seperti tawaf dan sebagainya. Lalu dia menjawab: Jangan kalian tanya tentang pahalanya. Sebaliknya tanyalah

apa yang patut dilakukan oleh orang yang berjaya melakukan ibadah tersebut sebagai tanda bersyukur di atas petunjuk dan bantuan (Allah) untuk melaksanakan (ibadah tersebut). [58]

Salah satu cara bersyukur kepada nikmat hidayah yang Allah berikan ialah dengan berusaha membawa hidayah kepada orang lain, iaitu dengan melakukan kerja-kerja dakwah. Tatkala kita berusaha membawa hidayah kepada orang lain, Insya-Allah, Allah akan menambah hidayah kepada kita.

Al-Syakur, Al-Syakir

Nama seterusnya Al-Syakur dan Al-Syakir seolah-olah membawakan aspek yang sama dengan Al-Hamid, tetapi daripada sudut lain ia lebih istimewa kerana ia menunjukkan keunikan sifat Allah iaitu Tuhan Yang Bersyukur.

لِيُوَفِّيَهُمْ أُجُورَهُمْ وَيَزِيدَهُمْ مِنْ فَضْلِهِ إِنَّهُ غَفُورٌ شَكُورٌ (30)

Agar Allah menyempurnakan kepada mereka pahala mereka dan menambah kepada mereka daripada kurnianNya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mensyukuri [Fatir : 30]

ذَلِكَ الَّذِي يُبَشِّرُ اللَّهُ عِبَادَهُ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ قُلْ لَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا إِلَّا الْمَوَدَّةَ فِي الْقُرْبَى وَمَنْ يَقْتَرِفْ حَسَنَةً نَزِدْ لَهُ فِيهَا حُسْنًا إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ شَكُورٌ (23)

Itulah (kurniaan) yang [dengan itu] Allah menggembirakan hamba-hamba-Nya yang beriman dan melakukan amal soleh. Katakanlah: Aku tidak meminta kepadamu sesuatu upahpun atas seruanku kecuali kasih sayang dalam kekeluargaan. Dan sesiapa yang mengerjakan kebaikan akan Kami tambahkan baginya kebaikan pada kebaikannya itu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mensyukuri [Al-Syura : 23]

إِنْ تُقْرِضُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا يُضَاعِفْهُ لَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ وَاللَّهُ شَكُورٌ حَلِيمٌ (17)

Jika kamu meminjamkan kepada Allah pinjaman yang baik, nescaya Allah melipat gandakan [pembalasannya] kepadamu dan mengampuni kamu. Dan Allah Maha Bersyukur lagi Maha Penyantun. [At-Taghabun : 17]

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوِ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ (158)

Sesungguhnya Shafaa dan Marwah adalah sebahagian daripada syi'ar Allah. Sesiapa yang beribadat haji ke Baitullah atau ber-'umrah, maka tidak ada dosa baginya mengerjakan sa'i antara keduanya. Dan barangsiapa yang mengerjakan suatu kebajikan dengan kerelaan hati, maka sesungguhnya Allah Maha Mensyukuri kebaikan lagi Maha Mengetahui. [Al-Baqarah : 158]

[58] Ringkasan daripada kata-kata Ibn Rajab al-Hanbali dalam Lathoif al-Ma'arif m/s 190-191

Shaikh ‘Abdul Razzaq berkata:

الشكور الشاكر: هو الذي لا يضيع عنده عمل عامل، بل يضاعف الأجر بلا حسبان، الذي يقبل اليسير من العمل، ويثيب عليه الثواب الكثير والعطاء الجزيل، والنوال الواسع، الذي يضاعف للمخلصين أعمالهم بغير حساب، ويشكر الشاكرين، ويذكر الذاكرين، ومن تقرب إليه شبرا تقرب إليه ذراعًا،ومن تقرب إليه ذراعا تقرب إليه باعا، ومن جاءه بالحسنة زاد له فيها حسنا، وآتاه من لدنه أجرا عظيما.

Al-Syakur Al-Syakir: (Ia bermaksud) Yang tidak akan mensia-siakan amalan orang yang beramal. Bahkan Dia akan menggandakan jumlah balasan pahala tanpa batasan. Dia lah yang menerima amalan yang sedikit, lalu membalasnya dengan ganjaran yang banyak, pemberian yang banyak dan luas. Yang melipatgandakan bagi orang-orang yang ikhlas (pahala) amalan mereka tanpa batasan. Yang Mensyukuri orang-orang yang bersyukur, yang mengingati orang-orang yang mengingatiNya. Sesiapa yang mendekatkan diri kepadaNya dengan sejengkal, Dia akan mendekatkan diriNya kepada orang itu sehasta. Sesiapa yang mendekatkan diri kepadaNya dengan sehasta, maka Dia akan mendekatkan diriNya kepada orang itu sedepa. Sesiapa yang datang kepadaNya dengan kebaikan, maka Dia menambahkan kepada orang itu kebaikan, dan memberikan kepadaNya ganjaran yang besar.[59]

Imam Ibn al-Qayyim berkata:

وأما شكر الرب تعالى فله شأن آخر كشأن صبره فهو أولى بصفة الشكر من كل شكور بل هو الشكور على الحقيقة فإنه يعطى العبد ويوفقه لما يشكره عليه ويشكر القليل من العمل والعطاء فلا يستقله أن يشكره ويشكر الحسنة بعشر أمثالها الى أضعاف مضاعفة ويشكر عبده بقوله بأن يثنى عليه بين ملائكته وفى ملئه الأعلى ويلقى له الشكر بين عباده ويشكره بفعله فإذا ترك له شيئا أعطاه أفضل منه وإذا بذل له شيئا رده عليه أضعافا مضاعفة وهو الذى وفقه للترك والبذل وشكره على هذا وذاك.

Adapun syukur nya Allah itu sesuatu yang lain, sebagaimana kesabaranNya. Dialah yang paling berhak mendapatkan sifat syukur berbanding hamba-hamba lain yang banyak bersyukur pada hakikatnya. Sesungguhnya Dia memberikan kepada hambaNya dan memberi hidayah kepadanya untuk bersyukur kepadaNya. Dia Bersyukur dengan amalan dan pemberian yang sedikit (daripada hamba-hambaNya). Dia bersyukur kepada satu kebaikan dengan membalas sepuluh kali ganda sehingga berganda-ganda ganjaran. Dia bersyukur kepada hambaNya dengan memuji hambaNya di hadapan para malaikat, di tempat yang tinggi, dan di hadapan hamba-hambaNya. Dia Mensyukuri perbuatan hambaNya apabila mereka meninggalkan sesuatu, lalu dia memberikan kepada mereka sesuatu yang lebih besar, apabila hambaNya melakukan sesuatu keranaNya, maka Dia Membalas dengan berganda-ganda. Dia lah yang memberikan hidayah kepada seorang hamba

[59] Fiqh al-Asma’ al-Husna, m/s 206

untuk meninggalkan (perkara yang dilarang), melakukan (apa yang disuruh) dan bersyukur atas segala perkara.[60]

Kemudian Ibn al-Qayyim menyenaraikan contoh-contoh hal ini antaranya:

- Allah membalas di dunia kebaikan yang dilakukan oleh manusia yang kufur walaupun boleh jadi pelaku itu adalah manusia yang dibenci.

- Mengampuni dosa wanita pelacur hanya disebabkan sedikit amal kebaikannya iaitu memberi minum anjing yang kehausan

- Mengeluarkan manusia daripada api neraka hanya disebabkan ada sedikit kebaikan pada dirinya

Al-Halim

إِنَّ اللَّهَ يُمْسِكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ أَنْ تَزُولَا وَلَئِنْ زَالَتَا إِنْ أَمْسَكَهُمَا مِنْ أَحَدٍ مِنْ بَعْدِهِ إِنَّهُ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا (41)

Sesungguhnya Allah menahan langit dan bumi supaya jangan lenyap; dan sungguh jika keduanya akan lenyap tidak ada seorangpun yang dapat menahan keduanya selain Allah. Sesungguhnya Dia adalah Maha Penyantun lagi Maha Pengampun. [Fathir : 41]

وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا فِي قُلُوبِكُمْ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَلِيمًا (51)

Dan Allah mengetahui apa yang [tersimpan] dalam hatimu. Dan adalah Allah Maha Mengetahui lagi Maha Penyantun [Al-Ahzab : 51]

Shaikh 'Abdul Razzaq berkata:

أي: الذي لا يعجل على عباده بعقوبتهم على ذنوبهم ومعاصيهم، يرى عباده وهم يكفرون به ويعصونه، وهو يحلم عليهم فيؤخر وينظر ويؤجل ولا يعجل، ويوالي النعم عليهم مع معاصيهم وكثرة ذنوبهم وزلاتهم، فيحلم عن مقابلة العاصين بعصيانهم، ويمهلهم كي يتوبوا، ولا يعاجلهم بالعقوبة كي ينيبوا ويرجعوا

Yang tidak tergesa-gesa menghukum hamba-hambaNya disebabkan dosa-dosa dan maksiat-maksiat mereka. Dia Melihat hamba-hambaNya mengkufuri dan melakukan maksiat kepadaNya. Tetapi Dia bersikap santun kepada mereka, menangguhkan (hukuman) ke atas mereka, Dia melihat, enangguhkan dan tidak tergesa-gesa. Bahkan Dia memberikan nikmat kepada mereka walaupun mereka banyak melakukan maksiat, dosa dan kesalahan. Dia bersikap santun dan tidak terus membalas kepada pelaku maksiat disebabkan maksiat mereka. Dia memberikan tempoh

[60] 'Uddah as-Sobirin, m/s 280-281

masa agar mereka bertaubat. Dia tidak menyegerakan hukuman agar mereka bertaubat dan kembali (kepadaNya).[61]

Sifat lemah lembut Allah ini tidak lah menafikan sifat perkasaNya. Firman Allah:

وَلَوْ يُؤَاخِذُ اللَّهُ النَّاسَ بِظُلْمِهِمْ مَا تَرَكَ عَلَيْهَا مِنْ دَابَّةٍ وَلَكِنْ يُؤَخِّرُهُمْ إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى فَإِذَا جَاءَ أَجَلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ (61)

Jikalau Allah menghukum manusia kerana kezalimannya, nescaya tidak akan ditinggalkan-Nya di muka bumi sesuatupun daripada makhluk yang melata, tetapi Allah menangguhkan mereka sampai kepada waktu yang ditentukan. Maka apabila telah tiba waktu [yang ditentukan] bagi mereka, tidaklah mereka dapat mengundurkannya sesaatpun dan tidak [pula] mempercepatkannya. [An-Nahl : 61]

وَرَبُّكَ الْغَفُورُ ذُو الرَّحْمَةِ لَوْ يُؤَاخِذُهُمْ بِمَا كَسَبُوا لَعَجَّلَ لَهُمُ الْعَذَابَ بَلْ لَهُمْ مَوْعِدٌ لَنْ يَجِدُوا مِنْ دُونِهِ مَوْئِلًا (58)

Dan Tuhanmulah Yang Maha Pengampun, lagi mempunyai rahmat. Jika Dia mengazab mereka kerana perbuatan mereka, tentu Dia akan menyegerakan azab bagi mereka. Tetapi bagi mereka ada waktu yang tertentu [untuk mendapat azab] yang mereka sekali-kali tidak akan menemui tempat berlindung daripadanya. [Al-Kahf : 58]

Bahkan sifat Al-Halim/Lembut Allah ini tampak jelas di dunia lagi. Bagaimana Dia tetap mengurniakan nikmatNya kepada manusia-manusia yang melakukan perkara paling keji iaitu syirik, dan menisbahkan kepada Allah, sifat-sifat yang tidak layak untuk Allah.

عَنْ أَبِي مُوسَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " لَيْسَ أَحَدٌ أَوْ لَيْسَ شَيْءٌ أَصْبَرَ عَلَى أَذًى سَمِعَهُ مِنَ اللَّهِ ، إِنَّهُمْ لَيَدْعُونَ لَهُ وَلَدًا وَإِنَّهُ لَيُعَافِيهِمْ وَيَرْزُقُهُمْ

Abu Musa radiallahu ;anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Tiada siapa yang dapat bersabar atas perkaatan keji yang dia dengar melebihi kesabaran Allah. Sesungguhnya mereka mendakwah Allah mempunyai anak, dan sesungguhnya Dia pula memaafkan mereka memberikan rezeki kepada mereka. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Adab, hadis no: 5661]

Bahkan, Allah turut mengarahkan rasulNya untuk berlembut tatkala bertemu manusia paling zalim iaitu Fir’aun:

اذْهَبَا إِلَى فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَى (43) فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَيِّنًا لَعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَى (44)

Pergilah kamu berdua kepada Fir’aun, sesungguhnya dia telah melampaui batas; (43) maka berbicaralah kamu berdua kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan dia ingat atau takut. (44) [Thaha: 43-44]

[61] Fiqh al-Asma’ al-Husna, m/s 209

Al-Haq, Al-Mubin

فَذَلِكُمُ اللَّهُ رَبُّكُمُ الْحَقُّ فَمَاذَا بَعْدَ الْحَقِّ إِلَّا الضَّلَالُ فَأَنَّى تُصْرَفُونَ (32)

Maka [Zat yang demikian] itulah Allah Tuhan kamu yang sebenarnya; maka tidak ada sesudah kebenaran itu, melainkan kesesatan. Maka bagaimanakah kamu dipalingkan [daripada kebenaran]? [Yunus : 32]

ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ هُوَ الْبَاطِلُ وَأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْعَلِيُّ الْكَبِيرُ (62)

Yang demikian itu kerana sesungguhnya Allah, Dialah [Tuhan] Yang Haq dan sesungguhnya apa saja yang mereka seru selain Allah, itulah yang bathil, dan sesungguhnya Allah, Dialah Yang Maha Tinggi lagi Maha Besar. [Al-Hajj : 62]

يَوْمَئِذٍ يُوَفِّيهِمُ اللَّهُ دِينَهُمُ الْحَقَّ وَيَعْلَمُونَ أَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ الْمُبِينُ (25)

Di hari itu, Allah akan memberi mereka balasan yang setimpal menurut semestinya, dan tahulah mereka bahawa Allahlah Yang Benar, lagi Yang menjelaskan. [An-Nur : 25]

Shaikh Abdul Razzaq menyatakan tentang maksud Al-Haqq:

(الحق) أي: الذي لا شكّ فيه ولا ريب، لا في ذاته، ولا في أسمائه وصفاته ولا في الوهيته. فهو المعبود بحق ولا معبود بحق سواه.

Al-Haqq ialah yang tiada syak dan keraguan padanya, sama ada pada zatNya, nama-nama dan sifatNya, pada ketuhananNya. Dialah yang benar-benar berhak disembah, dan tiada yang berhak disembah selainNya.[62]

Ini bermaksud bahawa kebenaran Allah itu adalah realiti, ia bukan satu ilusi atau cerita dongengan sahaja. Ia telah disebut dalam banyak dalil-dalil naqli dalam al-Quran dan al-Hadis, dan ia terbukti juga dengan dalil-dalil aqli yang membuktikan bahawa kewujudan alam semesta ini merupakan satu bukti bahawa ada satu pencipta yang mempunyai kuasa yang hebat sehingga mampu mencipta alam yang penuh kompleks ini.

Terdapat sepotong doa iftitah yang dibaca Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam yang menyebutkan nama Allah al-Haq:

عَنْ طَاوُسٍ ، سَمِعَ ابْنَ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا , قَالَ : " كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا قَامَ مِنَ اللَّيْلِ يَتَهَجَّدُ , قَالَ:

[62] Fiqh al-Asma’ al-Husna, m/s 213

Daripada Ibn Abbas Radiallahu ‘anhuma bahawa Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wa sallam apabila bangun malam melakukan solat tahajud, baginda membaca:

اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ قَيِّمُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ ، وَلَكَ الْحَمْدُ لَكَ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ، وَمَنْ فِيهِنَّ وَلَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ، وَلَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ الْحَقُّ ، وَوَعْدُكَ الْحَقُّ ، وَلِقَاؤُكَ حَقٌّ ، وَقَوْلُكَ حَقٌّ ، وَالْجَنَّةُ حَقٌّ ، وَالنَّارُ حَقٌّ ، وَالنَّبِيُّونَ حَقٌّ , وَمُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَقٌّ , وَالسَّاعَةُ حَقٌّ ، اللَّهُمَّ لَكَ أَسْلَمْتُ وَبِكَ آمَنْتُ وَعَلَيْكَ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْكَ أَنَبْتُ وَبِكَ خَاصَمْتُ وَإِلَيْكَ حَاكَمْتُ ، فَاغْفِرْ لِي مَا قَدَّمْتُ وَمَا أَخَّرْتُ وَمَا أَسْرَرْتُ وَمَا أَعْلَنْتُ ، أَنْتَ الْمُقَدِّمُ وَأَنْتَ الْمُؤَخِّرُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ ، أَوْ لَا إِلَهَ غَيْرُكَ

Ya Allah, untukMu segala pujian. Engkaulah yang membangunkan langit dan bumi dan apa yang ada padanya. UntukMu segala pujian, untukMu pemerintahan langin dan bumi dan apa yang ada padanya. UntukMu segala pujian, Engkaulah cahaya langit dan bumi. UntukMu segala pujian, Engkau adalah benar, janjiMu adalah benar, pertemuan denganMu adalah benar, syurga adalah benar, neraka adalah benar, nabi-nabi adalah benar, Muhammad Sallallahu ‘alaihi wa sallam adalah benar, hari kiamat adalah benar. Ya Allah, kepada Engkau aku menyerah diri, dengan Engkau aku beriman, ke atas Engkau aku bertawakkal, kepada Engkau aku bertaubat, dengan Engkau aku berjuang, kepada Engkau aku berhakim, maka ampunilah aku apa-apa yang telah aku lakukan dan akan aku lakukan, apa-apa yang aku sembunyikan dan apa-apa yang aku zahirkan. Engkaulah Yang Pertama dan Yang Terakhir, tiada yang berhak diibadahi selain Engkau [Sahih al-Bukhari, Kitab ad-Da’awat, hadis no: 6317]

Apakah pula maksud al-Mubin:

المبين: المبين لعباده سبيل الرشد، الموضح لهم الأعمال الصالحاة التي ينالون بها الثواب، والاعمال السيئة التي ينالون عليها العقاب. قال تعالى: يُرِيدُ اللَّهُ لِيُبَيِّنَ لَكُمْ وَيَهْدِيَكُمْ سُنَنَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ وَيَتُوبَ عَلَيْكُمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ (26). وقال تعالى: وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِلَّ قَوْمًا بَعْدَ إِذْ هَدَاهُمْ حَتَّى يُبَيِّنَ لَهُمْ مَا يَتَّقُونَ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ (115)

Al-Mubin: Yang Maha Menjelaskan kepada hamba-hambaNya jalan petunjuk. Menerangkan kepada mereka tentang amalan-amalan solet yang mana mereka akan memperolehi pahala dengannya, dan amalan-amalan buruk yang mana mereka akan memperolehi dosa dengannya. Firman Allah: Allah hendak menerangkan [hukum syari’at-Nya] kepadamu, dan menunjukkan kamu kepada jalan-jalan orang yang sebelum kamu dan menerima taubat kamu. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. [an-Nisa’ : 26). Firman Allah lagi: Dan Allah sekali-kali tidak akan menyesatkan sesuatu kaum, sesudah Allah memberi petunjuk kepada mereka hingga dijelaskan-Nya kepada mereka apa yang harus mereka jauhi . Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu. [At-Taubah: 115]

An-Nisa 26, at-Taubah 115

Al-Mubin juga bermaksud seperti Al-Haqq, iaitu kewujudan dan ketuhanan Allah yang benar lagi jelas tanpa sebarang keraguan.

ومن معاني {{المبين}} أي: البين أمره في الوحدنيته، فهو الإله الحق المبين لا شريك له. هذا وقد نوع تبارك وتعالى في كتابه الدلائل والبراهين والحجج والبينات على أنه الإله الحق لا شريك له، وأن الوهية من سواه باطل وضلال، وزيغ وانحلال.

Di antara maksud Al-Mubin ialah: Yang jelas urusan keesaanNya. Dia lah yang berhak disembah yang benar lagi jelas tanpa ada sekutu untukNya. Hal ini telah Allah terangkan berulang kali di dalam kitabNya dengan dalil-dalil dan bukti-bukti, hujah-hujah dan penjelasan-penjelasan bahawa Dia adalah yang berhak disembah sebenar-benarnya, tiada sekutu untukNya, dan ketuhanan pada selainNya adalah bathil dan sesat, menyimpang dan akan musnah.[63]

Kefahaman tentang nama Allah al-Haqq dan al-Mubin ini akan menjelaskan kepada kita bahawa:

1) Pembuktian tentang kewujudan dan keesaan Allah iaitu satu perkara yang benar dan realiti. Bahkan kewujudan Allah diimani oleh majoriti manusia walaupun mereka bukan beragama Islam, tetapi selagi mana mereka beragama mereka memahami bahawa ada satu kuasa hebat yang memerintah dunia ini.

2) Pembuktian tentang hanya Allah yang layak disembah sudah dijelaskan sejelas-jelasnya di dalam al-Quran dan as-Sunnah sehingga tidak ada ruang lagi untuk sesiapa menyatakan bahawa dia tidak faham tentang perkara paling asas dalam Islam iaitu tauhid.

3) Ia juga menunjukkan bahawa ilmu Tauhid adalah ilmu yang jelas dan mudah difahami. Bukannya ilmu yang dipagari dengan konsep-konsep falsafah sehingga masyarakat yang kurang berpendidikan tidak dapat memahami isi tauhid. Seandainya tauhid itu satu ilmu yang berbelit-belit, bagaimana seorang Arab Badwi yang masih kencing di sudut masjid mampu menjadi seorang Muslim? Ini menunjukkan tauhid perkara yang mudah sehingga dapat difahami segenap masyarakat.

Al-Qodir, Al-Muqtadir

وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (284)

Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu. [Al-Baqarah : 284]

إِنَّهُ كَانَ عَلِيمًا قَدِيرًا (44)

Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui dan Berkuasa. [Fathir : 44]

63 Fiqh al-Asma' al-Husna, m/s 214

قُلْ هُوَ الْقَادِرُ عَلَى أَنْ يَبْعَثَ عَلَيْكُمْ عَذَابًا مِنْ فَوْقِكُمْ أَوْ مِنْ تَحْتِ أَرْجُلِكُمْ أَوْ يَلْبِسَكُمْ شِيَعًا وَيُذِيقَ بَعْضَكُمْ بَأْسَ بَعْضٍ انْظُرْ كَيْفَ نُصَرِّفُ الْآيَاتِ لَعَلَّهُمْ يَفْقَهُونَ (65)

Katakanlah: "Dialah yang berkuasa untuk mengirimkan azab kepadamu, sama ada dari atas atau dari bawah kakimu atau Dia mencampurkan kamu dalam golongan-golongan [yang saling bertentangan] dan merasakan kepada sebahagian kamu keganasan sebahagian yang lain. Perhatikanlah, betapa Kami mendatangkan tanda-tanda kebesaran Kami silih berganti agar mereka memahami [nya]. [Al-An’am : 65]

وَكَانَ اللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ مُقْتَدِرًا (45)

Allah Berkuasa di atas segala sesuatu. [Al-kahf : 45]

Apakah maksud dalil-dalil nama Allah al-Qadir yang ada dalam al-Quran dan as-Sunnah?

Shaikh Abdul Razzaq berkata:

وجميعها تدل على ثبوت القدرة صفة لله، وأنه سبحانه كامل القدرة، فبقدرته أوجد الموجودات، وبقدرته دبرها، وبقدرته سواها وأحكامها، وبقدرته يحيي ويميت، ويبعث العباد للجزاء، ويجازي المحسن بإحسانه، والمسيء بإساءته، الذي إذا أراد شيئا قال له: كن، فيكون. وبقدرته يقلب القلوب ويصرفها على ما يشاء ويريد، ويهدي من يشاء، ويضل من يشاء، ويجعل المؤمن مؤمنا، والكافر كافرا، والبرَّ برًّا، والفاجر فاجرا.

Semua ini menunjukkan penetapan kekuasaan sebagai sifat Allah, bahawa Dia adalah yang maha sempurna kekuasaanNya. Dengan kekuasaanNya, Dia menciptakan semua makhluk, dengan kekuasaanNya Dia mengaturkan makhluk, dengan kekuasaanNya Dia menyempurnakan dan mengukuhkan, dengan kekuasaanNya dia menghidupkan dan mematikan, Dia membangkitkan hamba-hambaNya untuk menerima pembalasan, Dia memberikan balasan kepada orang baik dengan kebaikan, dan membalas orang yang jahat dengan keburukan. Apabila Dia mahukan sesuatu, Dia akan berkata: Jadilah! Maka hal yang dikehendaki akan terjadi. Dengan kekuasaanNya Dia akan membolak-balikkan hati dan memalingkannya ke arah yang Dia kehendaki. Dia memberikan petunjuk kepada sesiapa yang Dia kehendaki, menyesatkan sesiapa yang Dia kehendaki, menjadikan mukmin sebagai mukmin, kafir sebagai kafir, yang baik sebagai baik, yang jahat sebagai jahat.[64]

Keimanan kepada nama Allah al-Qodir akan mengingatkan kita bahawa sebanyak mana pun kuasa yang kita ada di dunia ini, ia masih di bawah kekuasaan Allah.

Keimanan kepada nama Allah al-Qodir juga akan menguatkan lagi keimanan kita kepada qadha dan qadar. Buah kepada keimanan kepada qadha dan qadar akan melahirkan insan yang bertawakkal, redha dan sentiasa bersangka baik dengan Allah.

[64] Fiqh al-Asma’ al-Husna, ms/ 217

Imam al-La'lakaie meriwayatkan dalam Usul al-I'tiqad:

عن ابن عباس قال القدر نظام التوحيد فمن وحد الله ولم يؤمن بالقدر كان كفره بالقضاء نقضا للتوحيد ومن وحد الله وآمن بالقدر كان العروة الوثقي لانفصام لها

Ibn 'Abbas radiallahu 'anhuma berkata: Takdir adalah satu aturan dalam tauhid. Sesiapa yang mentauhidkan Allah tetapi tidak beriman dengan taqdir, maka kufurnya kepada taqdir itu akan membatalkan tauhid. Sesiapa yang mengesakan Allah dan beriman dengan taqdir, maka ia merupakan satu ikatan yang kukuh yang tidak akan putus.[65]

Keimanan kepada taqdir akan melahirkan insan yang sentiasa berfikiran positif kerana dia tahu apa yang telah berlaku adalah apa yang Allah kehendaki, dan apa yang Allah kehendaki, pasti ada kebaikan di sebaliknya. Dia tidak akan terlalu mengeluh atau terlalu menyesali apa yang telah berlaku.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ ، وَفِي كُلٍّ خَيْرٌ احْرِصْ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ ، وَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ وَلَا تَعْجَزْ ، وَإِنْ أَصَابَكَ شَيْءٌ فَلَا تَقُلْ : لَوْ أَنِّي فَعَلْتُ كَانَ كَذَا وَكَذَا ، وَلَكِنْ قُلْ : قَدَرُ اللَّهِ وَمَا شَاءَ فَعَلَ ، فَإِنَّ لَوْ تَفْتَحُ عَمَلَ الشَّيْطَانِ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Mukmin yang kuat lebih dicintai Allah daripada mukmin yang lemah. Terdapat kebaikan dalam setiap orang. Bersungguh-sungguhlah mendapatkan apa yang memberi manfaat kepada kalian. Mintalah pertolongan Allah dan janganlah bersikap lemah. Seandainya sesuatu menimpa kalian, janganlah kalian berkata: Kalau aku melakukan itu dan ini. Sebaliknya sebutlah: Takdir Allah, apa yang Dia kehendaki, akan Dia lakukan. Sesungguhnya perkataan 'Kalau' akan membuka amalan syaitan. [Sahih Muslim, Kitab al-Qadar, hadis no: 4882]

Al-Wadud

وَاسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ إِنَّ رَبِّي رَحِيمٌ وَدُودٌ (90)

Mohonlah keampunan daripada tuhan Mu. Kemudian bertaubatlah kepadaNya. Sesungguhnya Tuhan ku itu Maha Penyayang dan Mencintai. [Hud : 90]

إِنَّهُ هُوَ يُبْدِئُ وَيُعِيدُ (13) وَهُوَ الْغَفُورُ الْوَدُودُ (14)

Sesungguhnya Dia-lah Yang menciptakan [makhluk] daripada permulaan dan menghidupkannya [kembali]. (13) Dia-lah Yang Maha Pengampun lagi Maha Mencintai. [al-Buruj : 13-14]

Apakah maksud al-Wadud?

[65] Syarah Usul I'tikad Ahl as-Sunnah, no: 1224

ومعناه: أي: الذي يحب أنبياءه ورسله وأتباعهم، ويحبونه، فهو أحب إليهم من كل شيء، قد امتلأت قلوبهم محبة له.

Maksudnya: Yang mencintai nabi-nabiNya, rasul-rasulNya dan pengikut-pengikut mereka. Mereka pula mencintaiNya. Dia itu lah yang paling mereka cintai berbanding segala sesuatu. Hati mereka telah diisi dengan cinta kepadaNya.

Shaikh Abdul Rahman bin Sa'di pula berkata:

الودود: أي: المتودد الى خلقه بنعوته الجميلة، وآلائه الواسعة، وألطافه الخفية، ونعمه الخفية والجلية، فهو الودود بمعنى الواد، وبمعنى المودود، يحب اولياءه وأصفياءه ويحبونه، فهو الذي أحبهم وجعل في قلوبهم المحبة، فلما أحبوه أحبهم حباً آخر جزاء لهم على حبهم

Al-Wadud: Yang dicintai oleh makhluk-makhlukNya kerana sifat-sifatNya yang indah, kurniaanNya yang meluas, kelembutan-kelembutanNya yang tersembunyi, nikmat-nikmatNya yang tersembunyi dan yang kelihatan. Dial ah Al-Wadud yang bermaksud yang yang mencintai dan dicintai. Dia mencintai wali-waliNya dan orang-orang pilihanNya, dan mereka turut mencintaiNya. Dia lah yang mencintai mereka dan menjadikan rasa cinta wujud dalam hati mereka. Apabila mereka mencintaiNya, maka Dia membalas dengan cinta yang lain sebagai balasan di atas cinta mereka.[66]

Ini menunjukkan bahawa ia merupakan cinta yang berlaku secara dua arah. Allah mencintai mereka, dan mereka mencintai Allah. Ini hanya akan berlaku antara Allah dan manusia beriman sahaja.

Apabila Allah mencintai seseorang, Allah akan mengisytiharkan cintaNya itu kepada makhluk yang lain.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِنَّ اللَّهَ إِذَا أَحَبَّ عَبْدًا دَعَا جِبْرِيلَ ، فَقَالَ : إِنِّي أُحِبُّ فُلَانًا فَأَحِبَّهُ ، قَالَ : فَيُحِبُّهُ جِبْرِيلُ ، ثُمَّ يُنَادِي فِي السَّمَاءِ ، فَيَقُولُ : إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ فُلَانًا فَأَحِبُّوهُ فَيُحِبُّهُ أَهْلُ السَّمَاءِ ، قَالَ : ثُمَّ يُوضَعُ لَهُ الْقَبُولُ فِي الْأَرْضِ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata, Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya Allah apabila Mencintai seseorang, Dia akan Memanggil Jibril dan berkata: Sesungguhnya Aku Mencintai si fulan, cintailah dia. Lalu Jibril mencintai orang itu, kemudian Jibril menyeru pula penduduk langit: Sesungguhnya Allah Mencintai si fulan. Cintailah dia. Maka penghuni langit pun mencintai orang itu. Kemudian perasaan menerima (cinta) terhadapnya akan diletakkan pula pada penghuni bumi.

[66] Fiqh al-Asma' al-Husna, m/s 222

، وَإِذَا أَبْغَضَ عَبْدًا دَعَا جِبْرِيلَ ، فَيَقُولُ : إِنِّي أُبْغِضُ فُلَانًا فَأَبْغِضْهُ ، قَالَ : فَيُبْغِضُهُ جِبْرِيلُ ، ثُمَّ يُنَادِي فِي أَهْلِ السَّمَاءِ إِنَّ اللَّهَ يُبْغِضُ فُلَانًا فَأَبْغِضُوهُ ، قَالَ : فَيُبْغِضُونَهُ ثُمَّ تُوضَعُ لَهُ الْبَغْضَاءُ فِي الْأَرْضِ

Apabila Allah Membenci seseorang, Dia akan memanggil Jibril lalu berfirman: Sesungguhnya Aku Benci kepada si fulan, hendaklah engkau membenci dia. Maka Jibril pun benci kepada orang tersebut. Kemudian dia menyeru penghuni langit: Sesungguhnya Allah Membenci si fulan, hendaklah kalian membencinya, lalu penghuni langit pun membencinya. Kemudian, perasaan benci itu diletakkan pula pada penghuni bumi. [Sahih Muslim, Kitab al-Birr wa al-Silah wa al-Adab, hadis no: 4778]

Lalu bagaimanakah kita mahu menjadi manusia yang mencintai dan dicintai Allah? Agar cinta kita tidak bertepuk sebelah tangan sahaja? Jawapannya telah Allah sebutkan dalam al-Quran:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ (31)

Jika kalian mencintai Allah, ikutilah aku (iaitu Nabi Muhammad sallallahu ‘alaihi wasallam), nescaya Allah akan mencintai kalian, mengampuni dosa-dosa kalian. Allah Maha Pengampun dan Penyayang [Ali ‘Imran : 31]

Al-Imam Ibn Kathir menerangkan dalam Tafsir al-Quran al-Azhim:

هذه الآية الكريمة حاكمة على كل من ادعى محبة الله، وليس هو على الطريقة المحمدية فإنه كاذب في دعواه في نفس الأمر، حتى يتبع الشرع المحمدي والدين النبوي في جميع أقواله وأحواله

Ayat yang mulia ini menjelaskan kepada sesiapa yang mendakwah mencintai Allah, tetapi dia tidak pula berada di atas jalan Muhammadiyyah, sesungguhnya dia pendusta dalam dakwaan cintaNya, sehinggalah dia mengikuti syariat Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam dan petujuk agama Nabi dalam segala perbuatan, perkataan dan segala hal.

Al-Hasib, Al-Kafi

وَكَفَى بِاللَّهِ حَسِيبًا (6)

Dan cukuplah Allah sebagai Pengawas [atas persaksian itu] [an-Nisa’ : 6]

أَلَيْسَ اللَّهُ بِكَافٍ عَبْدَهُ وَيُخَوِّفُونَكَ بِالَّذِينَ مِنْ دُونِهِ وَمَنْ يُضْلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِنْ هَادٍ (36)

Bukankah Allah cukup untuk melindungi hamba-hamba-Nya. Dan mereka mempertakuti kamu dengan [sembahan-sembahan] yang selain Allah? Dan siapa yang disesatkan Allah, maka tidak seorangpun pemberi petunjuk baginya. [az-Zumar : 36]

{{الحسيب}} هو الكافي الذي كفى عباده جميع ما أهمهم من أمور دينهم ودنياهم، الميسر لهم كل ما يحتاجونه، الدافع عنهم كل ما يكرهونه. ومن معاني الحسيب أنه الحفيظ على عباده كل ما عملوه، أحصاه الله ونسوه، وعلم تعالى ذلك، وميز الله صالح العمل من فاسده، وحسنه من قبيحه، وعلم ما يستحقون من الجزاء ومقدار ما لهم من الثواب والعقاب.

Al-Hasbi: Ialah Al-Kafi iaitu yang memberikan nikmat yang mencukupi kepada hamba-hambaNya dalam segala aspek yang penting daripada urusan agama dan keduniaan mereka. Yang memudahkan kepada mereka apa yang mereka perlukan, yang menghalang daripada mereka segala apa yang mereka tidak suka. Daripada maksud Al-Hasib juga ialah Dia memelihara segala apa yang hamba-hambaNya lakukan. Dia akan menghitung (amalan tersebut) sedangkan mereka lupa. Allah mengetahui semua itu. Dia juga membezakan antara amalan yang soleh dan amalan yang rosak, yang baik daripada yang buruk. Dia juga mengetahui apa balasan yang berhak diberikan kepada mereka daripada pahala dan dosa.[67]

Allah telah mencukupkan kepada kita dalam dua aspek:

1) Aspek agama
2) Aspek keduniaan

Apabila kita meyakini Allah telah memberikan sesuatu yang cukup kepada kita dalam hal agama, kita memahami bahawa ajaran agama telah cukup, tanpa memerlukan sebarang penambahan. Apa yang perlu kita lakukan sebagai tanda beriman bahawa Allah adalah Al-Kafi dan Al-Hasib ialah dengan berusaha bersungguh-sungguh melaksanakan apa yang ada dalam al-Quran dan as-Sunnah, dan menjauhkan diri daripada menokok-tambah ajaran Islam. Islam telah cukup tanpa memerlukan kepada penambahan.

Dalam aspek dunia pula, Dia memberikan nikmat yang mencukupi kepada semua makhluk umumnya, apatah lagi kepada manusia yang bertawakkal kepada Allah.

وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ إِنَّ اللَّهَ بَالِغُ أَمْرِهِ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا (3)

Dan memberinya rezeki dari arah yang tiada disangka-sangkanya. Dan barangsiapa yang bertawakkal kepada Allah nescaya Allah akan mencukupkan [keperluan] nya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusan [yang dikehendaki] Nya. Sesungguhnya Allah telah mengadakan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu. [at-Thalaq : 3]

Apabila kita bertawakkal kita akan berusaha tanpa risaukan keputusannya. Bukanlah tawakkal itu bermaksud duduk begitu sahaja, sebaliknya tawakkal itu adalah berusaha dan menyerahkan urusan kepada Allah. Seperti burung yang keluar pagi mencari makanan.

67 Fiqh al-Asma' al-Husna, m/s 234

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ –صلى الله عليه وسلم– قَالَ « يَدْخُلُ الْجَنَّةَ أَقْوَامٌ أَفْئِدَتُهُمْ مِثْلُ أَفْئِدَةِ الطَّيْرِ ».

Abu Hurairah radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Akan masuk ke dalam syurga kelompok manusia yang hati mereka seperti hati burung. [Sahih Muslim, Kitab al-Jannah, hadis no: 7341]

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ –صلى الله عليه وسلم –« لَوْ أَنَّكُمْ كُنْتُمْ تَوَكَّلُونَ عَلَى اللَّهِ حَقَّ تَوَكُّلِهِ لَرُزِقْتُمْ كَمَا تُرْزَقُ الطَّيْرُ تَغْدُو خِمَاصًا وَتَرُوحُ بِطَانًا ».

'Umar bin al-Khattab radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Seandainya kalian bertawakkal kepada Allah dengan sebenar-benar tawakkal, nescaya kalian akan diberikan rezeki sebagaimana burung diberi rezeki. Ia keluar pada waktu pagi dalam keadaan perut yang kosong, dan pulang dalam keadaan kenyang.

[Sunan at-Tirmizi, Kitab az-Zuhd, hadis no: 2344, hadis hasan sahih]

Borang Penilaian Program
Seminar Nama-Nama Allah



Berikan komen anda untuk penambahbaikan program-program seterusnya

Perkara	**Komen**
Slot 1- Ustaz Tuan Badrul	
Slot 2 – Ustaz Halim Hassan	
Slot 3 – Ustaz Yusof Arbain	
Slot 4 – Ustaz Abdullah Yasin	
Pengurusan Program	
Makanan	
Layanan komiti	

Kritikan dan komen tambahan / cadangan untuk penambahbaikan berdasarkan program ini.

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………